

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 30

Rabu

8 Oktober 2014

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia
(Pindaan) 2014 (Halaman 26)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA

Rabu, 8 Oktober 2014

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah keberkesanan tindakan penguatkuasaan yang telah diambil terhadap aktiviti siber kafe/judi internet memandangkan masih banyak aktiviti perjudian ini yang masih beroperasi dan kembali beroperasi walaupun setelah tindakan penguatkuasaan dijalankan.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah mengenai masalah perjudian. Perjudian adalah masalah kita bersama, masalah kerajaan, masalah rakyat, masalah penyokong kerajaan, masalah rakan-rakan pembangkang. KDN, Kementerian Dalam Negeri, khasnya Polis Diraja Malaysia (PDRM) amat peka dan sensitif kepada isu-isu berkaitan perjudian terutama yang melibatkan penggunaan internet di seluruh negara.

KDN sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah ini. Beberapa langkah telah diambil oleh PDRM bukan sahaja untuk mengesan serta membanteras kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan malah juga sindiket yang boleh menjejaskan imej negara dan merosakkan akhlak sahsiah dan permasalahan keluarga.

Berdasarkan statistik daripada operasi yang dilaksanakan untuk tempoh dua tahun iaitu 2013 dan 2014 yang berakhir pada bulan Ogos yang lalu, PDRM telah berjaya merampas sejumlah 197,477 unit komputer yang dianggarkan berjumlah RM197.477 juta berdasarkan kepada anggaran RM1,000 bagi setiap komputer yang dirampas. Di samping itu dalam tempoh yang sama, seramai 2,500 orang telah didakwa di bawah seksyen 4B, Akta Rumah Judi Terbuka dan 1,753 telah didakwa di bawah 'seksyen 6(2)', Enakmen Hiburan.

Bagi menentukan aktiviti perjudian dapat ditangani dengan lebih berkesan dan terancang, KDN telah mengambil pendekatan dan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) memperhebatkan tindakan yang tegas bagi membanteras kegiatan mesin perjudian berkomputer melalui operasi yang

- dipanggil sebagai Ops Dadu Khas dengan tumpuan dan skala yang lebih besar di seluruh negara;
- (ii) KDN dalam perancangan untuk menubuhkan pasukan khas di peringkat Ibu Pejabat PDRM, Bukit Aman dengan tujuan untuk membasmi masalah perjudian secara lebih berkesan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meluluskan penambahan kekuatan seramai 200 pegawai dan anggota yang khusus bagi melakukan serbuan dan pemeriksaan pusat-pusat yang menganjurkan perjudian di seluruh negara terus dari Bukit Aman ke kawasan sasaran. Pasukan khas yang dikenali sebagai Skwad Taktikal Khas III iaitu perjudian, maksiat dan kongsi gelap dijangka akan mula beroperasi pada Disember ini;
 - (iii) KDN telah menyediakan satu nota maklumat dalam Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri tentang keperluan tindakan bersepadu antara pihak PBT (pihak berkuasa tempatan) yang di bawah kerajaan negeri dengan pihak PDRM untuk mengekang kegiatan perjudian memandangkan pihak PBT mempunyai budi bicara bagi meluluskan dan membatalkan premis lesen untuk perniagaan *cyber cafe* di kawasan pentadbiran PBT berkenaan;
 - (iv) Kerjasama dengan pihak TNB atau Tenaga Nasional Berhad dan pihak berkuasa air akan terus dipertingkatkan untuk tindakan pemotongan bekalan elektrik dan air terhadap premis yang degil dan masih mengulangi kesalahan yang sama;
 - (v) KDN sedang mengkaji tindakan alternatif di bawah Undang-undang Pencegahan Jenayah atau POCA jika tiada keterangan yang kukuh untuk dituduh di mahkamah terhadap individu atau sindiket yang menganjurkan perjudian berkenaan.

Usaha dan tindakan yang diambil oleh PDRM melalui Ops Dadu Khas yang saya sebutkan tadi yang dilakukan secara agresif dan berterusan, *insya-Allah* akan dapat mengekang gejala yang negatif ini daripada terus berlaku. Namun demikian, usaha ini tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa penglibatan orang ramai dalam menyalurkan maklumat kepada pihak polis di samping menghindari aktiviti yang tidak sihat ini kerana aktiviti perjudian akan terus wujud jika ada permintaan daripada penjudi-penjudi.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah memberi jawapan yang komprehensif terhadap 5 *point* yang telah dibangkitkan tadi. Cuma Yang Berhormat Menteri, saya agak terpujikan untuk berkongsi dengan Yang Berhormat Menteri bahawa selain daripada tindakan yang diambil ini kita lihat bahawa hari ini premis-premis judi ini masih menjalankan operasi macam biasa.

■1010

Saya takut kalau tauke-tauke ataupun operator-operator premis judi ini kalau dia tidak lagi menghormati tindakan diambil oleh polis selepas ambil tindakan dan buka balik semula saya takut bahawa negara kita ini akan menjadi seperti Colombia, Mexico yang mana orang cuma takut kepada mafia, gengster tetapi dengan polis dia tidak takut.

Jadi saya cuba ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, apa pandangan Yang Berhormat Menteri bahawa kalau kita lihat dalam kita membasmi dadah kita mempunyai langkah-langkah pencegahan. Jadi dalam soal ini boleh tidak kementerian memikirkan langkah-langkah pencegahan iaitu yang pertama kalau kita boleh menggunakan tangkapan tanpa bicara kepada suspek tauke-tauke judi ini simpan 60 hari. Kita tengok apa jadi dia punya operasi. Satu.

Nombor dua, mana-mana pekerja yang kita tangkap dalam premis judi ini kebanyakan daripada mereka ini ialah pendatang asing. Kita tangkap terus simpan 60 hari dan hantar balik. Saya hendak tengok berapa orang berani bekerja dalam itu. Nombor tiga, saya juga kalau boleh kementerian memikirkan satu undang-undang langkah pencegahan ini iaitu kita mengeluarkan satu undang-undang untuk merampas premis-premis yang disewakan kepada operator judi ini menjadi hak kerajaan. Kita rampas premis ini. *[Tepuk]* Kita rampas premis ini dan kalau dia mengatakan dia tidak tahu bahawa premis ini diguna sebagai tempat judi suruh dia jawab di mahkamah. Kita rampas *property* ini.

Kemudian saya juga hendak kalau boleh kementerian meletakkan KPI kepada OCPD. OCPD-OCPD daerah ini kena bertanggungjawab dalam kawasan mereka. Kalau mereka tidak tahu bahawa ada premis-premis judi dalam kawasan ini bermakna ini *something wrong* kepada OCPD. Saya hendak ambil contoh Yang Berhormat Menteri di kawasan saya kita bekerja dengan OCPD dan akhirnya kita dapat selesaikan dalam kawasan kita.

Akan tetapi dalam kawasan-kawasan lain benda ini masih berleluasa. Jadi saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa boleh tidak cadangan-cadangan yang saya bangkitkan tadi ini supaya dapat kita buat sebagai langkah-langkah pencegahan kepada premis ini kerana saya fikir 200 *special task force* ini untuk jaga satu *country* saya rasa agak *impossible* untuk kita mengatasinya. Sekian.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, mukadimah tadi saya menyebutkan bahawa masalah perjudian ini ialah masalah kita bersama. Masalah di sini dan masalah di sana, masalah di luar dan masalah kita di dalam.

Saya ingin menyebutkan bahawa Yang Berhormat Titiwangsa sendiri sebenarnya telah turun ke bawah bersama-sama dengan OCPD. Turun ke bawah ke rumah-rumah perjudian untuk melakukan pencegahan dan pembanterasannya. Inilah contoh yang terbaik yang saya sendiri dapat tahu. *[Tepuk]* Saya yakin yang di sana juga termasuk kawan-kawan kita bersama-sama dengan saya, bersama-sama dengan polis untuk melakukan pembanterasannya.

Saya ingin menjawab beberapa persoalan Tuan Yang di-Pertua yang ditimbulkan tadi iaitu tentang tempat-tempat judi dan tauke-tauke judi ini tidak takut kepada polis. Ini satu kelumrahan kerana kita dapati bahawa judi-judi berinternet ini mempunyai server di luar

negara. Tanpa kerjasama daripada TNB, tanpa kerjasama daripada pihak berkuasa air, tanpa kerjasama daripada pihak PBT mustahil perkara ini dapat dilakukan. TNB dari segi pemotongan bekalan elektrik, pihak berkuasa air dari segi pemotongan bekalan air, PBT dari segi pengeluaran lesen PHK (pusat hiburan keluarga) termasuk negeri-negeri yang dikuasai oleh bukan yang sebelah sini (pihak kerajaan) peka mengeluarkan lesen-lesen pusat hiburan keluarga ini.

Saya harap kita sama-sama jangan keluarkan langsung lesen PHK ini dan yang terakhir ialah kerjasama harus diperoleh daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia kerana apabila mesin judi dirampas, komputer dirampas tetapi talian tidak dipotong. Ini adalah kuasa pihak SKMM. Kita harus memberikan kepercayaan kepada SKMM untuk memotong talian itu di mana servernya datang dari luar negara.

Saya juga melihat bahawa langkah-langkah pencegahan termasuk tangkapan tanpa bicara *insya-Allah* kita akan lakukan termasuk menggunakan POCA. [Tepuk] Nanti pihak sana pula kata kenapa ditangkap tanpa bicara. Soalnya tidak ada bukti yang boleh membawa mereka ke mahkamah. Sebab itu kita mahu menangkap mereka mengikut POCA. Bukan kita mahu menyalahkan undang-undang. Begitu juga undang-undang untuk merampas premis-premis perjudian.

Di persidangan Dewan yang mulia ini pada tahun lepas saya telah mengemukakan sepuluh undang-undang selari untuk diluluskan oleh Dewan ini termasuk merampas premis-premis judi itu sama ada dipunyai oleh tuan punya itu atau disewa harus dirampas tetapi malangnya kita telah mengambil keputusan untuk melewatkan pembentangan itu. Saya harap Dewan ini bersetuju dengan saya pada kali ini kita buat perkara ini. [Tepuk]

Ini bukan retorik. Ini sesuatu yang telah saya kemukakan dan kita tahu bahawa KPI untuk OCPD. *Insya-Allah* cadangan Yang Berhormat Titiwangsa ini saya akan beritahu kepada Ketua Polis Negara jadikan sebagai KPI untuk seluruh Ketua Polis Daerah seluruh negara.

Di samping itu saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa beberapa undang-undang harus dibawa ke Dewan ini termasuk sokongan daripada Ketua Pembangkang yang baru masuk yang tidak mendengar hujah saya iaitu tiga undang-undang yang harus kita bawa ke Dewan ini iaitu Akta Rumah Judi Terbuka yang telah dibuat pada tahun 1953. Satu umur dengan Ahli Parlimen Pokok Sena atau dia lebih muda sedikit, mungkin. Undang-undang itu dibuat sesuai dengan waktu ketika itu. Tidak sesuai dalam waktu ini kerana dahulu tidak ada internet sekarang ada internet termasuk internet yang memburukkan pelbagai orang.

Yang kedua Akta Loteri 1952 harus dipinda dan harus diperbaharui dan yang ketiga ialah Akta Pertaruhan Pool yang telah dibuat pada 1967. Ini adalah merupakan undang-undang yang harus dipinda yang dipanggil *draconian*, undang-undang lapuk. Ini harus dibawa ke Dewan ini untuk kita pinda dan kita harap perkara-perkara yang sebegini menjadi keutamaan kepada kita semua. Sekali lagi saya sebutkan bahawa masalah perjudian ini bukan masalah polis sahaja, bukan masalah KDN sahaja tapi masalah kita bersama di sana dan juga di sini.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan terhadap masalah perjudian siber ini memang tidak berkesan oleh PDRM seperti yang dikatakan berkali-kali oleh Yang Berhormat Titiwangsa dan juga rakan-rakan di sebelah sini kerana seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri masalah ini server itu berada di luar negara. PDRM pergi menyita komputer itu, beribu-ribu komputer disita pun tidak guna kerana server itu tetap berada di luar negara dan TNB pergi potong elektrik pun tidak guna sebab dia potong elektrik tempat lain boleh teruskan.

Baru-baru ini di Parlimen Singapura telah meluluskan satu undang-undang baru *Remote Gambling Bill* yang memberikan kuasa kepada kerajaan untuk menyekat mana-mana laman web perjudian ini daripada diakses di Singapura dan juga memberikan kuasa kepada Kerajaan Singapura untuk menyekat transaksi wang melalui bank kepada institusi-institusi ataupun syarikat-syarikat yang terlibat dalam perjudian ini.

Persoalan saya ialah seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi beberapa undang-undang perlu dipinda tetapi saya nampak ataupun saya lihat bahawa beberapa undang-undang itu tidak relevan kepada perjudian siber dan adakah kerajaan mengambil satu pendirian supaya membawa ataupun menggubal satu undang-undang baru seperti yang digubal oleh Kerajaan Singapura untuk menyekat perjudian siber ini. Ini yang pertama.

Yang keduanya saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Titiwangsa. Kalau sesuatu daerah itu masalah perjudian siber itu tidak diselesaikan, apakah ini ada masalah dengan OCPD? Ini kerana saya yakin OCPD-OCPD ini tahu di mana kedai-kedai pusat judi siber ini.

■1020

Ada banyak tempat, ratusan pusat judi siber tetapi macam polis tidak ada kuasa untuk menyekat masalah ini. Jadi saya menyarankan kepada Menteri Dalam Negeri, kalau ada sesuatu daerah itu ada maklumat bahawa ada beratus pusat judi siber ini dan OCPD tidak dapat menyelesaikan masalah itu, maka OCPD itu tentunya ada masalah dan perlu ditukar serta-merta. Terima kasih. [*Tepuk*]

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Semangat ini bukan semangat Yang Berhormat Seremban sahaja, masalah semangat di sini lebih kuat lagi daripada Yang Berhormat Seremban sebenarnya.

Saya ingin sebutkan bahawa 53 *website* telah dikenal pasti dan telah diambil tindakan dengan kerjasama SKMM. Telah dibuat dan ada permasalahan dari segi perundangan. Perundangan-perundangan tadi memang disebutkan tadi termasuklah meminda undang-undang yang sedia ada termasuk undang-undang yang saya sebutkan tadi, Akta Rumah Judi Terbuka 1953 yang telah tidak relevan lagi dengan waktu ini. Oleh sebab itu, saya fikir saya mohon kepada Ahli-ahli Dewan ini supaya bersama-sama dengan saya dan KDN untuk meminda undang-undang ini. Atau jika tidak sesuai, undang-undang baru perlu dikemukakan supaya perjudian ini dapat dibanteras oleh kita semua. [*Tepuk*]

Masalah OCPD. Saya fikir bukan sahaja cadangan dari Yang Berhormat Seremban tetapi Yang Berhormat Titiwangsa telah mencadangkan KPI. Saya fikir apa yang patut kita buat sekarang ini - termasuklah ada di kalangan tauke-tauke judi yang menggunakan

kaedah *remote control*. Apabila OCPD datang, dia tutup semua maklumat di dalam mesin judi itu dan *blackout*. Begitu juga apabila elektrik dipotong, tidak ada undang-undang yang ada yang bahawa mereka boleh ambil elektrik dari premis sebelah untuk sambung atau daripada perbekalan air di sebelah, sambung, tidak ada. Jadi kita semua harus bertanggungjawab dalam perkara itu untuk meminda undang-undang yang berkenaan.

Maka saya mohonlah kepada Menteri Besar Selangor yang baru yang tidak ada supaya PHK ini atau pusat hiburan keluarga yang lesennya dikeluarkan oleh Majlis Daerah, Majlis Perbandaran dihapuskan, dibatalkan. Inilah puncanya. Ini kerana ketika mesin judi itu dioperasikan, hadiah-hadiah dalam bentuk dengan izin, *in-kind*, ditukarkan dengan wang. Jadi seolah-olah seperti pusat hiburan keluarga, seolah-olah begitu tetapi sebenarnya itu adalah pusat perjudian. Ini tanggungjawab kerajaan negeri. Saya minta kerajaan-kerajaan negeri yang dikuasai oleh rakan-rakan di sana dan kita semua harus membatalkan semua PHK... [Disampuk] Termasuklah wilayah. Saya kata semua. Kita bertanggungjawab semua. Kalau Padang Terap atau Pokok Sena ada... [Disampuk] Ya, Padang Terap ertinya belah sinilah atau Pokok Sena yang dia angkat kelapa di *airport*, harus mengambil tindakan yang sama.

Saya ingin ulangi lagi sekali bahawa masalah perjudian adalah masalah kita bersama. Mari kita bersama-sama membanteras perjudian ini. Terima kasih.

2. Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan keperluan untuk menubuhkan 148 Jawatankuasa Perwakilan Penduduk di peringkat bandar dengan peruntukan sebanyak RM63 juta setahun. Nyatakan kriteria-kriteria yang diguna pakai untuk melantik anggota-anggota Jawatankuasa Perwakilan Penduduk.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan [Datuk Abd. Rahman Dahlan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) merupakan satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan transformasi di kawasan bandar bagi meningkatkan penyertaan rakyat ataupun *public participation*, dengan izin dan menangani isu-isu perbandaran untuk kesejahteraan penduduk bandar. Ia amat diperlukan susulan proses pemesatan bandar yang mana sehingga kini lebih 70% penduduk negara ini tinggal di kawasan bandar. JPP merupakan mekanisme bagi penduduk menyalurkan aduan dan pandangan kepada pihak berkuasa.

Kriteria-kriteria yang diguna pakai untuk melantik anggota-anggota Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) adalah seperti berikut:

- (i) Penduduk yang bermastautin di dalam zon tersebut;
- (ii) warganegara Malaysia yang berumur di antara 21 tahun hingga 65 tahun;
- (iii) kelayakan akademik sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia dan setaraf dengannya;
- (iv) keutamaan diberikan kepada individu yang bergiat aktif dalam pertubuhan, persatuan atau kerja-kerja amal;

- (v) tidak isytiharkan muflis;
- (vi) tidak mempunyai sebarang rekod jenayah;
- (vii) bukan di kalangan ahli majlis yang sedang berkhidmat;
- (viii) pemilihan calon JPP dari kalangan penjawat awam dan golongan profesional adalah wajar digalakkan untuk membuka minda dan melaksanakan transformasi pengurusan bandar; dan
- (ix) lain-lain syarat yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Bagi jawatan Pengerusi JPP, pemilihan hendaklah dari kalangan *opinion leaders*, dengan izin, yang berpengaruh serta bersesuaian dengan taraf sosial dan memahami pemikiran masyarakat setempat. Pengerusi JPP merupakan individu yang dapat menyumbang idea dan membuat keputusan serta menjadi *role model* kepada penduduk setempat.

Bagi maksud penyelarasan JPP di setiap PBT, kerajaan telah meluluskan 184 perjawatan Unit Kesejahteraan Bandar yang terdiri daripada Gred M44, N32, N27 dan N17 yang akan ditempatkan di pihak berkuasa tempatan terpilih sebagai sekretariat JPP di peringkat negeri.

Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan sedikit statistik yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur iaitu bukannya 148 Jawatankuasa Perwakilan Penduduk tetapi sebenarnya 3,552. Terima kasih.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada apa yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri, nampaknya Kerajaan Persekutuan berniat untuk menubuhkan satu JPP yang nampaknya sama fungsi dan peranan dengan Ahli-ahli Majlis yang dilantik. Ini kerana penyaluran maklumat daripada penduduk setempat dan semua itu mereka boleh buat melalui Ahli Majlis. Apa yang kita perlu ialah pilihan raya kerajaan tempatan agar ahli-ahli majlis yang dipilih ini mereka betul-betul berkhidmat untuk kawasan tersebut.

Daripada jawapan yang diberikan, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah ia satu langkah Kerajaan Persekutuan untuk cuba untuk *side-step*, dengan izin, Ahli-ahli Majlis yang masa kini dilantik oleh Kerajaan Pakatan Rakyat? Ini kerana apa yang kita nampak fungsi-fungsi mereka adalah sama.

Apa yang lebih penting Yang Berhormat Menteri, pelantikan ini nampaknya adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan di mana Jadual Kesembilan, *list* yang kedua, senarai kerajaan negeri yang dengan jelas mengatakan pentadbiran tempatan, perbadanan perbandaran dan juga lembaga tempatan adalah di bawah bidang kuasa negeri. Jadi bukannya ini akan melanggar Perlembagaan Persekutuan yang telah pun kita ada selama ini? Sila beri penjelasan.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Tuan Yang di-Pertua, saya kira Yang Berhormat dari Ipoh Timur ini tidak membaca betul apa yang diinginkan oleh Kerajaan Persekutuan. Banyak yang dituduh dan diberikan pandangan tadi.

Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, ia tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan disebabkan JPP ini tidak ada kaitan dengan pentadbiran Majlis Tempatan ataupun kawasan pihak berkuasa tempatan, tidak langsung.

Saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan perbezaan di antara Majlis pihak berkuasa tempatan dengan Jawatankuasa Perwakilan. Pertamanya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa tempatan mempunyai kuasa untuk mewujudkan undang-undang kecil. Jawatankuasa Perwakilan Penduduk ataupun JPP ini tidak mempunyai kuasa untuk mewujudkan ataupun membuat undang-undang kecil yang boleh mengenakan caj bayaran dan fi.

Keduanya, Ahli Majlis di bawah PBT boleh mengambil langkah-langkah bagi menghapuskan kacau ganggu sama ada di premis awam ataupun persendirian. JPP tidak boleh berbuat demikian. Kemudian, Ahli Majlis boleh menghapus, merubah dan meruntuh dan menjalankan apa-apa perubahan bagi menjadikan sesebuah bangunan itu menjadi layak untuk dudi. Juga, JPP tidak mempunyai kuasa untuk berbuat demikian. Begitu juga dengan penguatkuasaan. JPP tidak mempunyai kuasa tetapi majlis mempunyai kuasa seperti yang termaktub dalam perlembagaan. Kemudian pendakwaan dan juga penyitaan.

■1030

Semua itu tidak ada dalam JPP. Itu semua dalam Majlis Perwakilan. Akan tetapi isunya begini Tuan Yang di-Pertua, 70% daripada rakyat Malaysia sekarang ini berada dalam kawasan perbandaran dan pihak berkuasa tempatan tidak mempunyai kewangan yang mencukupi dan juga kemampuan untuk menangani semua isu perbandaran semakin kompleks. Saya ingin ambil tahu kepada Yang Berhormat bahawa isu perbandaran dan juga isu-isu yang berada dalam kawasan perbandaran bukanlah hak mutlak dan tanggungjawab kerajaan negeri ataupun PBT. Kerajaan Persekutuan juga mempunyai hak untuk membawa pembangunan dan juga memberikan pandangan di dalam pembangunan kawasan perbandaran. Malah sekarang ini banyak daripada perkhidmatan yang diberikan di kawasan perbandaran adalah oleh agensi-agensi kerajaan persekutuan. Hospital contohnya, sekuriti, bomba, pendidikan, semuanya itu di dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Jadi tidak berlaku pertindihan kuasa Yang Berhormat. Saya pun tidak tahu kenapa Yang Berhormat masih risau sedangkan isu perbandaran ini semakin kompleks. Oleh sebab itu saya sudah menyatakan tadi bahawa JPP ini adalah satu langkah bagi pihak kerajaan untuk mendekati kerajaan dengan rakyat dan penduduk di kawasan perbandaran. Saya tidak ada masalah negeri-negeri lain tidak ada masalah. Kenapa negeri Pulau Pinang dan Selangor menjadi masalah? *[Disampuk]* Itu sebabnya saya katakan tadi apa bezanya dengan PPS dan RELA apabila Kerajaan Negeri Pulau Pinang mewujudkan pasukan patrol sukarela sedangkan ada RELA? Konsepnya ialah...

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: ...lanya ingin menambah baik. Itu yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang menambah baik kononnya. Jadi kita mengambil pendekatan bahawa...

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Memang menambah baik.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Sekejaplah. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua JPP ini adalah langkah Kerajaan Persekutuan untuk mendekatkan diri dan juga memberitahu kepada penduduk di kawasan perbandaran yang banyak sangat tidak mengetahui apa yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan di kawasan perbandaran.

Satu lagi poin Tuan Yang di-Pertua sebelum saya duduk untuk menjawab Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: JPP haram.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Apa dia cakap?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat di kawasan PBT sekarang ini, tidak ada cara dan juga peluang untuk wakil-wakil penduduk untuk berhadapan dengan ketua-ketua Jabatan Persekutuan. *These are the most important things* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Dengan wujudnya Majlis Perwakilan penduduk di mana semua pengerusi JPP ini nanti akan duduk dalam satu majlis di mana semua Ketua Jabatan Persekutuan akan duduk dan bersemuka dengan wakil-wakil penduduk ini. Ini tidak berlaku sekarang. Dalam Majlis Daerah pun tidak berlaku. Buat pertama kalinya ketua-ketua jabatan, OCPD, PPD. Pengarah Hospital semuanya itu mesti berada dalam Majlis Perwakilan Penduduk untuk membolehkan wakil-wakil penduduk ini bertanya dan juga mengadu secara langsung bersemuka *face to face*, dengan izin dengan ketua-ketua jabatan tersebut. Terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat berterima kasih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah menubuhkan JPP secara rasmi yang diiktiraf oleh kerajaan.

Beberapa Ahli Pembangkang: Haram, haram.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Haram pihak yang tidak bersetuju, yang ada rasa ada kepentingan dan agenda tersendiri. Akan tetapi JPP yang ditubuhkan ini kita lihat di kawasan-kawasan tradisi kita ada ketua kampung yang boleh menandatangani untuk rakyat biasa. Kalau pihak pembangkang bolehlah asal hendak kompelin kerajaan buat macam-macam. Akan tetapi ini yang saya katakan terima kasih. Cuma saya hendakkan Yang Berhormat Menteri...

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur...

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: ...Menjelaskan kuasa sebenar pengerusi taman. Sebelum ini pengerusi taman ada. Hendak berhadapan sains tidak laku terpaksa taman yang semakin berkembang ini mencari penghulu-penghulu. Akan tetapi hari ini

dengan adanya penubuhan JPP yang diiktiraf oleh Kerajaan Persekutuan, maka banyak masalah rakyat di bawah boleh selesai. Akan tetapi pihak pembangkang memang mencari isu. Ini kerana mereka sebenarnya bukan memikirkan rakyat. mulut cakap soal rakyat, hati tidak bercakap mengenai rakyat. Jadi saya minta pandangan daripada kerajaan. *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: Cantik.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Gerik. Pembangkang Tuan Yang di-Pertua dia tidak tahu bahawa ini bukannya satu badan pentadbiran PBT. Mereka hanya ingin mengelirukan rakyat. Saya hendak jawab sedikit kepada Yang Berhormat Gerik. Betul Tuan Yang di-Pertua, kalau kawasan-kawasan yang dikuasai oleh pembangkang ini mereka tidak mengiktiraf pun apa yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan di kawasan perbandaran sedangkan kita berbelanja berbilion-bilion dalam kawasan bandar. Mereka mengatakan Kerajaan Persekutuan tidak membuat apa-apa. Oleh sebab itu kita tidak mahu rakyat dikelirukan oleh pihak-pihak tertentu. Kita mahu buat kali ini kehadiran Kerajaan Persekutuan dirasai di kawasan perbandaran yang banyak kali telah dipesongkan tujuan mereka oleh pembangkang.

Oleh sebab itu saya katakan Tuan Yang di-Pertua macam ketua taman perumahan (*resident association*), mereka tidak mempunyai hubungan secara langsung dengan PBT Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi melalui dengan JPP ini buat pertama kalinya wakil-wakil penduduk boleh berhadapan dengan ketua-ketua jabatan Kerajaan Persekutuan di dalam majlis perwakilan tersebut. Jadi apa yang takut sangat dengan Kerajaan Persekutuan untuk mendekati rakyat di kawasan pembangkang? Selama ini kita tidak mendapat pengiktirafan. Kalau kita buat jalan dikatakan...

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Kita takut masalah Kerajaan Persekutuan tidak ada kuasa untuk melantik JPP di bawah Perlembagaan Persekutuan adalah tidak benar.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur duduklah.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Apa guanya kita lantik jika tidak ada Ahli Majlis?

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Kita bukan semberono macam kerajaan pembangkang. Kita membuat sesuatu kita telah melihat segala peruntukan perundangan. Tuan Yang di-Pertua, kita bukan macam PPS, ada RELA, ada polis bantuan hendak buat juga pasukan sukarela. Selepas itu Tuan Yang di-Pertua saya memberi jaminan...

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: JPP haram, JPP haram.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: ...Saya bagi jaminan Tuan Yang di-Pertua bahawa Ahli-ahli Jawatankuasa Perwakilan Penduduk bukannya terdiri daripada penjenayah ataupun bekas penjenayah seperti yang diambil PPS di Pulau Pinang. *[Tepuk]* Itu janji saya kepada Yang Berhormat Ipoh Timur. Boleh? Jadi sebab itu jangan takut.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Kita bukan takut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur cukup Yang Berhormat.

3. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan-rancangan dan aktiviti-aktiviti bermanfaat yang boleh melibatkan masyarakat di kampung-kampung baru lebih memahami dan seterusnya memberikan sokongan terhadap polisi kerajaan yang sedang berlangsung.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memperuntukkan berjumlah RM2 juta pada tahun 2014 sebagai bantuan kewangan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Kampung Baru untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti atau program-program kemasyarakatan di 450 buah kampung-kampung baru, 113 buah kampung baru rangkaian dan 44 buah Kampung Bagan di seluruh negara yang mana ianya di bawah jagaan bahagian Kampung Baru JPM. Dalam hal ini JKKK Kampung Baru boleh memohon bantuan kewangan minimum dari RM1,000 kepada maksimum RM7,000 bergantung kepada jenis dan saiz program dan juga keperluan untuk melaksanakan program-program di kampung-kampung baru untuk mendedahkan dan memperjelaskan polisi-polisi dan bantuan-bantuan kerajaan supaya penduduk kampung baru lebih memahami polisi dan bantuan sedia ada kerajaan.

Kesemua 70 orang pegawai kemajuan perkampungan PKP telah diarahkan untuk menyampaikan maklumat tersebut kepada semua JKKK Kampung Baru di samping memantau pelaksanaan program kemasyarakatan ini. Selain daripada itu JKKK Kampung Baru boleh menggunakan program kemasyarakatan ini sebagai sesi *engagement* dengan penduduk kampung dalam mendapatkan input mereka terhadap polisi dan dasar kerajaan termasuk projek-projek pembangunan yang dijalankan. Penduduk kampung baru juga boleh menyuarakan hasrat dan pandangan mereka kepada kerajaan melalui JKKK supaya perancangan dasar dan infrastruktur dapat dibuat dengan mengambil kira input mereka. Terima kasih.

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Kerja kemasyarakatan itu saya nampak baik, tetapi saya ingin tahu adakah kaedah penyampaian maklumat yang diberikan difahami ataupun berkesan oleh masyarakat di kawasan kampung contohnya GST. Selain daripada itu saya ingin tahu juga berapakah jumlah peruntukan bagi kampung baru untuk tahun 2014?

■1040

Sehingga kini berapakah jumlah peruntukan pembangunan kampung-kampung baru telah diagihkan dan status projek serta jenis skop pembangunan yang dibenarkan di bawah projek GRK ataupun gotong-royong kementerian? Sekian, terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menjawab tentang program kemasyarakatan. Sebenarnya kita telah memberi satu garis panduan yang jelas kepada semua JKKK. Pertama, dalam program kemasyarakatan ini, ia mesti melibatkan pengerusi, setiausaha JKKK dan mereka juga boleh mempelawa wakil-wakil rakyat dan juga pemimpin tempatan untuk sama sekali mendengar pandangan rakyat.

Pertama, penyampaian polisi kerajaan sepertimana Yang Berhormat sebutkan GST. Memang kita perlu menyampaikan maklumat kepada penduduk-penduduk kampung ini kerana mereka sering mendapat maklumat yang tidak tepat. Jadi, kita ada satu SOP untuk semua program kemasyarakatan ini supaya perkara-perkara yang menjadi topik hangat ini kita terangkan kepada rakyat. Kita memang ada panduan dari segi itu untuk kita hendak sampaikan kepada semua JKJK.

Seperti mana yang saya jawab tadi, yang pertama, kita juga menganggap ini sebagai satu sesi *engagement* yang sangat bermakna. Selama ini kita telah melaksanakan banyak projek. Sebagai contoh, pada tahun ini kampung baru peruntukannya ialah RM54 juta dan sehingga hari ini kita telah meluluskan RM50.5 juta. Ini adalah satu jumlah yang saya rasa besar tetapi apabila kita hendak memastikan wang itu dilakukan ataupun projek itu dilaksanakan secara GRK oleh JKJK, kita kena memantau dengan rapi. Jadi dalam kes ini, saya ingin memaklumkan pada Dewan yang mulia ini, sebanyak 684 projek telah diluluskan untuk kampung-kampung baru ini. Jadi ada yang telah siap, ada yang sedang dilaksanakan dan program-program ini lebih kepada menurap jalan, memperbaiki sistem perparitan, ada untuk membina balai raya ataupun dewan terbuka mengikut keperluan kampung-kampung baru yang mereka kemukakan pada awal tahun setiap kali apabila bajet telah dibentangkan di Parlimen. Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya ingin bertanya adakah ini propaganda satu hala ataupun *one way propaganda* ataupun kementerian bersedia untuk mengadakan *community building* dengan cara yang lebih *inclusive*, dengan cara yang tanpa politik dan dengan cara yang membawa anak muda di Kampung Baru supaya menyertai program-program ini. Tanpa *approach* ataupun pendekatan yang begitu politik untuk menyampaikan mesej kerajaan satu hala sahaja, itu satu.

Kedua, adakah Menteri jangka kerajaan akan menambah peruntukan untuk kampung-kampung baru ini dalam tahun yang akan datang? Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Pertama, saya rasa Yang Berhormat Kluang mungkin saya kena memaklumkan kepada Yang Berhormat itu bukan satu hala. Apabila kita melakukan sesi *engagement*, bermaksud kita hendak mendapatkan maklum balas para penghuni. Ini adalah salah satu cara untuk kita mendapatkan input mereka. Saya beri satu contoh, kalau kita buat satu projek infrastruktur di kampung baru dan kita korek jalan ataupun korek parit tanpa memaklumkan kepada orang kampung apa yang hendak dilakukan untuk memperbaiki sistem saliran dalam kampung itu. Mungkin mereka akan maki hamun pada kita kerana tidak menghormati ataupun tidak menerangkan secukupnya kepada penduduk kampung. Itu sebagai satu maklum balas yang cukup dan saya rasa sangat berharga untuk kita.

Kedua, apabila kita menyampaikan sebagai contoh kalau GST. Kita juga mendengar pandangan-pandangan mereka dan kita bukan sahaja berjumpa dengan warga tua di kampung-kampung baru. Sebagai contoh baru-baru ini saya telah melawat di kawasan Yang Berhormat, di Kampung Ramli sebagai contoh. Dalam kampung itu ada 600 orang penduduk, saya sempat berjumpa dengan 350 orang. Kita telah berbincang apakah

masalah yang dihadapi oleh orang kampung. Sebagai contoh, peluang pekerjaan bagi orang-orang muda. Itu juga kita ambil kira, bukan sahaja kita memberi maklumat daripada pihak kerajaan, pada waktu yang sama kita hendak mendengar apakah desakan tentang kos sara hidup, kita juga mendengar. Saya yakin perkara-perkara ini boleh kita bawa kepada perhatian Yang Amat Berhormat sebelum kita memuktamadkan Bajet 2015. Saya rasa ini sebagai satu contoh yang kita buat.

Kedua, tentang peruntukan kampung baru. Apabila kita sebut peruntukan, ia merupakan sebahagian daripada perancangan lima tahun RMKe-10. Jadi, oleh kerana telah dihaskan satu jumlah peruntukan untuk kampung baru untuk RMKe-10, bermaksud pada tahun depan kita akan gunakan baki yang ada. Cuma setahun sahaja dan saya rasa ia adalah satu perancangan untuk lima tahun dan segala projek-projek pembangunan ini adalah berlandaskan kepada prinsip tersebut. Terima kasih.

4. Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah dan usaha kerajaan dalam menangani gejala '*human trafficking*' yang semakin buruk di Malaysia sehingga memburukkan nama negara.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai usaha dalam menangani jenayah pemerdagangan orang. Di antara langkah yang telah diambil oleh kerajaan ialah dengan mewujudkan Akta Antipemerdagangan Orang 2007. Akta ini diluluskan pada 24 April 2007 dan berkuat kuasa sepenuhnya pada 28 Februari 2008. Akta ini kemudiannya telah dipinda dan dikuatkuasakan pada 15 November 2010 dan kini dikenali sebagai Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

Bagi memastikan akta ini dapat dikuatkuasakan dan usaha dapat dilaksanakan, Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran atau MAPO telah ditubuhkan. Susulan daripada penubuhan MAPO tersebut, lima jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Perundangan, Penguatkuasaan, Perlindungan dan Pemulihan Mangsa, Media dan Publisiti serta Jawatankuasa Khas Pemerdagangan Buruh telah pun dibentuk. Kerajaan telah melancarkan pelan tindakan kebangsaan sebagai satu panduan untuk melaksanakan usaha bagi membanteras jenayah pemerdagangan orang tersebut. Pelan tindakan kebangsaan ini menggariskan strategi kerajaan dalam membanteras jenayah ini di peringkat domestik dan juga peringkat antarabangsa.

Beberapa langkah telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk penambahbaikan pemerdagangan orang:

- (i) membuat pindaan kepada Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran atau ATIP SOM 2007;
- (ii) mengukuhkan sekretariat MAPO bagi tujuan penyelarasan dan koordinasi jawatankuasa-jawatankuasa di bawah MAPO serta secara lebih efektif dan terancang; dan
- (iii) menyediakan dana tahunan bagi MAPO untuk melaksanakan program atau aktiviti menangani jenayah pemerdagangan orang.

Pindaan kepada ATIP SOM 2007, pengukuhan sekretariat MAPO dan penyediaan bajet khusus bagi program atau aktiviti pembanterasannya adalah merupakan langkah-langkah penambahbaikan yang perlu diambil oleh pihak kerajaan bagi tujuan untuk mempertingkatkan kedudukan negara bagi tempoh penilaian oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat pada tahun 2015 dan seterusnya.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, terima kasih atas jawapan yang telah diberikan. Soalan saya, kenapakah dengan adanya akta-akta yang disebut tadi serta usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan, status Malaysia dari segi membanteras *human trafficking* jatuh ke paras yang paling rendah iaitu ke *tier 3*, sama paras dengan negara Thailand yang begitu popular sekali dengan industri seks. Mengikut laporan CNN, yang dikatakan dari CNN dengan izin, '*lack of insufficient action against human trafficking*'.

Dalam satu temu duga dengan mangsa yang terselamat, negara kita adalah *human trafficking hub* di mana sebagai tempat strategik untuk menghantar mangsa ke negara lain. Ini adalah sangat membimbangkan. Yang Berhormat Menteri, mengikut sebuah dokumentari yang bertajuk 'Trapped' yang boleh ditonton di *YouTube*, dengan izin. *Under age sex industry* di Malaysia adalah begitu ketara sehinggakan walaupun ia adalah salah dari segi undang-undang, perniagaan seks dijalankan seumpama ianya adalah sah.

Soalan saya, apakah langkah serius kerajaan dalam melindungi mangsa-mangsa industri seks ini di mana di antara mereka dipaksa, dicabuli kehormatan mereka, pasport dirampas oleh sindiket-sindiket yang dikhuatiri begitu berkuasa sehingga memburukkan nama baik pihak berkuasa kita, pihak polis kita kerana dikhuatiri melindungi sindiket ini yang sudah sekian lama budaya perlindungan ini diamalkan.

■1050

Saya percaya rakyat mahu tindakan yang serius yang ditunjukkan oleh kerajaan. Buktikanlah dengan kembalikan status kita daripada *tier 3* ke *tier 1*, biarlah ini KPI kerajaan kita. Dengan ini, saya menyokong kerajaan kita dalam membanteras industri seks di Malaysia supaya ia tidak akan memburukkan lagi nama negara kita serta saya menyokong perlindungan dan usaha kerajaan dalam melindungi mangsa-mangsa industri tersebut. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telah mengadakan rundingan dengan Jabatan Negara Amerika Syarikat. Saya juga berjumpa dengan *Homeland Security of US*, saya juga berjumpa dengan beberapa agensi di US. Bukan untuk berlindung di bawah mereka tetapi kerana kedudukan negara kita dengan izin daripada *tier 2* telah turun ke *tier 3*. Ini adalah disebabkan oleh jika sesebuah negara itu berada di *tier 2* selama tiga tahun berturut-turut, secara automatik dia akan turun ke *tier 3* pada tahun berikutnya.

Apa yang telah saya lakukan ialah dengan menubuhkan HLC dengan izin, *High Level Committee* di mana lima kementerian terlibat di dalam HLC ini, di mana beberapa langkah telah diambil mengikut *checklist* yang telah ditentukan. Senarai semakan ini telah saya ikuti dengan teliti dan saya sendiri mempengerusikan mesyuarat dan mengkoordinasikannya dengan lima kementerian yang berbeza termasuklah bekerjasama

dengan NGO supaya memberikan perlindungan kepada mangsa-mangsa pemerdagangan ini.

Langkah-langkah yang dilakukan termasuklah dengan memberikan peluang untuk mereka kembali ke negara asal setelah pemulihan dilakukan terhadap mangsa-mangsa berkenaan. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua NGO yang telah datang ke Kementerian Wanita dan Pembangunan Keluarga untuk membantu dan peruntukan telah diusahakan supaya NGO ini diberikan peruntukan khas untuk mereka membantu mangsa-mangsa berkenaan.

Langkah-langkah lain yang perlu saya sebutkan di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua termasuklah usaha pihak kerajaan untuk mempertingkatkan kehadiran dan pemantauan di semua *hot spots* yang digunakan untuk penyeludupan Malaysia khususnya di sempadan negara iaitu di utara dan selatan Semenanjung dan mengumpulkan semua maklumat tekong darat dan tekong laut serta bertindak sebaik sahaja pengumpulan maklumat diselesaikan. Selanjutnya mewujudkan *contact point* dengan pihak berkuasa Thailand bagi memudahkan perkongsian maklumat dan sumber risikan sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Stampin tadi.

Seterusnya mewujudkan kerjasama antara agensi umpamanya dengan pihak Australia melalui *Border Protection Command* dalam usaha membanteras kejadian penyeludupan manusia melalui Malaysia, Indonesia dan lain-lain negara untuk ke negara ketiga. Memperkukuhkan kerjasama antara agensi seperti PDRM, APMM, TLDM, Jabatan Laut Kastam Diraja Malaysia, imigresen dan lain-lain. Itu telah dijalankan termasuk juga mempertingkatkan keperluan logistik semua agensi-agensi penguatkuasaan terlibat seperti kapal dan bot ronda dan juga peralatan bagi menambah keberkesanan.

Ertinya, langkah-langkah yang kita jalankan adalah satu langkah yang memperlihatkan keseriusan pihak kerajaan bukan sahaja mewujudkan MAPO tetapi langkah-langkah telah dilakukan bagi memperlihatkan komitmen pihak kerajaan di dalam menangani permasalahan pemerdagangan orang ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, negara kita ini telah dicemari oleh sindiket perdagangan manusia. Seolah-olah kita telah dijadikan hab pengeluaran perdagangan orang dan kalau kita lihat sejarah, perdagangan manusia ini berlaku beribu-ribu tahun yang lalu. Rupa-rupanya betullah kata P.Ramlee, “ *Wow, rupa-rupanya berniaga orang lebih untung daripada berniaga unta*”. [Ketawa]

Jadi oleh kerana itu, dengan mewujudkan beberapa jawatankuasa, dengan mewujudkan Majlis Anti Pemerdagangan Manusia, apakah mungkin juga kerajaan perlu melihat *visa on arrival* itu mungkin salah satu penyumbang ke arah perdagangan manusia itu sendiri sebab ada yang menyamar sebagai pelancong tetapi sebetulnya mereka diperdagangkan.

Jadi negara ini kecil tetapi sudah seluruh dunia tahu bahawa kita sebuah negara yang memproses manusia untuk diperdagangkan sedangkan perkara ini tidak betul. Ia dilakukan oleh sindiket. Jadi bagaimana untuk mematikan langkah-langkah sedikit ini pada masa-masa akan datang dan berapa ramai sindiket ini yang telah didakwa. Ditangkap

dan didakwa di mahkamah dan apa hukuman yang diberikan kepada mereka supaya mereka tidak lagi melakukan perkara-perkara yang jahil begini untuk memperdagangkan manusia. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi adalah sesuatu yang benar termasuk apa yang disebut memberikan VOA atau *visa on arrival* dan ingin saya maklumkan bahawa *visa on arrival* dari China telah dihapuskan. *Visa on arrival* dari India telah juga dihapuskan dan beberapa negara juga telah dihapuskan termasuk dari Iran. Kita tidak prejudis dengan izin, kita tidak prasangka kepada mana-mana negara tetapi kita lihat daripada segi sumber permasalahan.

Bagi negara-negara yang menimbulkan masalah itu, bukan negara itu yang menimbulkan masalah tetapi ialah tekong-tekong darat dan tekong-tekong laut serta mereka yang disebut sebagai cerita P.Ramlee tadi. Saya harap Yang Berhormat Kinabatangan tidak terlibat di dalam aktiviti itu. *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini sangkaan jahat. *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya kata kita harap tidak terlibat, memang tidak terlibat pun tetapi yang penting di dalam perkara ini ialah usaha-usaha yang dilakukan oleh semua pihak termasuk dengan Angkatan Tentera Malaysia apabila kita menubuhkan GBC dengan izin *General Border Committee* kerana kita dapati bahawa terdapat lebih daripada 560 lorong-lorong tikus yang telah menjadi lorong-lorong gajah. Penyeludupan manusia ini bukan sahaja dari Utara tetapi di sempadan Sabah dan Sarawak dengan Indonesia dan juga di kawasan laut. Begitu juga melalui selatan tanah air. Saya mengakui bahawa usaha-usaha harus diperkukuhkan dan diperkasakan bagi menentukan bahawa tidak ada penyeludupan ini lebih banyak berlaku.

Namun saya lihat permasalahan antaranya saya tidak menggunakan kesempatan ini untuk menyentuh lain-lain kementerian tetapi termasuklah visa pelajar. Apabila mereka masuk ke negara ini menggunakan visa pelajar di kolej-kolej atau pusat bahasa tertentu yang kemasukan mereka adalah sebagai pelajar tetapi mereka tidak belajar. Mereka hanya mendaftar kemudian mereka bekerja ataupun bertugas di bawah sindiket-sindiket tertentu. Inilah pambanterasan yang sedang dilakukan.

Saya berterima kasih kepada beberapa orang Ahli Parlimen termasuk daripada Yang Berhormat Kelana Jaya yang telah memberikan maklumat kepada saya dan kita telah melakukan operasi bersama dan *insya-Allah* operasi bersama dengan Imigresen, dengan Jabatan Pendaftaran Negara, dengan JASA, dengan RELA, dengan JPAM dan lain-lain agensi dilakukan dan saya harap usaha yang dapat dilakukan termasuklah pendakwaan yang menjadi suatu isu pertikaian pihak Jabatan Negara Amerika terhadap Malaysia termasuklah apabila penangkapan dilakukan kepada 777 orang dan pendakwaan hanya dilakukan terhadap 153 orang.

Apa yang dilakukan oleh KDN ialah kita telah membincangkan dengan Jabatan Peguam Negara supaya mewujudkan mahkamah khas agar isu-isu yang tertangguh ini dapat dipercepatkan pendakwaan dan juga penghakimannya agar keseriusan kita menangani permasalahan ini akan dapat menjawab beberapa persoalan dan saya ingin

menyebutkan di Dewan yang mulia ini bahawa sesungguhnya kerajaan serius di dalam menangani permasalahan perdagangan orang ini. Terima kasih.

5. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan Pulau Langkawi dijangkakan akan menerima pelancong sekitar 3.5 juta orang pada tahun ini, dan angka ini akan bertambah setiap tahun, apakah kapasiti bekalan air yang disalurkan dari tanah besar mencukupi untuk kegunaan penduduk Langkawi dan kedatangan pelancong pada tahun-tahun yang akan datang. Sekiranya ada masalah, apakah tindakan kementerian bagi menanganinya.

■1100

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Soalan nombor lima dari Yang Berhormat Langkawi berkaitan dengan bekalan air untuk pulau pelancongan, Pulau Langkawi. Sukalah saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini, Pulau Langkawi merupakan sebuah pulau destinasi pelancongan dalam negara kita. Setiap tahun jumlah pelancong meningkat daripada 2.5 juta orang kepada 3 juta orang. Tahun ini dijangkakan melebihi daripada 3 juta orang pelancong.

Untuk infrastruktur bekalan air, Pulau Langkawi mendapat bekalan air terawat dari lima buah loji. Empat buah loji rawatan sedia ada di Pulau Langkawi dengan kapasiti lebih kurang 32.6 juta liter sehari dan sebuah loji dari Tanah Besar iaitu dipanggil Loji Rawatan Air Sungai Baru yang dipindahkan air terawat itu melalui dasar laut ke Pulau Langkawi sebanyak 55 juta liter sehari.

Kelima-lima loji ini menampung lebih kurang setiap hari 80 juta liter sehari. Sudah semestinya Pulau Langkawi memerlukan kapasiti bekalan air yang perlu ditambah dengan peningkatan permintaan bekalan air. Mengikut perancangannya, Kerajaan Negeri Kedah merancang untuk menambah dan membesarkan loji yang sedia ada di Sungai Baru dengan tambahan sebanyak 50 juta liter sehari. Ini dalam perancangan kerajaan negeri yang belum dapat dilaksanakan kerana setakat ini Kerajaan Negeri Kedah belum lagi *migrate* ke dalam Akta WASIA ataupun diletakkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006.

Sekiranya Kerajaan Negeri Kedah *migrate* ke bawah Akta WASIA, pihak PAAB atau Pengurusan Aset Air Berhad bersedia untuk membiayai kerja-kerja ini sekiranya projek ini diluluskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Terima kasih.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Yang Berhormat Menteri, saya berterima kasih di atas penerangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Cuma isunya di sini ialah apabila kerajaan membina satu lagi loji di Sungai Baru, Perlis sudah tentu paip *submarine water pipe* dari Kuala Perlis ke Langkawi tidak mencukupi. Apakah kerajaan bercita-cita atau bercadang untuk juga membangunkan paip ini di masa hadapan.

Di samping itu ia akan memberi tekanan kepada *security of supply* air di Pulau Langkawi. Sekiranya satu paip *submarine water pipe* ini pecah, ia perlu mengambil masa dua minggu ataupun sebulan untuk *repair* di dalam laut. Sudah tentu 60% daripada bekalan air ke Langkawi akan terganggu. Sebagai pusat pelancongan yang utama di negara ini dan bercadang untuk menjadi salah sebuah 10 buah pusat pelancongan di dunia, saya

berpendapat bahawa kerajaan tidak mampu untuk kita menghadapi masalah kekurangan bekalan air seperti mana yang berlaku di negeri Selangor sekarang ini.

Jadi, saya memohon bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah ada perancangan kerajaan untuk memperkukuhkan sistem bekalan air di Langkawi melalui saluran *submarine water pipe*? Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih kepada soalan tambahan daripada Yang Berhormat Langkawi. Sebenarnya kedudukan bekalan air di Pulau Langkawi itu pada waktu ini berada pada margin yang sangat rendah. Sememangnya sangat perlu dikaji ataupun dibuat perancangan untuk menambah bekalan air di Pulau Langkawi.

Jadi, seperti yang saya nyatakan di awal tadi bahawa pengurusan bekalan air terawat masih lagi di bawah Kerajaan Negeri Kedah dan sekarang ini baru di peringkat perundingan dengan Kerajaan Persekutuan. Sukalah saya memaklumkan bahawa apa-apa perancangan dibuat adalah perancangan di peringkat kerajaan negeri. Kerajaan Persekutuan boleh melihat perkara ini secara meluas kerana ia adalah pusat pelancongan. Kita boleh berbincang dengan kerajaan negeri apabila kerajaan negeri selesai untuk mengemukakan cadangan untuk *migrate* dalam Akta WASIA. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta Perdana Menteri menyatakan bilangan penerima pencen mengikut kategori jumlah penerimaan bulanan iaitu, kurang dari RM250, antara RM250-500, antara RM500-1,000, antara RM1,000-3,000, antara RM3,000-5,000 dan lebih dari RM5,000.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penerima pencen terbahagi kepada dua kategori iaitu pesara dan juga Penerima Pencen Terbitan. Sehingga September 2014, jumlah pesara dan Penerima Pencen Terbitan ialah seramai 591,845 orang iaitu 431,710 orang pesara dan 160,135 orang Penerima Pencen Terbitan.

Sementara itu, bilangan penerima pencen pesara dan juga Penerima Pencen Terbitan mengikut pencen bulanan adalah seperti berikut;

Jumlah Penerima	Jumlah Pencen Bulanan Diterima (RM)
28,170 orang	Kurang RM250
69,543 orang	250 hingga 499.99
151,734 orang	500 hingga 999.99
304,566 orang	1,000 hingga 2,999.99
32,167 orang	3,000 hingga 4,999.99
5,665 orang	5,000 dan ke atas

Demikianlah pengorbanan dan nilai cinta anggota kerajaan kepada negara.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Saya lihat dalam jawapan tersebut ada lebih kurang ada 120,000 orang pesara yang

menerima pencen kurang daripada RM500 sebulan iaitu satu tahap yang lebih rendah daripada paras garis kemiskinan tegar.

Saya ada dua isu berkenaan dengan pencen ini. Pertama, khususnya kepada mereka pesara GLC yang diswastakan. Misalnya TNB, Telekom dan Pos Berhad di mana semasa penswastaaan, pesara tersebut, tempoh perkhidmatan yang singkat dan mereka menerima pencen yang agak rendah sehingga hari ini ada yang di antara RM150 hingga RM200 sebulan.

Jadi, menjelang Belanjawan 2015 ini adakah kerajaan akan menetapkan pencen minimum, khususnya sekurang-kurangnya di tahap paras garis kemiskinan untuk kesemua penerima pencen yang kurang daripada RM820 ini. Bukan setakat mereka dalam perkhidmatan tetapi mereka yang bekas GLC.

Kedua, ini berkenaan dengan Pencen Tentera Angkatan Tentera Malaysia. Saya mendapati bahawa pencen yang diterima oleh veteran ATM lama berbeza dengan veteran yang baru sahaja bersara. Sebagai contoh, pegawai waran yang pencen pada tahun 1991 menerima pencen sebanyak RM1,200 tetapi mereka yang pencen sekarang dapat pencen dua kali ganda apa yang diterima sebelum ini.

■1110

Adakah kerajaan akan selaraskan penerimaan pencen ini mengikut tempoh perkhidmatan dan juga tanggungjawab yang dipikul semasa bersara. Sekian.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan ini. Yang pertama, untuk pesara yang masuk GLC terutama Telekom dengan Tenaga Nasional Berhad kita telah naikkan berkali-kali. 1 Oktober 2001 pencen mereka hanya RM180 hingga RM280. Kemudian, 1 Januari 2009 kita naikkan daripada RM280 kepada RM720.

Kemudian 1 Januari 2012, pencen minimum dinaikkan daripada RM720 ke RM820 dengan syarat mereka berkhidmat 25 tahun. Akan tetapi bagi mereka yang berkhidmat singkat, mereka telah pun menerima ganjaran yang sewajarnya semasa mereka diberi tawaran dahulu. Saya masih ingat ada tawaran yang dikeluarkan ialah di antaranya sama ada mereka ingin kekal di jawatan berpencen atau pun menyertai GLC dengan kenaikan tiga kenaikan dan juga lain-lain lagi imbuhan yang diberikan. Mereka sudah mendapat ganjaran yang sewajarnya sebelum itu lagi. Jadi, pencen ini ialah berdasarkan kepada perkhidmatan mereka dalam kerajaan. Jadi, buat masa ini kerajaan akan melihat perkara ini dari semasa ke semasa. Berhubung dengan angkatan tentera saya akan jawab secara bertulis.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada maklumat yang saya dapati dari Yang Berhormat Menteri tadi, lebih kurang separuh dari pesara kerajaan mendapat pencen bulanan yang menjadikan mereka yang biasanya hidup dalam keadaan yang baik akan termasuk dalam kumpulan miskin dan miskin tegar. Soalan saya ialah apakah mereka ini layak mendapat rumah PPRT dan PR1MA?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, inilah realiti kehidupan yang berlaku kepada setiap insan. Jadi, semasa kita berada di tahap yang lebih sedikit

sentiasalah bersedia untuk menghadapi suasana yang berlainan di kemudian hari. Berdoalah semasa senang dan juga semasa susah.

Kita lihat sesetengah orang dia mungkin berada dalam pendapatan tinggi keluarga itu. Akan tetapi bila suami meninggal dunia yang ditinggalkan isteri dan juga anak-anak itu turun ke taraf sederhana atau miskin. Ada juga anggota kerajaan yang keluarganya berpendapatan sederhana, bila mati suami atau isteri yang bekerja itu mereka jatuh miskin. Demikian juga mereka yang tidak meninggal dunia tetapi berkhidmat dengan kerajaan dan lepas itu pencen. Daripada berpendapatan sederhana boleh minum kopi pagi-pagi pukul 10, kemudian petang boleh goreng pisang, tiba-tiba jatuh masuk dalam kategori miskin atau pun miskin tegar.

Kalau sekiranya pendapatan mereka di bawah RM580, sudah pasti mereka adalah miskin tegar. Ada juga pencen Ahli Parlimen dan juga wakil rakyat ini yang boleh menerima BR1M. Ini realiti kehidupan. Jadi, untuk tujuan tersebut, bagi mereka yang berpendapatan RM2,500 sehingga RM7,500 mereka layak memohon PR1MA. Kita tengah berunding dan ini mungkin akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang anggota kerajaan supaya mereka dapat diberi keutamaan dalam pemilikan perumahan PR1MA sebab anggota kerajaan ini mereka terpaksa bekerja dalam bandar dan mereka tidak mungkin boleh memiliki rumah.

Kerani tidak mungkin boleh memiliki rumah di bandar dan mereka mungkin mampu di pinggir bandar dan pinggir bandar yang mempunyai tawaran rumah yang murah ialah PR1MA. Jadi, kehadiran PR1MA boleh menyelesaikan perkara ini. Akan tetapi kalau kita buat permohonan terbuka mungkin juga anggota kerajaan tidak layak berbuat demikian. Kita kena lihat pengorbanan pegawai kerajaan ini luar biasa. Dalam keadaan mereka yang lain berada dalam sektor swasta mendapat pendapatan yang cukup lumayan tetapi anggota kerajaan terpaksa bekerja dan memberi sumbangan berdasarkan gaji yang mereka dapat. Jadi, melihat kepada keadaan ini kita sedang mempertimbangkan supaya mereka mendapat keutamaan dalam perumahan PR1MA. Walau bagaimanapun kita serahkan kepada pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memaklukkannya nanti.

Keduanya, bagi mereka yang mempunyai pendapatan RM750 sehingga RM3,000, di bawah SPNB layak mendapat rumah mesra rakyat. Memang layak. Sama ada layak ini mendapat keutamaan, sudah pasti mereka akan diberi keutamaan. Yang Berhormat daripada Mersing yang sekarang ini menjadi Pengerusi SPNB saya percaya prihatin tentang perkara ini supaya pegawai kerajaan yang kadang-kadang mempunyai pengajian, kelulusan yang sama seperti mereka yang lain di pihak swasta tetapi mereka masih berada di pendapatan yang demikian rupa dan mereka boleh jatuh miskin. Yang ini tidak boleh berlaku di pihak swasta sebab swasta ini makin tua kadang-kadang makin kaya.

Akan tetapi pegawai kerajaan sudah tua sekejap dan terus jadi miskin, miskin tegar atau pun daripada yang tinggi kepada sederhana atau pun yang sederhana kepada miskin. Jadi, berdasarkan kepada perkara-perkara tersebut, sudah pasti mereka harus diberi keutamaan dalam beberapa program untuk mereka memiliki rumah di kemudian hari. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]* Sedikit, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Pendek, pendek.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan Akta Pelaksanaan Pencen di bawah seksyen 4(4) telah menghalang mana-mana balu atau pun anak-anak yang suaminya yang menerima pencen ini meninggal tetapi meninggal selepas 20 tahun pencen.

Selepas 20 tahun pencen maknanya kalau dia ada isteri, isteri itu tidak layak mendapat pencen terbitan. Jadi, ini telah menjadi satu masalah kepada ramai *pensioner*. Jadi, isteri-isteri mereka pun takut hendak kahwin dengan *pensioner* ini. Saya ada satu kes di Sepang itu namanya Adam bin Sulaiman, seorang pegawai polis yang berpendapatan rendah, isterinya mati tahun 2004, dia pencen 1981. Lepas itu dia kahwin kali kedua tahun 2005, sekarang ini dia tidak dapat pencen kalau sekiranya dia mati. Jadi, ini melibatkan ramai isteri yang dalam kategori ini. Jadi saya harap kerajaan mungkin boleh fikirkan, perlu pindaan kepada seksyen 4 ini atau pun macam mana langkah untuk menolong balu-balu ini. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana prihatin kepada kawan-kawan yang bertanya soalan. Akan tetapi kadang-kadang mereka tidak prihatin pada Tuan Yang di-Pertua dan sebagainya. Jadi kalau itu kita biarlah sentiasa prihatin di antara satu dengan lain. Jadi Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat saya akan jawab secara bertulis dan secara khusus.

Saya minta Yang Berhormat untuk berucap dalam ucapan belanjawan ini berhubung dengan pencen. Saya pun dirujuk dalam banyak kes yang sama berhubung dengan perkara ini. Namun kerajaan telah pun memberi kelonggaran sebenarnya kepada balu, bekas isteri. Dahulu kalau mereka berkahwin mereka tidak dapat pencen. Sekarang mereka berkahwin maka dapat pencen. Ada kes yang dia berkahwin tiga kali, saya tidak pasti. Kemudian dia mungkin layak dapat tiga pencen. Kahwin yang ini sekejap mati, lebih kurang macam itu lah kan. Dia bila suami meninggal, jadi dia layak dapat pencen. Lepas itu mungkin dia digemari, kahwin lagi, lepas itu mati lagi. Kahwin lagi, mati lagi. Apakah dia layak mendapat tiga pencen dan sebagainya. Hal yang itu kerajaan sudah memberi kelonggaran. Walaupun suaminya meninggal dunia, dia boleh kahwin. Dahulu tidak boleh kahwin, kalau kahwin hilang pencen. Jadi, mereka terpaksa kahwin-kahwin curi di Thailand dan sebagainya.

■1120

Jadi sekarang ini tidak perlu lagi. Boleh kahwin secara terbuka dan Yang Berhormat pun boleh kahwin dengan terbuka dengan balu-balu, janda-janda yang berpencen. Dia masih layak untuk mendapat pencen suaminya.

Jadi, tentang halangan tersebut, Yang Berhormat boleh bawa dalam ucapan Belanjawan nanti dan untuk kes yang khusus ini, saya akan jawab secara bertulis.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat Arau berapa pencen ada?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya?

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat Arau ada berapa pencen?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya tidak perlukan pencen sesiapa sebab saya sendiri boleh berdikari dan kalau adapun pencen, saya akan sedekahkan kepada rakyat jelata. *[Dewan riuh]*

7. **Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit]** minta Perdana Menteri menyatakan statistik pegawai dan anggota penguatkuasaan yang ditangkap kerana terlibat dalam sindiket haram dan rasuah semenjak 5 tahun yang lalu. Apakah langkah dan usaha yang lebih berkesan lagi dari yang sedia ada bagi memastikan badan dan agensi penguatkuasaan dari pelbagai kementerian dan jabatan dapat melaksanakan tugas mereka dengan berkesan berlandaskan undang-undang, tanpa ada unsur rasuah dan salah guna kuasa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:
Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh tahun 2009 sehingga Ogos 2014, SPRM telah membuat tangkapan ke atas seramai 847 orang anggota penguat kuasa daripada pelbagai agensi penguatkuasaan atas pelbagai kesalahan rasuah. Jumlah ini merupakan 79% daripada jumlah kertas siasatan yang dibuka bagi sepanjang tempoh tersebut.

Terdapat tiga langkah dalam mengekang gejala rasuah iaitu aspek penguatkuasaan, pendidikan dan pencegahan.

Bagi aspek penguatkuasaan, langkah susulan telah dirintis termasuk penubuhan 14 buah mahkamah khas rasuah. Usaha-usaha dilaksanakan untuk memperkemas undang-undang sedia ada. Undang-undang dan agensi penguatkuasaan adalah instrumen yang perlu dilengkapi dengan program yang komprehensif lagi holistik untuk mengekang dan mencegah peluang berlakunya rasuah di kalangan anggota dan pegawai penguat kuasa. Di samping itu, usaha untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan agensi penguatkuasaan menerusi latihan yang berterusan bagi meningkatkan integriti anggota penguatkuasaan.

Manakala dalam aspek pendidikan, SPRM sentiasa menekankan aspek pendidikan pencegahan rasuah bagi menerapkan kefahaman terhadap kesan buruk jenayah rasuah kepada keharmonian masyarakat dan keselamatan nasional. Kajian integriti dibuat dengan kerjasama universiti tempatan bagi mengenal pasti tahap integriti dan risiko rasuah sesebuah agensi. Dapatan kajian akan dimaklumkan kepada agensi terbabit dan seterusnya langkah penambahbaikan akan dibuat. Penambahbaikan dibuat terhadap sistem dan prosedur yang lemah serta pendidikan anti rasuah dilaksanakan secara fokus di agensi terbabit.

Penubuhan sekretariat pencegahan rasuah di peringkat institusi pengajian tinggi awam dan swasta, ceramah-ceramah, pameran, perbincangan meja bulat serta iklan-iklan

berkaitan peningkatan integriti juga telah dilaksanakan secara berterusan melalui media massa dan media elektronik.

Dengan pelaksanaan program pendidikan ini, diharapkan dapat melahirkan penjawat awam yang berintegriti, lebih bertanggungjawab kepada diri, keluarga, organisasi dan negara serta menjauhi perbuatan dan perwatakan yang tidak bertanggungjawab termasuk mengambil rasuah.

Dari segi aspek pencegahan, SPRM turut melaksanakan program 'Jabatan Angkat' atau lebih dikenali sebagai *strategic alliance*, dengan izin, bersama jabatan-jabatan yang berisiko iaitu jabatan yang mempunyai peluang yang tinggi untuk berlakunya rasuah. Mulai tahun 2014, aktiviti keterlibatan, *engagement*, difokuskan kepada pemimpin berpengaruh bagi enam kumpulan sasar iaitu NGO, ahli politik, komuniti luar bandar, belia sektor swasta dan komuniti cina. Berdasarkan kajian, kumpulan ini kurang terdedah kepada maklumat yang tepat berkaitan pencegahan rasuah sehingga mempengaruhi persepsi terhadap kesungguhan kerajaan dan SPRM dalam menangani jenayah rasuah.

Manakala inisiatif terkini, pertama, selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013, penubuhan Unit Integriti SPRM dengan meletakkan pegawai-pegawai di semua kementerian dan agensi kerajaan yang dikenal pasti sebagai agensi yang mempunyai peluang yang tinggi untuk berlakunya kesalahan rasuah. Ini adalah bertujuan untuk memantau dan memastikan pematuhan terhadap peraturan-peraturan semasa yang dikuatkuasakan.

Kedua, penubuhan Jabatan Kuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU). Berdasarkan Arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri No.1 Tahun 2014, JITU perlu diwujudkan di semua kementerian dan kerajaan negeri sehingga di peringkat daerah dan bahagian. Salah satu objektif JITU adalah untuk merancang dan melaksanakan tindakan-tindakan pencegahan dan pemulihan bagi mengatasi masalah-masalah dan kelemahan-kelemahan terutamanya dalam pengurusan kewangan kerajaan, pentadbiran awam, pengendalian kes-kes tatatertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang ditegah oleh agama serta perundangan dan peraturan.

Sehubungan dengan itu, gesaan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) agar JITU menangani segala penyelewengan, pemborosan dan penyalahgunaan di setiap kementerian dan jabatan adalah dilakukan secara bersesuaian dan sememangnya telah turut dinyatakan dalam arahan tersebut.

Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab dengan panjang lebar.

Pada 10 Oktober nanti, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan membentangkan Bajet 2015 yang antara lain akan menghuraikan inisiatif kerajaan untuk mengurus dan meningkatkan ekonomi negara bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara kita Malaysia.

Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada kerugian wang negara adalah disebabkan ketirisan yang berlaku dalam jentera kerajaan di mana pegawai dan anggota

penguat kuasa sendiri terlibat dalam kegiatan sindiket dan rasuah seperti mana yang telah berlaku dalam isu penyeludupan minyak petrol dan diesel, pelepasan cukai import arak dan rokok dan import kereta keluar negara.

Oleh itu, soalan tambahan saya ialah saya mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kerajaan perlu mencari mekanisme yang baru untuk mengatasi masalah ini memandangkan langkah dan tindakan yang diambil nampaknya kurang berkesan untuk membendung gejala rasuah di kalangan penguat kuasa dan penjawat awam? Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Parit. Kerisauan itu sebenarnya menjadi keazaman kita sehingga kita menubuhkan SPRM pada tahun 2009 dan menjadikan satu dana dan pasukan yang lebih tersusun dan lengkap. Sudah tentu pelbagai usaha untuk menambah baik agar ketirisan dan kerugian kepada kerajaan itu tidak terus berlaku dan berulang.

Begitu juga dengan pengeluaran perbelanjaan untuk pembelian aset. Langkah-langkah yang saya sebutkan tadi terhadap penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan itu mungkin tidak melibatkan aset. Aset-aset yang terbaik yang boleh membantu umpamanya di pintu-pintu masuk dan juga kemudahan pihak kastam juga boleh menjadi salah satu perkara yang mungkin akan dilakukan sebagai keseriusan kita untuk memerangi gejala rasuah ini.

Oleh sebab itu, perkara yang saya nyatakan di awal tadi adalah perkara asas, perkara pokok yang patut diamalkan dan digunakan oleh setiap anggota pentadbiran agar perkara yang dinyatakan tadi tidak terus berulang dan akhirnya merugikan bukan sahaja dari segi kewangan malahan dapat mengganggu keselamatan dalam negara kita.

Terima kasih Yang Berhormat Parit.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu dan semua pihak sama ada kerajaan ataupun rakyat jelata menyedari jenayah rasuah ini merupakan satu ancaman yang paling besar kepada negara dan pelbagai langkah telah diambil untuk cuba mengatasi ataupun membanterasnya daripada semasa ke semasa.

Bagi saya, antara langkah yang amat efektif untuk mencegah atau membanteras rasuah ini adalah pemberian kuasa yang secukupnya kepada agensi penguatkuasaan. Dalam kes ini, SPRM. Kita ada Akta SPRM 2009. Ada satu seksyen khusus, seksyen 23 di mana kesalahan seseorang penjawat awam menggunakan jawatan ataupun kedudukan untuk suapan.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa kuasa yang diberi kepada SPRM ini masih lagi terhad. SPRM, sebagai contohnya, tidak boleh menyiasat mana-mana penjawat awam atau pegawai yang kelihatan memiliki harta melebihi daripada tahap pendapatannya. Itu tak boleh siasat lagi. Jadi saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, adakah kerajaan bercadang untuk meminda akta ini bagi memperluaskan kuasa SPRM ke arah membanteras amalan rasuah ini?

Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Cuma saya boleh menyatakan bahawa seksyen yang diberikan, kuasa yang diberikan di bawah seksyen ini sebenarnya memadai. Cumanya, berbeza dengan mungkin kalau kita hendak banding dengan negara Hong Kong, kita perlu mengadakan siasatan dan pendakwaan kepada seseorang individu dan mereka yang disiasat ini perlu menjelaskan dari mana datangnya harta yang berlebihan ini. Berbanding di Hong Kong, asal ada harta berlebihan, terus boleh diambil tindakan. Itu mungkin maksud Yang Berhormat.

■1130

Tapi pada saya kita telah banyak menggunakan seksyen ini dan ada juga dakwaan-dakwaan yang menggunakan seksyen ini. Mungkin tadi disebut kepada penjawat awam. Sebenarnya seksyen ini untuk semua dan kita boleh meminta orang yang disiasat, yang didakwa ini untuk memberi penjelasan kepada SPRM mana datang pendapatan yang di luar daripada kemampuan dan itu juga boleh kita sabitkan atau boleh kita dakwa. Sebab itu kepada Yang Berhormat sebenarnya kuasa yang ada itu mencukupi, cuma mungkin saya hendak mengambil kesempatan di sini untuk menyeru kepada seluruh rakyat untuk tampil ke hadapan bagi membantu SPRM dan kerajaan dalam mengekang gejala ini. Kalau boleh saya bacakan dalam jumlah aduan yang kita terima itu sebenarnya sedikit. Bukan makna kita rasa ada banyak lagi rasuah tetapi tangkapan, dakwaan yang sedikit kerana laporan yang diterima daripada orang ramai itu sebenarnya sedikit.

Sebab itu kesedaran orang ramai untuk sama-sama memberi maklumat kepada SPRM itu juga perlu kita pertingkatkan. Andai kata memang inilah statistik yang kalau saya boleh baca dalam tempoh 4 - 5 tahun, 4,693 aduan yang diberikan kepada SIAP. 1,077 sahaja yang kita siasat kerana selebihnya itu tidak ada kena mengena dengan rasuah dan daripada 177,847 yang kita membuat tangkapan. Jadi maknanya kalau tidak ada bantuan daripada orang ramai untuk membuat aduan, maka inilah statistik yang kita ada. Kita amat serius kerana tidak ada perkara yang menggembirakan dalam menangkap orang, dalam salah guna kuasa ini. Selain daripada kita terus merasakan bahawa perlu diperbaiki sistem pendidikan dan pencegahan. Tapi terima kasih Yang Berhormat. Itulah kedudukan seksyen 23 seperti yang ditanyakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat itulah pertanyaan bagi jawab lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
(PINDAAN) 2014****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****11.32 pg.**

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu akta untuk menerangkan penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya meneruskan pembentangan, izinkan saya memaklumkan bahawa terdapat pindaan kepada pindaan peruntukan seksyen 11 yang asal. Pindaan yang dimaksudkan ialah untuk meminda penamaan pegawai sebagai *ex officio* dari pihak kerajaan bagi Lembaga Pengarah Suruhanjaya. Sebab pindaan ke atas pindaan ini dibuat, akan saya terangkan seterusnya di dalam ucapan saya ini dan juga di peringkat Jawatankuasa.

Pembangunan koperasi di Malaysia telah bermula pada tahun 1922 dan dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK). JPK berperanan dalam pembangunan dan kawal selia gerakan koperasi dalam negara atau usaha untuk memantapkan lagi gerakan koperasi. Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada 22 Mei 2004 telah memutuskan supaya JPK diperbadankan. Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 2 Mac 2005, semasa menimbangkan memorandum daripada Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, No. 139/2449/2005 telah bersetuju secara prinsip dengan penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia iaitu suruhanjaya bagi menggantikan tugas-tugas JPK.

Akhirnya secara rasmi, suruhanjaya telah diperbadankan pada 1 Januari 2008. Penubuhan suruhanjaya dapat membantu pembangunan sektor koperasi dengan lebih pesat kerana mempunyai kuasa dan peranan yang lebih luas. Fleksibel dan mampu membuat keputusan dengan lebih cepat di samping menguruskan sendiri dana pelaburan, perancangan strategik dan pengurusan kewangan. Suruhanjaya sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah dipertanggungjawabkan untuk mengukuh sektor koperasi daripada aspek *regulatory* dan pembangunan bagi membolehkannya memberi sumbangan yang berkesan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Sebagai punca kuasa, Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665] telah bermula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008. Akta ini menerangkan penubuhan suruhanjaya dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah memperoleh kelulusan Jemaah Menteri pada 4 Jun 2014 agar akta ini dipinda bagi memberi sinergi baru kepada

suruhanjaya untuk menjadi pemacu gerakan koperasi di Malaysia. Rang undang-undang ini adalah untuk memperkukuhkan struktur Lembaga Pengarah Suruhanjaya dengan memberi fleksibiliti dalam penamaan pegawai sebagai *ex officio* dari pihak kerajaan.

Oleh yang demikian, dicadangkan agar selain Ketua Setiausaha, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang mendapat persetujuan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan turut boleh dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya, manakala *ex officio* daripada Bank Negara, Penolong Gabenor turut dibenarkan dilantik selain daripada Gabenor atau Timbalan Gabenor Bank Negara. Ini amat penting bagi memastikan *ex officio* yang dilantik dapat memberi tumpuan mereka sebagai Ahli Lembaga Pengarah dan mempertingkatkan lagi keberkesanan sistem penyampaian kerajaan.

Selain dari itu, dicadangkan juga agar satu peruntukan baru yang membenarkan pegawai suruhanjaya untuk memulakan dan menghadiri prosiding sivil di perkenalkan di bawah rang undang-undang tersebut. Cadangan penambahan peruntukan ini akan memberi penjimatan kepada kerajaan kerana suruhanjaya telah tidak perlu untuk melantik peguam swasta bagi mewakili suruhanjaya dalam mana-mana prosiding sivil. Ia juga akan dapat menggembeleng sumber manusia sedia ada di suruhanjaya bagi melaksanakan tugas tersebut.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Kementerian juga telah mendapatkan persetujuan Jemaah Menteri pada 1 Oktober 2014 agar pindaan di atas pindaan subseksyen 11(3)(e) di mana telah dipersetujui agar mana-mana wakil Kementerian Kewangan selain daripada ketua setiausaha atau timbalan ketua setiausaha kementerian tersebut turut boleh dilantik. Pelantikan pegawai kanan bagi Kementerian Kewangan sebagai Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya perlu mendapat persetujuan Yang Berhormat Menteri Kewangan terlebih dahulu.

Sehubungan itu kementerian ini mencadangkan agar tiga peruntukan asal dipinda dan satu peruntukan baru diperkenalkan dalam rang undang-undang seperti berikut:

- (i) pindaan ke atas perenggan 11(3)(c) dimasukkan Penolong Gabenor di dalam perenggan sedia ada iaitu Gabenor atau seorang Timbalan Gabenor atau Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia sebagaimana yang dinamakan oleh Gabenor;
- (ii) pindaan ke atas perenggan 11(3)(d) dimasukkan Timbalan Ketua Setiausaha dan frasa sebagaimana yang dinamakan oleh Menteri di dalam perenggan sedia ada iaitu Ketua Setiausaha atau seorang Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi pembangunan koperasi sebagaimana yang dinamakan oleh Menteri; dan

■1140

- (iii) Pindaan ke atas perenggan 11(3)(e) dimasukkan mana-mana wakil Kementerian Kewangan sebagaimana yang dinamakan oleh Menteri Kewangan di dalam perenggan sedia ada iaitu Ketua

Setiausaha atau seorang Timbalan Ketua Setiausaha atau mana-mana wakil Kementerian Kewangan sebagaimana yang dinamakan oleh Menteri Kewangan; dan

- (iv) Peruntukan baru seksyen 62A iaitu perwakilan dalam prosiding sivil diperkenalkan agar pegawai Suruhanjaya boleh terlibat di dalam mana-mana prosiding sivil berkaitan Suruhanjaya. Cadangan peruntukan baru tersebut ialah walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain:
- (i) dalam mana-mana prosiding sivil oleh atau terhadap Suruhanjaya; atau
 - (ii) dalam mana-mana prosiding sivil yang lain yang Suruhanjaya dikehendaki atau dibenarkan oleh mahkamah untuk diwakili atau untuk didengar atau selainnya berhak untuk diwakili atau untuk didengar.

Mana-mana pegawai Suruhanjaya yang diberi kuasa oleh Pegawai Eksekutif bagi maksud itu boleh bagi pihak Suruhanjaya memulakan prosiding sedemikian atau hadir dalam prosiding itu dan boleh membuat semua kehadiran dan permohonan dan melakukan semua perbuatan berkenaan dengan prosiding itu bagi pihak Suruhanjaya.

Menerusi cadangan pindaan dan peruntukan baru ini, keberkesanan peranan Lembaga Pengarah Suruhanjaya akan dapat ditingkatkan, manakala pindaan berkaitan prosiding akan dapat mengurangkan kebergantungan kepada khidmat guaman swasta. Ia mengoptimalkan sumber sedia ada di Suruhanjaya dan mengurangkan kos operasi. Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 akan dipinda selepas rang undang-undang ini diluluskan di Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Kuala Selangor, sila.

11.43 pg.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2014.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) adalah satu entiti yang telah diperbadankan pada 1 Januari 2008. SKM sebelumnya dikenali sebagai Jabatan

Pembangunan Koperasi Malaysia (JPK). Objektif SKM merangkumi untuk merangsang pembangunan koperasi dan sektor koperasi yang kukuh dan teratur menurut nilai-nilai serta prinsip-prinsip koperasi bagi menyumbang ke arah pencapaian objektif sosioekonomi negara, menggalakkan sektor koperasi yang kukuh kewangannya, progresif dan mampan dan mengekalkan keyakinan dalam gerakan koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diperkatakan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, konsep kerjasama atau berkoperasi telah diterima pakai sejak zaman berzaman lagi oleh masyarakat Malaysia, terutama masyarakat kita. Selain tujuan utamanya meningkatkan taraf kehidupan ahli-ahlinya, gerakan koperasi turut memainkan peranan dalam agenda pembasmi kemiskinan dan pengagihan kekayaan negara. Gerakan koperasi juga memikul tanggungjawab dalam agenda transformasi negara dan perlu membuat pelbagai perubahan. Koperasi tidak boleh lagi beroperasi secara konvensional, tetapi perlu lebih kreatif dan berinovasi untuk bersaing dalam dunia perniagaan yang penuh kompetitif.

Tuan Yang di-Pertua, lantas sebagai tunjang ketiga penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, sektor koperasi mampu bergerak seiring dengan sektor awam dan swasta dalam mendukung semua agenda ekonomi kerajaan, terutamanya dalam memperkasakan ekonomi bumiputera. Malah, koperasi boleh menjadi jentera terbaik untuk menggembelng sumber yang ada hingga ke peringkat akar umbi untuk menggembelng penjana perolehan sebanyak RM50 bilion seperti yang telah disasarkan dalam Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020.

Tuan Yang di-Pertua, perolehan koperasi ini akan memberi faedah kepada anggotanya yang majoriti adalah bumiputera seperti yang telah dinyatakan dan diperkatakan oleh Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Nik Ali Mat Yunus. Selaras dengan kenyataan Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020 iaitu untuk menjadikan gerakan koperasi penyumbang berkesan kepada pembangunan negara, DKN 2011-2020 menyasarkan peningkatan sumbangan gerakan koperasi kepada keluaran negara sebanyak 5% menjelang tahun 2013 dan 10% menjelang tahun 2020.

Pencapaian kenyataan dasar di atas bertumpu kepada Lima Bidang Keberhasilan Ekonomi seperti berikut:

- (i) pemborongan dan peruncitan;
- (ii) perkhidmatan kewangan;
- (iii) pelancongan;
- (iv) penjagaan diri dan kesihatan; dan
- (v) pertanian dan industri asas tani dan perladangan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Gagasan 1Malaysia 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan', Petunjuk Prestasi Utama adalah sangat penting dalam menentukan kejayaan sesuatu program yang diatur. Begitu juga dalam Dasar Koperasi Negara, kerajaan telah menetapkan petunjuk prestasi. Antaranya 70% perolehan koperasi disumbangkan oleh sektor perkhidmatan, penubuhan empat koperasi yang menjalankan aktiviti perbankan menjelang tahun 2020, 100 produk dan perkhidmatan koperasi mampu bersaing di pasaran terbuka serta 5% koperasi beroperasi secara berskala besar.

Petunjuk prestasi lain ialah untuk menyasarkan 100% anggota lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam mengikut kursus wajib, 50% anggota koperasi didedahkan dengan ilmu pengkoperasian, 100% sekolah menengah dan IPTA mempunyai koperasi, 16,000 koperasi didaftarkan dan 90% penyata kewangan tahunan koperasi teraudit.

Tuan Yang di-Pertua, koperasi yang melanggar undang-undang tidak harus melebihi 1% daripada jumlah koperasi dan sekurang-kurangnya 70% yang dilaksanakan penarafan akan mencapai tahap tiga bintang ke atas dan 20 koperasi disenaraikan dalam ICA dengan izin, *ICA Developing 300* dan dua koperasi dalam ICA Global 300.

Pelaksanaan Dasar Koperasi Negara 2011-2020 dijalankan secara serentak mengikut tiga fasa iaitu jangka pendek (Januari 2011 hingga Disember 2012), jangka sederhana (Januari 2013 hingga Disember 2015) dan jangka panjang (Januari 2016 hingga Disember 2020).

■1150

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu selaras dengan berada dalam satu proses jangka sederhana pelaksanaan Dasar Koperasi Negara maka pindaan-pindaan di dalam Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 yang telah dicadangkan iaitu pindaan seksyen 11 dan pindaan seksyen baru 62A adalah amat relevan dan bersesuaian. Pindaan-pindaan yang digariskan bukan sahaja membantu dalam kejayaan dasar ini tetapi juga mampu membantu SKM menjadi organisasi yang unggul dan disegani serta menjadi tonggak harapan kepada negara.

Pindaan seksyen 11 adalah bertujuan untuk menjadikan pelantikan anggota lembaga lebih fleksibel dengan membenarkan penolong Gabenor Bank Negara Malaysia dan timbalan ketua setiausaha kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan koperasi dinamakan untuk menjadi pengarah lembaga. Manakala pindaan seksyen baru 62A yang dicadangkan bertujuan untuk membolehkan pengerusi eksekutif memberi kuasa mana-mana pegawai suruhanjaya untuk memulakan prosiding sivil atau hadir dalam prosiding itu dan membuat semua kehadiran dan permohonan dan melakukan semua perbuatan berkenaan dengan prosiding itu bagi pihak suruhanjaya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan ini amat bersesuaian dan supaya gerakan koperasi kekal relevan dalam arus pembangunan negara. Transformasi yang dilakukan di dalam menggalakkan gerakan koperasi dalam bidang ekonomi berprestasi tinggi dapat mengubah gaya hidup masyarakat ke arah membentuk negara berpendapatan tinggi seterusnya menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Suruhanjaya Koperasi Malaysia sememangnya terus komited untuk melonjakkan ekonomi koperasi dengan menyediakan prasarana perundangan yang memudahkan perniagaan koperasi. Ini termasuk SKM bersedia melaksanakan tindakan dan strategi baru dalam memenuhi keperluan koperasi bagi menghadapi cabaran masa hadapan selaras dengan aspirasi, transformasi ekonomi negara.

SKM berupaya memacu ekonomi koperasi ke tahap yang lebih tinggi dan menyokong transisi negara dalam mencapai matlamat negara berpendapatan tinggi dan ekonomi yang mapan serta *inclusive* pada tahun 2020. Di sini juga saya ingin

mencadangkan juga agar gerakan koperasi dapat diperluaskan dengan seaktifnya ke seluruh negara sama ada PIBG, belia, kampung, bandar, desa dan sebagainya. Dicadangkan juga agar PIBG dan juga pertubuhan belia juga boleh digerakkan sebagai satu gerakan koperasi seperti yang dilakukan oleh Persatuan Nelayan Negeri dan juga kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya juga berharap seluruh warga SKMM untuk terus bekerja kuat dan penuh ikhlas dalam menjadikan Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebagai satu agensi yang berprestasi tinggi. Pendek kata seperti yang dikatakan oleh Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, koperasi mesti menyahut cabaran dan melakukan perubahan jika ingin kejayaan seterusnya. Kerajaan pula akan terus memberikan sokongan dan membantu koperasi dan bersama-sama menjayakan agenda pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Hulu Langat.

11.54 pg.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama dalam membincangkan pindaan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 JL8/2014. Saya menyokong pindaan yang dibuat dan dibentangkan oleh Menteri hanya dua iaitu satu seksyen 11(3)(c) itu yang menambah alternatif kepada Gabenor Bank Negara sebagai wakil dalam Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi kepada Timbalan Gabenor, Penolong Gabenor dan juga penambahan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Koperasi sebagai ganti hadir Ketua Setiausaha Kementerian.

Kedua, seksyen 62A, seksyen baru bertujuan untuk memasukkan peruntukan suruhanjaya bagi mewakilkan dan diwakili oleh mana-mana pegawai suruhanjaya yang diberikan kuasa dalam mana-mana prosiding sivil. Apa yang saya ingin bersama-sama membincangkan mengenai akta ini iaitu koperasi merupakan satu entiti yang boleh membantu membangunkan masyarakat dari segi ekonominya. Kalau kita tengok rekod dalam tahun 2009, dulu 7,215 koperasi berdaftar dengan anggota seramai 6.78 juta, modal syer RM8.97 bilion, aset RM65 bilion, jana perolehan RM8.92 bilion.

Berbanding tahun 2011, 8,300 koperasi dan nilai perniagaan RM9 bilion. Jadi pada 20 Julai 2008, Perdana Menteri ketika itu iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi telah melancarkan penubuhan Koperasi Belia Rakyat (KOBERA) yang dicadangkan ditubuhkan setiap DUN iaitu dijangka sebanyak 576 koperasi dengan sasaran untuk membela golongan rakyat miskin. Mengikut rekod, setiap koperasi diberi geran pelancaran sebanyak RM30,000 dan pinjaman tanpa cagaran sebanyak RM50,000 sebagai modal pusingan aktiviti ekonomi. Jadi oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada menteri mengenai prestasi Koperasi Belia Rakyat (KOBERA) ini dan jumlah geram yang disumbangkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dasar Koperasi Negara antara tahun 2011-2020 menasaskan peningkatan sumbangan gerakan koperasi kepada keluaran negara kasar sebanyak 5% pada tahun 2013 dan *insya-Allah* dijangka 10% menjelang tahun 2020.

Berdasarkan pengalaman saya mengendalikan koperasi selama 16 tahun, beberapa faktor penting yang perlu diberikan perhatian pertama Anggota Lembaga Koperasi atau ALK yang sentiasa bertanggungjawab dan dedikasi dalam mengurus koperasi sebagai hak bersama bukan untuk kepentingan diri.

Kedua, kakitangan koperasi yang sentiasa jujur menjalankan tugas dengan diberikan ganjaran yang setimpal dengan sumbangan mereka. Mereka sentiasa diperingatkan supaya sentiasa patuh kepada perintah Allah dan Allah sentiasa bersama mereka di mana sahaja mereka berada. Ketiga, saya melihat kejayaan gabungan koperasi kerana dengan gabungan koperasi umpamanya contoh saya di universiti gabungan koperasi universiti-universiti kita dapat memastikan bekalan yang berkualiti dan murah dan memastikan produk koperasi mudah dipasarkan.

Oleh itu saya berharaplah mana-mana koperasi, mereka tidak boleh ataupun dalam keadaan sekarang ini mereka perlu bergabung dengan beberapa koperasi untuk memasarkan produk-produk mereka.

■1200

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, tiga faktor yang saya sebutkan tadi ada juga masalah yang berlaku. Walaupun kata LAK bertanggungjawab, walaupun kakitangan yang jujur tetapi ada juga koperasi-koperasi yang gagal di pertengahan jalan yang kita tidak dapat jawapan yang jelas kenapa mereka gagal. Umpama contoh, koperasi MOCCIS yang tidak sepatutnya mempunyai aset yang banyak dan ahli yang ramai, yang sentiasa memberi sumbangan melalui potongan gaji melalui ANGKASA dan juga KOHILAL. Maka, hari ini saya ingin mendapat juga sedikit penjelasan status MOCCIS dan juga KOHILAL ini kerana saya difahamkan dalam beberapa pembentangan yang lepas, kementerian ada menyumbangkan dana bagi memulihkan koperasi-koperasi ini. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian. Sekian sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Tanjong, Yang Berhormat Tanjong.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Yang Berhormat Tanjong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tanjong. Ya. sila.

12.01 tgh.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2014. Rang undang-undang ini bertujuan untuk menjadikan pelantikan anggota lembaga pengarah bagi SKM lebih fleksibel serta memberikan kuasa kepada pegawai-pegawai SKM untuk memulakan prosiding sivil atau hadir dalam sesuatu prosiding sivil supaya SKM dapat beroperasi secara lebih efisien dan berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tertubuhnya Suruhanjaya Koperasi Malaysia, koperasi-koperasi kini tidak lagi boleh menjalankan kegiatan dengan sesuka hati tanpa berpandukan undang-undang kecil bagi koperasi masing-masing. Ini adalah satu

perbadanan yang ditubuhkan bagi menjaga kepentingan ahli-ahli koperasi di seluruh Malaysia. Saya ingin merujuk satu kes yang berkaitan dengan Koperasi Usahawan Ilham Baru Kuala Lumpur Berhad yang mana saya merupakan salah seorang pengadu bagi kes tersebut. Koperasi tersebut telah melancarkan Skim Khairat Kematian 1Malaysia yang mana skim tersebut terbuka kepada ahli-ahli yang berumur 1 tahun hingga 99 tahun. Mana-mana orang yang membayar yuran tahunan RM365 dan yuran keahlian RM10 sudah boleh didaftarkan sebagai ahli koperasi. Selepas 30 hari selepas pendaftaran, ahli-ahli yang berjaya didaftarkan dapat dibayar RM20,000 apabila meninggal dunia. Disebabkan aktiviti koperasi tersebut menyalahi Akta Koperasi 1993 dan juga Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, maka pendaftaran koperasi tersebut telah dibatalkan oleh SKM.

Malangnya sehingga ke hari ini, tiada sesiapa yang mengetahui apakah tindakan undang-undang yang telah diambil terhadap KUIBB, khususnya terhadap Dato' Sri Paduka Wan Mohd. Jamal yang merupakan CEO koperasi tersebut. Mengikut seksyen 91(ii), Akta Koperasi 1993, tiada koperasi berdaftar atau pegawai, pekerja atau anggota sesuatu koperasi berdaftar yang melakukan kesalahan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya. Jadi, adakah sesiapa dalam kalangan mereka yang telah dihadapkan ke mahkamah? Jikalau ada, apakah hukuman yang telah dijatuhkan ke atas mereka?

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa pemeriksaan dan siasatan telah dilakukan oleh SKM ke atas koperasi tersebut. Ingin saya mengetahui berapakah ahli koperasi yang telah didaftarkan dan jumlah yuran yang telah diterima oleh koperasi tersebut. Berapakah wang yang masih terkumpul dalam akaun bank koperasi semasa akaunnya dibekukan? Berapakah nilai aset yang terkumpul oleh koperasi dan sama ada aset koperasi tersebut telah dilupuskan oleh SKM dengan sewajarnya. Saya percaya skim tersebut telah berjaya menarik minat beribu-ribu atau puluhan ribu orang untuk menyertainya. Ramai dalam kalangan mereka telah diperdayakan untuk menyertai koperasi tersebut atas sebab koperasi tersebut menggunakan logo 1Malaysia dalam publisiti koperasinya. Ini akan memberikan satu gambaran yang tidak betul, seolah-olah aktiviti koperasi tersebut telah direstui oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan Persekutuan. Adakah penggunaan logo 1Malaysia oleh koperasi tersebut dibenarkan oleh mana-mana pihak yang berhubung-kait dengan Kerajaan Persekutuan?

Berikutan dengan insiden KUIBB tersebut, penggunaan logo 1Malaysia sebagai sebahagian logo atau publisiti koperasi haruslah dilarang untuk mengelakkan lebih ramai orang terpedaya dan seterusnya terpaksa menanggung kerugian. Ingin saya bertanyakan sama ada terdapat koperasi-koperasi yang lain yang turut menggunakan logo 1Malaysia sebagai logo koperasi atau dalam mana-mana produk atau perkhidmatan yang dikendalikan oleh sesebuah koperasi dan adakah sesuatu tindakan akan diambil terhadap mereka.

Berkenaan dengan isu sama ada ahli-ahli dapat menuntut balik dana skim yang telah dibayar peserta kepada koperasi tersebut, berdasarkan jawapan bertulis yang diberikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada 18 Julai 2013, ia akan ditentukan mengikut proses undang-undang. Saya ingin mendapat penjelasan selanjutnya, apakah yang dimaksudkan oleh 'ditentukan mengikut proses

undang-undang'? Tuan Yang di-Pertua, adakah ini bermaksud ahli-ahli koperasi yang terlibat perlu mengambil tindakan guaman masing-masing memandangkan kebanyakan di antara mereka hanya membayar tidak lebih RM400 bagi menyertai skim tersebut? Tidaklah wajar untuk mereka mengambil tindakan guaman yang menelan perbelanjaan yang lebih tinggi. Saya tidak berharap ini adalah tujuan untuk kita memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 62A melalui pindaan kali ini.

Mengikut seksyen 74, Akta Koperasi 1993, seseorang yang berwibawa boleh dilantik oleh Ketua Pendaftar sebagai pelikuidasi koperasi berdaftar itu. Jadi, sama ada seseorang pelikuidasi telah dilantik dalam kes ini dan sama ada ahli-ahli koperasi dapat dianggap sebagai pemiutang untuk menuntut balik wang-wang yang telah dibayar kepada koperasi tersebut. Adakah tuntutan tersebut boleh dikemukakan melalui cawangan-cawangan SKM yang ditubuhkan di peringkat negeri? Insiden KUIBB ini telah menunjukkan bahawa kurangnya ketelusan SKM dalam mengendalikan isu-isu yang berkepentingan rakyat sehingga ramai yang berdaftar sebagai ahli bagi tujuan menyertai Skim Khairat Kematian 1Malaysia tidak dapat diberi perlindungan yang sewajarnya oleh SKM.

Saya ingin menggesa supaya pendekatan-pendekatan yang lebih proaktif dapat diambil bagi meningkatkan lagi tahap ketelusan SKM dan bukannya setakat pindaan-pindaan yang dibentangkan hari ini dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Nibong Tebal.

12.08 tgh.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan ruang kepada saya untuk mengambil bahagian, terlibat dalam perbahasan Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2014. Sebelum saya khususkan kepada perbincangan pindaan akta ini, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, untuk ringkas menyentuh sedikit tentang peranan dan sumbangan koperasi terhadap pembangunan negara kita.

Koperasi seperti yang kita tahu, memang memainkan peranan penting dalam pembangunan negara daripada segi ekonomi dan sosialnya. Koperasi telah diiktiraf sebagai penggerak ekonomi rakyat dengan berusaha untuk meningkatkan taraf kehidupan anggota-anggotanya. Juga koperasi diharapkan untuk melaksanakan agenda membasmi kemiskinan dalam negara dan juga agenda pengagihan kekayaan dalam negara. Secara ringkasnya, mungkin sekarang ini boleh dikatakan koperasi diharapkan untuk memainkan peranan memenuhi agenda transformasi negara seperti mana yang diharapkan oleh pemimpin negara kita.

Secara ringkas sejarah koperasi Tuan Yang di-Pertua, bermula di abad ke-18 di negara Eropah. Semasa zaman itu, negara-negara di Eropah mengalami masalah kemiskinan, penindasan, peningkatan kos hidup yang cukup melambung tinggi. Maka, diwujudkan koperasi untuk membantu anggota-anggota masyarakat. Itu rohnyanya yang cukup murni. Di negara kita pun Tuan Yang di-Pertua, bermula dari awal tahun 1920-an dengan

roh yang sedemikian juga untuk membantu anggota-anggota koperasi dan juga untuk meningkatkan ataupun menyelesaikan masalah-masalah isu setempat di kawasan yang mana wujudnya koperasi-koperasi tersebut.

■1210

Sekarang ini di Malaysia kalau kita perhatikan seperti yang disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi, koperasi di Malaysia berkembang dengan begitu pesat, begitu hebat hingga disasarkan dalam tahun 2012, koperasi boleh diwujudkan hingga ke lebih daripada 10,000 dan malah tercatat dalam portal SKM kalau dalam tahun 2013 sahaja, keseluruhan koperasi yang terdapat di Malaysia adalah 10,914.

Kalau pembahagian negerinya boleh saya bacakan di sini:

Negeri	Bilangan Koperasi
Johor	1,039
Kedah	868
Kelantan	685
Melaka	424
Negeri Sembilan	583
Pahang	835
Perak	1,147
Perlis	166
Pulau Pinang	631
Sabah	1,062
Sarawak	883
Selangor	1,261
Terengganu	556
Wilayah Persekutuan	807
Ibu Pejabat	2

Dengan mengendalikan pelbagai aktiviti perbankan, pertanian dan juga peruncitan serta pemborongan dan lain-lain aktiviti.

Tuan Yang di-Pertua, saya secara prinsipnya memang menyokong pindaan akta ini kerana ianya bertujuan seperti yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi dan untuk memberi lebih fleksibel dan lebih kuasa untuk SKM menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan lagi. Sehubungan dengan itu, sukacita juga saya Tuan Yang di-Pertua untuk menilai keberkesanan ataupun pindaan akta ini dengan kita melihat Dasar Koperasi Negara yang diwujudkan semenjak tahun 2002 dan diubahsuai sekali lagi dalam tahun 2011 hingga ke tahun 2020. Dengan lima teras strategiknya iaitu kalau boleh saya sebutkan di sini:

- (i) merancang penglibatan berkoperasi dalam sektor ekonomi yang bernilai tinggi;
- (ii) memantapkan keupayaan dan kebolehan koperasi;
- (iii) mewujudkan dan meningkatkan keupayaan modal insan koperasi;
- (iv) meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap gerakan koperasi;
dan
- (v) memperkukuhkan koperasi melalui seliaan dan penguatkuasaan berkesan.

Kalau pindaan akta ini dapat kita nilai dari segi teras strategik KDN dan usaha mereka dan untuk melaksanakan KDN ini, diwujudkan tiga jawatankuasa. Saya difahamkan satu ialah Jawatankuasa Pemantauan. Pelaksanaannya dengan anggotanya terdiri daripada KSU ataupun timbalan KSU kementerian sebagai pengerusi, pengerusi eksekutif ataupun timbalan pengerusi SKM, Bahagian Dasar Kementerian, wakil Maktab Koperasi Malaysia (MKM), wakil ANGKASA - wakil koperasi dan urus setianya ialah bahagian koperasi kementerian. Jawatankuasa yang kedua Jawatankuasa Pelaksanaan dan ketiga Jawatankuasa Kerja. Maknanya, segala usaha telah pun dilakukan untuk memantapkan gerakan koperasi di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu sukacita saya membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan gerakan koperasi di Malaysia ini dalam kerangka, dalam perspektif usaha kita untuk meminda akta ini supaya gerakan koperasi di Malaysia akan menjadi lebih mantap lagi supaya SKM akan menjadi lebih berkesan melaksanakan tugas-tugasnya.

Isu yang pertama Tuan Yang di-Pertua, adakah hala tuju baru koperasi seiring dengan hala tuju pembangunan negara? Itu yang perlu kita memberi perhatian kerana kita seperti yang saya sebutkan tadi objektif utama koperasi ialah untuk mempertingkatkan taraf hidup anggotanya dan juga untuk tangani isu-isu masyarakat setempat yang berkaitan dengan masalah kehidupan mereka.

Saya ingin bangkitkan perkara ini sebab...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: ...Saya dapati gerakan-gerakan koperasi di negara kita ini yang mendapat keuntungan yang lebih besar ialah gerakan-gerakan koperasi yang berstatus nilai tinggi ataupun yang besar-besaran.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Langat bangun.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Ya, silakan.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang telah kita lihat dalam pindaan yang hendak dibuat ini, kerangkanya amat besar Tuan Yang di-Pertua. Melihat daripada keperluan faedahnya juga sasarannya amat besar dan cita-cita besar kementerian juga amat besar untuk melihat penyertaan koperasi ini menuju kepada kecemerlangannya.

Namun yang jelas ialah apabila kita melihat daripada promosi untuk kumpulan-kumpulan awam yang tercari-cari bagaimana mungkin mereka boleh menyertai, menubuhkan koperasi. Jadi apakah Yang Berhormat setuju dengan saya kementerian juga harus tidak leka kepada kumpulan-kumpulan yang dilihat sebagai sasaran utama untuk meningkatkan dan menjana ekonomi mereka dan membolehkan mereka menyertai program-program yang saya lihat daripada pindaan ini menyerlah sangat supaya mereka-mereka ini juga tidak terpinggir atau terdicir untuk menikmati kenikmatan faedah yang akan diberi luaskan oleh kementerian. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Sebenarnya saya pun nak sampai ke poin yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat tadi. Seperti yang saya sebutkan tadi, gerakan-gerakan koperasi yang berskala besar menikmati manfaat yang besar. Akan tetapi, berbanding dengan gerakan koperasi-koperasi yang kecil-kecilan, ini yang perlu diberi perhatian dan kita harap yang pindaan akta ini bagi mempertingkatkan keberkesanan SKM menjalankan tugas, fungsinya bagi membudayakan gerakan koperasi di negara kita ini.

Memberi perhatian yang cukup sama ataupun lebih berat kepada gerakan koperasi-koperasi kecil seperti masalah-masalah koperasi ibu tunggal, OKU, pelajar-pelajar di sekolah-sekolah di luar bandar – itu merupakan koperasi-koperasi kecil dan juga pekerja-pekerja yang di peringkat bawahan. Kalau berbanding kan dengan koperasi-koperasi perbankan dan juga hartanah yang lebih besar, yang lebih menguntungkan ahli-ahlinya. Itu yang pertama Tuan Yang di-Pertua.

Keduanya, pindaan akta ini seperti yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi ialah untuk memberi kuasa yang lebih fleksibel, sedikit kuasa yang lebih kepada Ahli Lembaga Pengarah untuk menjalankan fungsi terutama sekali dalam bidang prosiding ataupun dalam bidang kes-kes sivil. Saya melihat dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua. Kita wujudkan koperasi untuk memberi keyakinan kepada masyarakat untuk mempertingkatkan kehidupan sosioekonomi mereka. Tanpa kita juga memberi tekanan yang lebih kepada segi hukuman. Kita lihat dalam perspektif itu.

Bukan kita tidak suka yang ia diberi kuasa lebih untuk kita mengambil tindakan kepada pesalah-pesalah koperator-koperator. Akan tetapi dalam perspektif untuk menggalakkan perkembangan koperasi, untuk memberi keyakinan kepada koperator-koperator koperasi yang kecil-kecilan terutamanya, maka aspek-aspek hukuman patut jangan diberi perhatian kepada koperator-koperator kecilan ini. Sebaliknya kita perlu memberi tekanan kepada aspek-aspek penggalakan. *Encouragement rather than punishment*, dengan izin. Jadi itu yang keduanya sebab ia selari ataupun sejajar dengan hujah saya yang pertama tadi iaitu untuk memberi perhatian kepada koperasi-koperasi kecilan hari ini.

Ini sehubungan dengan pemerhatian kita pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita dapati koperasi-koperasi yang kecil ini malap sangat. Tidak begitu hebat kalau dibanding dengan koperasi-koperasi yang berskala besar. Malah, ia tidak dapat bertanding pun dengan isu-isu ataupun pergerakan seperti pasar-pasar malam.

■1220

Contohnya macam pasar *Cambodia*, hari ini di kawasan saya di Nibong Tebal. Kalau hari Sabtu penuh sesak orang *Cambodia*. Sekarang ini merebak ke Pendang. Saya fikir sahabat saya dari Pendang boleh ini - kita dapati pergerakan dan perniagaan mereka begitu maju tetapi koperasi-koperasi yang kita wujudkan dalam kawasan-kawasan perkampungan, luar bandar, malah kawasan-kawasan pinggir bandar cukup malas untuk bergerak dan cukup malap pergerakan mereka. Manfaat yang diperoleh oleh anggota-anggotanya adalah cukup-cukup minimum.

Jadi saya harap kerajaan memberi perhatian yang serius terhadap perkara ini. Kalaulah perniagaan-perniagaan yang macam tadi boleh wujud begitu mantap dengan manfaatnya cukup hebat, kenapa tidak kita gerakkan koperasi-koperasi yang kecil-kecilan ini untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang sedemikian rupa? Itu yang kedua Tuan Yang di-Pertua.

Ketiganya, isu yang berkaitan dengan koperasi ini, kita dapati hari ini koperasi yang menjalankan aktiviti kepenggunaan, Koperasi Pengguna, terdapat 52.6% dengan jumlah ahlinya 2.8 juta orang, ramai. Akan tetapi malangnya, Koperasi Kepenggunaan ataupun Koperasi Pengguna ini perolehan mereka hanya RM0.98 bilion sahaja ataupun 11% daripada keseluruhan perolehan gerakan koperasi di dalam negara kita. Jadi kenapa ia berlaku demikian, perlu kita memberi perhatian untuk menggalakkan kebanyakan koperasi yang diwujudkan ini dapat menikmati manfaat yang seiring ataupun sama dengan koperasi-koperasi yang lain. Apa yang boleh kerajaan ataupun SKM bantu untuk menggerakkan koperasi-koperasi ini supaya dapat menjanakan pendapatan yang lebih setanding dengan jenis koperasi-koperasi yang lainnya? Itu yang ketiga Tuan Yang di-Pertua.

Isu yang seterusnya yang ingin saya kemukakan seperti apa yang disebutkan oleh sahabat saya tadi tentang MOCCIS. Ada pandangan yang mengatakan kenapa MOCCIS perlu mengambil peranan ataupun fungsi yang diberikan kepada Angkasa di peringkat awal iaitu dalam segi pemotongan gaji dan juga memberi perkhidmatan dalam pinjaman ini. Mungkin pihak Menteri boleh memberi pencerahan sedikit dalam hal ini.

Isu yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri berkenaan dengan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi yang kita difahamkan yang tiap-tiap koperasi terpaksa ataupun disyaratkan memberi sumbangan sebanyak 100% kepada SKM dalam tabung ini. Apakah kegunaan tabung ini? Saya harap Menteri dapat memberi sedikit penjelasan kerana ada tohmahan atau tuduhan yang mengatakan wang ini disalahgunakan oleh pegawai. Ini tuduhan, mungkin Menteri boleh dapat memberi penjelasan kerana Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi ini disumbangkan oleh semua koperasi yang berdaftar di dalam negara kita.

Jadi, dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi ruang kepada saya dalam mengambil bahagian perbincangan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Kota Raja.

12.24 tgh.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan untuk meminda Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007.

Saya rasa kita semua tidak dapat menafikan lagi tentang kepentingan sektor koperasi ini yang sudah lebih 90 tahun gerakan koperasi ini berlangsung di negara kita. Seperti yang telah dibentangkan oleh laporan daripada SKM tentang gerakan koperasi ini, jumlah koperasi yang berdaftar semakin hari semakin meningkat dan mengikut sasaran

tahun 2013 telah mempunyai lebih daripada 10,000 koperasi yang berdaftar. Peningkatan yang hampir melebihi 40%. Ini menunjukkan bahawa sektor koperasi ini sangat penting dalam pembangunan ekonomi negara kita. Satu lagi, lebih kurang dikatakan 5% daripada keluaran negara bergantung kepada sektor koperasi ini.

Saya ingat pengalaman ada pada kebanyakan kita yang pernah menyertai koperasi-koperasi setakat menjadi ahli dengan syer yang minimum, apabila koperasi ini ditutup ataupun 'bungkus' istilahnya, maka kita pun tidak tahu apa yang berlaku kepada modal kita.

Jadi amat penting sekali peranan SKM yang kita dapat lihat relevannya pindaan di sini kerana pindaan yang disarankan oleh pihak kementerian untuk memberikan mereka lebih kuasa dan memperkasakan SKM untuk memantau dan menyelia. Kalau ada 10,000 buah koperasi dan dijangka tahun 2020 sasaran kementerian adalah 16,000 buah koperasi yang berdaftar, maka pemantauan ini amat penting kerana sekiranya seperti yang disebut tadi, untuk ahli-ahli yang mencarum tahap minimum, sekiranya apa-apa berlaku kepada koperasi, maka mereka sudah tidak ada daya dan upaya untuk menuntut hak mereka daripada koperasi itu.

Sebenarnya apabila dibincangkan tentang perjalanan masalah yang dihadapi oleh koperasi, banyak terletak kepada urus tadbir koperasi itu sendiri. Kita lihat bahawa berbagai-bagai undang-undang dan peraturan telah diwujudkan selain daripada Akta Koperasi, juga sekarang ada SKM, berbagai-bagai peraturan juga telah digubal oleh SKM untuk memandu ataupun untuk memberi garis panduan kepada pentadbiran dan juga ada Peraturan Koperasi 1995. Ini menunjukkan bahawa peraturan-peraturan ini sebenarnya adalah penting untuk memandu Lembaga Koperasi untuk mentadbir koperasi dengan berkesan.

Walau bagaimanapun, kalau dilihat daripada isu-isu dan cabaran yang dihadapi dalam urus tadbir, antara salah satu perkara yang telah disebut tadi, kita hanya memberi perhatian, mungkin kenal kepada koperasi-koperasi yang besar yang mempunyai modal yang besar yang memberi keuntungan dan dividen kepada ahli-ahlinya, tetapi banyak juga koperasi-koperasi kecil yang sebenarnya tidak mencukupi modal mereka dan hanya bergantung kepada modal daripada yuran ahli dan juga mungkin daripada keuntungan-keuntungan yang dikumpulkan.

Masalah dengan koperasi-koperasi kecil perlu diberi perhatian kerana koperasi ini adalah sebenarnya sebuah entiti perniagaan. Ramai yang tidak memahami bahawa apabila mereka menyertai koperasi yang koperasi ini sebenarnya menjalankan perniagaan. Oleh itu, Ahli Lembaga Koperasi dan juga staf ataupun pekerja koperasi ini mesti di *empowered* atau diperkasakan dengan ilmu-ilmu perniagaan.

Saya biasa diminta untuk memantau bagi pihak sebuah pertubuhan koperasi. Apabila kita sampai, saya tanya tentang siapa buat *marketing* dan siapa yang buat pentadbiran, dan sebagainya, maka saya dapati bahawa masing-masing kerja di koperasi hendak duduk di pejabat dan tidak ada orang pergi cari pelanggan dan produk yang dijalankan ataupun dijual. Itu pun tidaklah memberangsangkan. Sedangkan, Lembaga

Koperasi mendapat elaun dan pekerja dapat elaun. Habis di hujung harinya, semua yuran yang dikutip dan sebagainya habis begitu sahaja dan akhirnya ditutup.

■1230

Jadi walaupun itu adalah satu contoh di mana lembaga koperasi mendapat imbuhan tetapi kebanyakan ahli lembaga koperasi tidak menerima imbuhan dan mereka tidak mempunyai pengetahuan literasi dalam perniagaan dan juga kewangan dan tentang strategi-strategi perniagaan. Jadi sekiranya SKM membenarkan orang-orang seperti ini menjadi pengarah dan juga bekerja di dalam koperasi, maka bekas koperasi seperti ini mungkin tidak akan berdaya maju dan akhirnya akan juga kena bankrap dan terpaksa tutup. Jadi saya mengharapkan bahawa 16,000 dalam tahun 2020 kita punya sasaran, SKM punya sasaran, sekarang ada 10,000 lebih.

Mekanisme pemantauan ini bagaimana memantau secara berkesan kepada ahli-ahli lembaga dan juga petugas-petugas. Saya terfikir juga dalam mana-mana organisasi perniagaan swasta ataupun awam, apabila organisasi itu berbentuk perniagaan, maka sudah menjadi satu kelaziman petugas-petugasnya perlulah ada kelulusan-kelulusan sekurang-kurangnya diploma ataupun ijazah atau ilmu di dalam perniagaan dan saya cari juga sama ada kita ada graduan-graduan ataupun universiti-universiti yang menawarkan kursus sarjana muda pengurusan koperasi ataupun menjadi satu *major* di dalam kursus perniagaan kerana koperasi lebih kompleks daripada perniagaan, daripada syarikat. Dalam syarikat, pemegang sahamnya tidak ramai tetapi di dalam koperasi, pemegang sahamnya beratus-ratus dan mungkin beribu-ribu. Jadi ia memerlukan kemahiran-kemahiran dan ilmu pengetahuan yang lebih daripada bagaimana untuk menangani keahlian yang ramai dalam pentadbiran.

Lagi satu adalah tentang pemilihan lembaga pengarah ataupun lembaga koperasi itu sendiri. Oleh kerana ia sebuah koperasi, setiap ahli tanpa mengira berapa sahamnya di dalam koperasi itu, dia hanya layak kepada satu undi dan seperti pertubuhan-pertubuhan lain juga, biasanya lembaganya ataupun ahli jawatankuasanya dipilih mengikut populariti dia. Jadi masalah integriti, masalah kemahiran, siapakah yang melihat ataupun sama ada diketahui atau tidak oleh ahli-ahli koperasi ini.

Ada juga kajian-kajian yang menunjukkan walaupun telah ditetapkan ada audit dalaman, kerap kali audit dalaman tidak menjadikan kerja mereka dengan baik dan oleh itu maka perjalanan urus tadbir koperasi ini tidak dikawal selia dengan baik. Jadi ini adalah satu perkara yang saya fikir urus tadbir ini penting untuk meyakinkan rakyat negara ini untuk menceburkan diri di dalam koperasi.

SKM perlu menjadikan satu perkara yang penting adalah memastikan bahawa ahli lembaga terdiri daripada mereka yang mempunyai pengetahuan dan juga mempunyai ilmu dan bersifat amanah dan bertanggungjawab kepada ahli-ahli koperasi. Sekiranya perkara ini tidak dapat dipastikan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia, maka kepercayaan kepada koperasi, keyakinan seperti yang disasarkan mungkin tidak akan diperoleh daripada rakyat.

Kalau kita lihat di dalam syarikat yang berdaftar dengan ROS dan pendaftar syarikat, sekiranya lambat menghantar laporan tahunan ataupun lambat mengaudit akaun dan sebagainya, maka undang-undang akan mendapati ataupun akan boleh diseret ke

muka pengadilan. Mereka perlu membayar denda yang agak besar dan juga tindakan boleh diambil ke atas mereka. Saya kira ini juga perlu secara beransur ahli-ahli ataupun lembaga koperasi ini perlu juga diberi tanggungjawab selain daripada mereka ada keistimewaan-keistimewaan sebagai lembaga koperasi, maka mereka juga perlu bertanggungjawab di atas status dan juga kerja yang telah dipertanggungjawabkan ke atas mereka.

Kita juga mengharapkan bahawa kes-kes yang selalu kita dengar tentang koperasi-koperasi yang tidak tahan lama ini dapat dikurangkan dan saya kira ramai di antara kita, bila ada pentadbiran yang baik, urus tadbir yang baik, keyakinan masyarakat terhadap urus tadbir ini sangat baik seperti Lembaga Tabung Haji misalnya di mana umat Islam tidak ada ragu-ragu kerana dia tahu bahawa urus tadbirnya baik walaupun sekali sekala kita dengar, biasalah tetapi sekurang-kurangnya telah membuktikan bahawa dengan pengumpulan dana yang besar daripada rakyat, dia boleh *deliver*, dia boleh menunaikan janji dan boleh memberi apa yang sepatutnya kepada pencarum. Jadi saya harap perkara-perkara yang saya bawakan ini dapat diberi perhatian oleh Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Temerloh.

12.37 tgh.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada Laporan Perangkaan Am Koperasi 2013, jumlah bilangan koperasi yang berdaftar di seluruh negara ialah sebanyak 10,914 buah dengan bilangan anggota yang mencecah lebih tujuh juta orang manakala modal syer terkumpul pula adalah sebanyak RM12.8 bilion dan aset terkumpul dicatat berjumlah RM107.9 bilion daripada 10,914 buah koperasi dan 8,742 buah koperasi itu adalah berstatus aktif. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat berunjuran daripada fakta itu ada empat teras pertimbangan ataupun objektif yang perlu menjadi kayu ukur untuk kita menilai keberkesanan sesebuah koperasi itu.

Pertamanya ialah jaminan kesinambungan organisasi koperasi tersebut yang mana teras ini perlu ada kepada tiga noktah. Pertama ialah keselamatan ataupun keteguhan sumber kewangan dan yang kedua ialah kesinambungan pengurusan yang kompeten dan yang ketiga ialah kesinambungan kepimpinan dengan memastikan calon-calon pengganti yang berkeelayakan dan juga mewujudkan dasar-dasar yang menyeluruh dalam memastikan kekukuhan ataupun keutuhan koperasi tersebut.

Kedua ialah jaminan pencapaian. Sistem pemantauan dengan jadual dan peraturan yang lengkap perlu diwujudkan bagi memastikan keputusan dan dasar yang ditetapkan dapat dilaksanakan dengan tepat sekalipun mungkin selepas daripada itu berlakunya peralihan kepimpinan koperasi tersebut.

Ketiga ialah berkait dengan dasar ataupun polisi yang mestilah diwujudkan secara jelas untuk menjamin masa depan dan juga hala tuju koperasi yang baik. Yang keempat ialah perhubungan antara ataupun dengan ahli sebagai pemilik kepada koperasi tersebut

yang mana koperator perlu jelas tentang siapa yang perlu diberikan perkhidmatan sama ada masa sekarang ataupun pada masa yang akan datang. Apa keperluan yang ingin mereka peroleh melalui koperasi dan menetapkan cara bagaimana laporan disampaikan kepada anggota mengenai pencapaian di dalam memenuhi keperluan-keperluan yang telah digariskan.

■1240

Kemudian pencapaian matlamat-matlamat tersebut sangat bergantung sebenarnya kepada tadbir urus dalam koperasi yang dijalankan oleh pentadbir. Tadbir urus yang berkesan dan berjaya adalah diasaskan kepada pertimbangan yang objektif berdasarkan kepada objektif semasa dan juga objektif yang digariskan untuk berdaya maju bagi menghadapi cabaran-cabaran dalam perkembangan ekonomi semasa. Manakala tadbir urus yang buruk sudah tentulah adalah merupakan satu yang akan merosakkan perjalanan dan juga hala tuju koperasi ini yang mana ia pasti berasaskan kepada pertimbangan yang mungkin hanya bersifat *ad hoc* ataupun pertimbangan asal ada, sambil lewa dan seumpamanya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sistem urus tadbir koperasi yang baik ini saya lihat berhajat kepada tanggungjawab tiga pihak. Yang pertama ialah pihak pengurusan yang mana orang yang digajikan untuk melaksanakan segala keputusan berikut mestilah mengikut bidang profesion masing-masing, umpamanya yang mengurus pakar dalam bidang pengurusan dan perundangan. Manakala akauntan pula mahir dalam penyediaan akaun dan seumpamanya. Kita tidak hendak pengurusan itu hanya diberikan sekadar lepas begitu sahaja kepada sesiapa sahaja tanpa melihat kepada kepakaran dan keupayaan dalam pengurusan.

Kemudian yang kedua ialah anggota Lembaga Koperasi mestilah dipilih secara demokrasi bagi mentadbir dan membuat keputusan dalam koperasi. Saya melihat sebagai contoh umpamanya Ahli Lembaga Koperasi NACF Korea yang mana mereka ini sampai ke peringkat berhujah sampai ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tentang kesan WTO terhadap keluaran hasil tani anggota koperasi mereka.

Pihak ketiga ialah anggota sebagai pemilik koperasi dan mereka ini sudah tentulah berjumpa dalam mesyuarat agung meluluskan perkara-perkara pokok yang menjadi kepentingan bersama. Mereka juga menjadi pelanggan koperasi, yang mana saya melihat Tuan Yang di-Pertua ketiga-tiga pihak ini mesti faham terhadap tanggungjawab mereka masing-masing dan mereka hendaklah sentiasa bekerjasama antara satu sama lain untuk memastikan koperasi itu bernafas baik dan juga hebat mendepani cabaran ekonomi semasa.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian kepada beberapa perkara yang saya kira perlulah diberikan perhatian serius dalam isu ini. Yang pertama, kita semua tahu bahawa koperasi adalah merupakan gelombang ekonomi ataupun gelombang ketiga dalam ekonomi negara kita dalam mengukuhkan ekonomi sesebuah negara yang mana fungsi dan matlamatnya itu saya kira mampu untuk memberi kemudahan dan peningkatan sosioekonomi masyarakat negara kita.

Justeru itu, perniagaan koperasi ini sepatutnya menyumbang kepada kedudukan ekonomi peribadi, ekonomi masyarakat dan juga ekonomi negara pada kedudukan yang lebih kukuh di samping memberi kesejahteraan dalam kehidupan. Tahun ini merupakan tahun keempat Dasar Koperasi Negara yang bermula pada tahun 2011 yang lalu yang mana pihak kerajaan telah meletakkan sasaran peningkatan sumbangan koperasi kepada KDNK negara, yang mana Dasar Koperasi Negara 2011-2020 mempunyai beberapa dasar dan juga teras strategik dan petunjuk prestasi bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua di sana masih terdapat perkara-perkara yang sangat penting untuk diberikan perhatian bersama. Pertamanya ialah sekali lagi saya hendak tekankan soal urus tadbir dalam pengurusan koperasi itu sendiri. Terdapat dua perkara yang perlu diberikan perhatian dalam isu urus tadbir ini. Yang pertama ialah isu pengurusan perakaunan kewangan dan juga audit. Perkara ini sangat penting, ia dibuat secara teliti supaya koperasi itu tidak nanti '*hidup segan mati tidak mahu*' dan akhirnya ia menjejaskan ekonomi masyarakat kita sendiri. Inilah yang diajar oleh Nabi kita Muhammad SAW. [*Berucap dalam Bahasa Arab*] Sesungguhnya Allah kasih apabila sesuatu tindakan, satu amalan, satu tugas dan kerja yang dilakukan oleh seseorang itu dilakukan dengan penuh teliti dan bersungguh-sungguh supaya ia tidak mengundang kerugian dan juga petaka kepada pengurusan dan juga koperasi yang kita tadbir.

Kemudian yang keduanya ialah soal hala tuju koperasi sama ada memaksimumkan keuntungan ataupun memaksimumkan perkhidmatan kepada anggota koperasi tersebut. Ini perlu diberikan perhatian. Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga kedua-dua perkara yang saya sebutkan tadi juga perlu diberikan perhatian oleh pihak yang terlibat, yang mana saya melihat pada hari ini jumlah koperasi yang direkodkan sehingga tahun 2009 adalah sebanyak 7,215 buah dengan koperasi mikro mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 5,979 buah dan angka ini saya yakin pastinya ia akan bertambah dari semasa ke semasa.

Maka dengan peningkatan jumlah ini dan sasaran kerajaan untuk memastikan sumbangan koperasi kepada KDNK negara dibimbangi matlamat asal penubuhan koperasi ini tidak lagi membantu kebajikan dan perkhidmatan awam tetapi ia lebih banyak nanti akan berorientasikan soal untuk mencari keuntungan semata-mata. Jadi, ini adalah perkara yang perlu dilihat supaya dalam usaha kita membina ataupun mencari keuntungan janganlah sampai nanti soal kebajikan dan soal asal matlamat penubuhan koperasi itu akhirnya terpinggir.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat saya menyokong aktiviti nilai tambah dan peningkatan penglibatan koperasi dalam operasi skala yang lebih besar dengan sokongan daripada teknologi hijau dan sebagainya. Namun, apa yang saya hendak tegaskan di sini jangan sampai nanti ia mengubah matlamat asal koperasi itu ditubuhkan. Kita juga melihat perkembangan koperasi di negara-negara maju yang telah memberi sumbangan kepada keluaran negara masing-masing dalam pelbagai sektor tetapi dalam masa yang sama soal kebajikan dan juga soal perkhidmatan awam terutama kepada mereka yang menyertai koperasi itu dapat dipelihara dengan baik. Tentunya ini adalah satu yang sangat baik untuk diaplikasikan dalam negara kita.

Yang kelima, yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, seterusnya soal kenaikan kos sara hidup yang saya melihat ia juga memberi kesan kepada kedudukan koperasi di negara kita. ekonomi negara kita sekarang ini berada dalam kedudukan ada yang menyebut bahawa ia sangat tidak menentu. Kadang-kadang kedudukan ekonomi negara ini sangat membimbangkan kita yang mana kita berusaha untuk satu aspek untuk menutup lubang yang bocor tetapi malangnya ada pula pihak lain yang membocorkan di tempat yang lain pula.

Jadi akhirnya kita buat koperasi maksudnya ialah untuk memastikan peningkatan ekonomi kepada masyarakat kita terutamanya kepada pengusaha-pengusaha kecil dan juga masyarakat bawahan supaya ekonomi mereka dapat dipertingkatkan. Akan tetapi dalam masa yang sama berlaku kenaikan kos sara hidup. Bermula dengan barangkali peningkatan harga barang, kenaikan harga bahan api dan seumpamanya yang akhirnya nanti satu sudut kita berusaha hendak angkat ekonomi mereka, satu sudut kita mengancam kedudukan mereka dengan kos sara hidup yang meningkat ini.

Jadi ini adalah satu kebimbangan yang perlu dilihat supaya ia tidak memberi kesan dan menjejaskan operasi koperasi dalam negara kita. Kita rancang dasar koperasi itu dengan pelbagai rancangan begitu dan begini untuk memberi kestabilan kepada ekonomi rakyat dan sebagainya tetapi saya sebut tadi dalam masa yang sama kita biarkan kos sara hidup terus menghimpit rakyat dalam negara kita. Akhirnya rakyat berada dalam keadaan terus tersepit dan ekonomi rakyat selamanya tidak berubah. Jadi, seolah-olah hadirnya koperasi itu tidak membantu banyak keadaan sebaliknya hanya meletihkan dan memenatkan mereka setelah datangnya kenaikan kos sara hidup yang semakin hari semakin sukar untuk mereka tangani dengan baik.

Jadi saya harap lima perkara yang telah saya sampaikan ini dapat diberikan perhatian oleh pihak kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tebrau.

12.49 tgh.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana izinkan saya turut terlibat dalam perbahasan Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2014.

■1250

Tuan Yang di-Pertua, Akta Koperasi yang pertama diwujudkan pada tahun 1922 dan setakat ini usianya telah 88 tahun. Jadi saya difahamkan bahawa selepas kemerdekaan Malaya, ANGKASA ditubuhkan. Pada tahun 80-an koperasi-koperasi khususnya di masyarakat Cina tumbuh seperti cendawan. Malangnya pada akhir 80-an satu krisis koperasi berlaku kerana kegagalan satu dua koperasi yang tidak diurus dengan baik. Maka menyebabkan koperasi-koperasi yang lain yang diurus dengan baik pun turut terlibat. Oleh kerana kalau orang ramai sudah hilang kepercayaan jadi koperasi yang sihat pun akan tumbang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perhatian saya koperasi di Malaysia boleh dibahagikan kepada beberapa jenis. Satu jenis ialah bertujuan untuk memasarkan produk ataupun perkhidmatan mereka misalnya petani-petani dan sebagainya. Kedua ialah untuk mendapatkan bekalan pada harga pukal misalnya koperasi di peringkat sekolah. Jadi di antara ini pun ada yang buat kedua-dua misalnya koperasi petani pun selain daripada memasarkan produk mereka, mereka juga boleh membeli baja secara harga pukal. Jadi saya difahamkan bahawa setakat hari ini koperasi di negara kita hanya menyumbangkan kurang daripada 5% kepada KDNK. Kalau kita tengok bilangan koperasi yang begitu banyak sumbangan itu sepatutnya masih boleh ditingkatkan.

Sebagai seorang bekas pendidik saya memang berikan perhatian kepada koperasi di peringkat sekolah. Saya difahamkan bahawa koperasi sekolah merupakan kebanggaan Malaysia. Oleh kerana Malaysia mungkin satu-satunya negara yang ada koperasi di peringkat sekolah walaupun ada negara lain yang mungkin ada di peringkat universiti. Bagaimanapun perhatian saya, saya dapati bahawa banyak koperasi di peringkat sekolah kurang memainkan peranan sebagai memberikan pendidikan, latihan kepada pelajar ataupun murid-murid. Oleh kerana banyak koperasi sekolah diuruskan oleh seorang dua guru penasihat yang juga bertindak seolah-olah dia adalah pengurus koperasi.

Jadi mungkin ada sekumpulan murid ataupun pelajar yang digunakan untuk bantu menjalankan urusan niaga koperasi. Akan tetapi mereka tidak terlibat dalam pengurusan, dalam membuat keputusan dan sebagainya. Maka akhirnya saya percaya banyak koperasi sekolah gagal untuk memberikan pendidikan yang sepatutnya diberikan kepada para pelajar.

Saya berharap bahawa kita akan usahakan ini. Kita akan tingkatkan usaha untuk pastikan koperasi sekolah selain daripada menjalani sebagai satu pertubuhan perniagaan, juga mainkan peranan yang penting dalam mendidik generasi muda kita tentang pentingnya koperasi, peranan yang boleh dimainkan dan sebagainya. Oleh kerana saya pun banyak kali sudah tegaskan sekolah adalah tempat untuk segala-galanya. Apa-apa bakat yang kita perlukan, kita berlatih daripada peringkat sekolah. Jadi kalau sekiranya pelajar kita lebih faham tentang koperasi, peranan dan pentingnya. Mungkin apabila mereka besar kelak mereka juga akan berminat dalam koperasi.

Saya ingin tanya apakah usaha SKM untuk jadikan generasi muda kita lebih faham tentang konsep-konsep dan peranan koperasi. Juga untuk mencungkil bakat-bakat di kalangan pelajar supaya mereka satu hari kelak akan menjadikan pemimpin. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bahawa SKM harus tumpukan lebih perhatian dan usaha untuk jadikan sekolah tempat untuk mengasuh pemimpin-pemimpin pergerakan koperasi. Satu lagi perkara yang saya hendak sebut ialah banyak daripada koperasi di negara kita merupakan koperasi yang berskala kecil-kecilan.

Koperasi yang berskala kecil-kecilan itu mereka menghadapi cabaran yang amat besar. Saya difahamkan bahawa ada koperasi yang berskala kecil-kecilan apabila ditubuhkan mereka akan menghadapi cabaran daripada orang tengah. Oleh kerana tidak boleh dinafikan bahawa apabila koperasi itu ditubuhkan untuk memasarkan produk ataupun

perkhidmatan, ada orang tengah yang memang tidak puas hati oleh kerana kegiatan mereka, perniagaan mereka akan terjejas.

Jadi di peringkat awal apabila koperasi itu masih kecil, modal kecil mereka kadangkala sukar hendak bertanding dengan orang tengah. Khususnya sekiranya ahli-ahli koperasi itu tidak sedar dan tidak faham tentang konsep koperasi dan kalau mereka tamak dan orang tengah akan kata, "*You tengok itu koperasi hanya berikan harga ini. Saya boleh tawarkan harga yang lebih tinggi lagi*". Jadi ada ahli yang tidak faham, mereka akan sangka bahawa mungkin pemimpin koperasi ini mereka sendiri dapat keuntungan besar. Daripada jual koperasi ini mereka jual kepada orang tengah akhirnya koperasi itu mati. Apabila koperasi itu sudah mati jadi orang tengah akan ambil balik apa yang mungkin dia rugi pada peringkat awal dengan secara berganda.

Ini yang saya sebut sebagai pendidikan konsep koperasi. Kita harus jadikan ahli sedar bahawa kejayaan sesebuah koperasi bergantung kepada kepercayaan, keyakinan dan sokongan daripada ahli. Kalau mereka tidak sokong jadi akhirnya yang rugi secara jangka panjang yang rugi ialah mereka sendiri bukan orang tengah.

Saya difahamkan bahawa SKMM yang tiap tahun mengadakan Hari Koperasi bukan sahaja di peringkat kebangsaan bahkan di peringkat negeri ataupun peringkat kawasan Parlimen juga. Akan tetapi selain daripada Hari Koperasi itu saya rasa bahawa kita harus adakan lebih banyak kegiatan lagi, lebih banyak rancangan untuk galakkan pertumbuhan koperasi itu dan juga untuk jadikan rakyat jelata lebih faham tentang konsep koperasi. Saya juga berpandangan bahawa mungkin koperasi-koperasi yang kecil tidak seharusnya hanya bertindak secara sendiri ataupun berasingan. Kerjasama di antara koperasi adalah penting khususnya koperasi yang kecil. Kalau misalnya sekolah kalau sebuah sekolah koperasi itu memang kecil tetapi kalau beberapa buah sekolah berhampiran bekerjasama untuk membeli secara pukal. Saya percaya mereka akan dapatkan bekalan dengan harga yang lebih murah lagi.

Satu lagi yang saya ingin tanya saya percaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tebrau panjang lagi?

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Saya sambung petang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sambung petang. Ya baiklah Yang Berhormat, kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang dan Yang Berhormat Tebrau menyambung perbahasan.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan*

Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tebrau.

2.32 ptg.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana mengizinkan saya sambung perbahasan saya. Tadi saya ada sebut sedikit berkenaan dengan pendidikan kekoperasian. Saya tidak tahu sama ada apabila SKM luluskan sesebuah koperasi yang baru, adakah selepas diluluskan dibiarkan mereka uruskan sahaja ataupun SKM ada membuat taklimat dengan ahli-ahli supaya mereka sedar tentang peranan yang mereka boleh main. Khususnya, semangat *one for all and all for one*. Maksud saya, apa yang seseorang ahli itu buat, dia ada kesan ke atas semua ahli. Kalau dia tidak sedar tentang konsep.

Kalau misalnya yang saya sebut pagi ini, dia tamak kepada peruntukan jangka pendek kemudian sehingga akhirnya koperasi ini gagal, semua akan gagal. *All for one* ialah apa faedah yang dinikmati oleh semua ahli, setiap ahli akan mendapat manfaat. Jadi, saya cadangkan kalau kita boleh buat seharusnya setiap koperasi, khususnya yang kecil-kecilan, apabila ditubuhkan, kita harus adakan perjumpaan dengan ahli, kita adakan taklimat untuk terangkan kepada mereka.

Kedua, saya pun rasa bahawa kita harus diberikan latihan kepada pihak pengurusan. Mungkin di tempat-tempat yang tertentu, pemimpin koperasi pihak pengurusan pun bukan faham sangat cara atau selok-beloknya mengelolakan koperasi ini supaya dia dapat keuntungan. Kita cakap terus terang. Saya semua ahli apabila mereka menyertai sesebuah koperasi, selain daripada lain mereka memang berharap bahawa wang yang mereka menabung itu akan dapat keuntungan dan mendapat faedah. Jadi, kalau pengurusan boleh mendatangkan keuntungan kepada mereka, mereka akan lebih yakin dan mereka akan lebih sokong koperasi berkenaan. Satu lagi berkenaan dengan pendidikan kekoperasian ialah...

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Yang Berhormat Tebrau, minta izin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Tebrau ada menyebut tentang latihan berkaitan dengan koperasi. Saya ingin bertanya pandangan daripada Yang Berhormat Tebrau sendiri. Sebenarnya kalau kita lihat mana-mana koperasi ini, mana-mana koperasi baru sebenarnya telah disyaratkan oleh SKM untuk menghadiri kursus wajib untuk semua ahli lembaga.

Cuma masalah di sini ada beberapa koperasi, terutamanya yang kecil-kecilan ini mereka gagal menghantar ahli-ahli lembaga mereka untuk hadir dalam kursus-kursus wajib koperasi ini. Cuma kita tidak pasti apakah tindakan yang dikenakan oleh pihak SKM terhadap koperasi-koperasi yang gagal menghantar ahli-ahli lembaga mereka ini untuk menghadirkan diri dalam kursus wajib yang sepatutnya dihadiri oleh mereka.

Cuma antara kekangannya untuk pengetahuan Yang Berhormat Tebrau, saya pernah bertanya dengan beberapa ahli lembaga ini, mereka mengatakan *charge* yang dikenakan itu pun dikatakan agak tinggi untuk mereka menghantar ahli-ahli lembaga ini untuk hadir dalam kursus-kursus tersebut. Terutamanya kepada koperasi-koperasi baru dan koperasi-koperasi kecil yang mula wujud pada hari ini. Jadi, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Tebrau, adakah kemungkinan kita boleh melalui SKM sendiri memberikan insentif dari segi latihan ini. Kita berikan mungkin untuk koperasi yang mula-mula, yang kecil ini, kita berikan secara percuma. Kita wajibkan ahli-ahli mereka ini, terutama ahli-ahli lembaga ini untuk hadir dalam kursus-kursus yang disediakan oleh SKM.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sekijang. Oleh kerana ahli-ahli lembaga, mereka bukan hanya menguruskan wang mereka sendiri, mereka menguruskan wang orang ramai. Oleh itu latihan itu perlu dan saya juga amat bersetuju dengan Yang Berhormat Sekijang, mungkin SKM perlu menimbangkan bagi koperasi kecil-kecilan kita berikan mereka percuma ataupun kita *charge* secara token sahaja supaya kita galakkan mereka dan supaya mereka tidak ada alasan untuk tidak hadir. Jadi, saya minta bahawa ucapan Yang Berhormat Sekijang itu dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya.

Pagi ini saya ada menyebut mengenai orang tengah yang cuba musnahkan koperasi kecil-kecilan kerana kepentingan diri mereka sendiri. Itu pun kita kena sedarkan ahli-ahli koperasi bahawa berpandangan lebih jauh, berwawasan lebih jauh dan jangan tamak kepada keuntungan jangka pendek dan akhirnya semua pihak rugi. Apabila koperasi ini gagal, jadi semua akan rugi. Akhirnya, dalam pengalaman dan perhatian saya, orang tengah nanti apa yang dia rugi, dia akan dapat balik berganda.

Berkenaan dengan bantuan kepada koperasi kecil selain daripada apa yang Yang Berhormat Sekijang sebut tadi bahawa mungkin kita *charge*kan minimum ataupun kita berikan latihan percuma kepada koperasi-koperasi kecil. Saya rasa bahawa kita mungkin, SKM mungkin juga perlu bantu dari segi kempen pengambilan ahli. Oleh kerana kadangkala pihak lembaga sendiri tidak begitu berjaya mengambil ahli yang ramai. Kalau ahli tidak ramai, bermaksud modal pun kecil dan apa yang mereka boleh buat juga adalah terhad.

Selain daripada latihan awalan, saya rasa SKM mungkin perlu memantau dan memberikan nasihat kepada koperasi-koperasi kecil. Masa mereka baru menubuhkan, kalau mereka menghadapi masalah dan sebagainya, mungkin mereka harus jumpa dengan pegawai-pegawai dari SKM.

■1440

Saya percaya pegawai SKM mempunyai pengalaman, pengetahuan yang cukup untuk berikan bimbingan, berikan bantuan, berikan nasihat kepada mereka. Pagi ini saya pun ada sebut tentang mungkin kerjasama di antara koperasi-koperasi kecil ini adalah penting supaya koperasi kecil ini dengan usaha bersama mungkin boleh bersaing dengan pihak yang lain. Bukan sahaja koperasi yang besar bahkan macam orang tengah dan sebagainya.

Jadi dari segi ini saya berharap bahawa SKM boleh memainkan peranan penyelaras untuk bantu koperasi-koperasi yang kecil itu untuk bekerjasama. Tidak boleh dinafikan bahawa kita juga ada koperasi yang *dormant*, yang tidak aktif, jadi saya rasa bahawa kalau koperasi itu wujud pada nama sahaja lama tidak aktif ahlinya akan rasa hampa dan kalau sekiranya ada usaha hendak minta mereka masuk koperasi yang baru, mereka tidak akan masuk oleh kerana sudah ada pengalaman yang tidak baik.

Jadi saya rasa bahawa mungkin SKM harus tinjau semula apakah sebab-sebabnya koperasi yang tertentu gagal ataupun menjadi tidak aktif. Adakah kerana ahlinya hilang minat, ahli lembaganya tidak minat, ahli lembaganya tidak ada keupayaan ataupun lain-lain sebab. Selepas kita mengenal pasti sebabnya mungkin SKM boleh bantu untuk hidup semula koperasi-koperasi yang tidak aktif itu.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan sesebuah koperasi banyak bergantung kepada keyakinan dan sokongan ahli. Ini sesuatu yang kita tidak boleh nafikan. Jadi keyakinan ahli sebaliknya bergantung kepada kejayaan koperasi. Kalau koperasi itu berjaya dan tunjukkan untung dan mendatangkan manfaat kepada ahli, ahli akan lebih yakin dan sokongan mereka akan semakin kuat dan sebaliknya mereka akan hilang kepercayaan dan keyakinan.

Jadi di sini kita haruslah sedarkan ahli dan juga pihak lembaga pengurus tentang peranan masing-masing. Ahli harus tahu apa yang mereka harus buat, peranan mereka dan ahli-ahli lembaga juga harus tahu peranan mereka dan dari segi ini saya rasa ketelusan akaun adalah yang paling penting di mana-mana pertubuhan. Bukan sahaja koperasi bahkan syarikat, bahkan NGO akaun adalah satu perkara yang amat sensitif. Kalau akaun tidak telus jadi sesiapa pun yang menjadi anggota ini akan hilang kepercayaan dan sebab itu saya tidak tahu sama ada SKM kita apakah peranan yang mereka mainkan untuk pastikan semua koperasi itu akaunnya telus.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang berharap bahawa dengan pindaan dengan Rang Undang-undang SKM ini ia akan memberikan nafas dan semangat baru kepada pergerakan koperasi di negara kita dan yang kedua harapan saya ialah koperasi sekolah haruslah diberikan tumpuan, diberikan perhatian, diberikan bimbingan supaya koperasi sekolah itu betul-betul ia berjalan sebagai sebuah koperasi dan bukan seperti sekarang di banyak sekolah itu nama koperasi sahaja. Seorang dua guru penasihat yang menjaga, menguruskan murid-murid seolah-olah macam pekerja di dalam koperasi. Tolong bantu jual buku, jual alat tulis dan mereka langsung tidak tahu apakah peranan mereka prinsip dan konsep koperasi.

Jadi di peringkat sekolah kalau kita tidak jayakan, kalau kita tidak jadikan generasi muda kita sedar mereka keluar daripada sekolah mereka dan akan fikir itulah koperasi tidak guna punya. Jadi sekolah adalah tempat dan pentas yang kita didik pemimpin-pemimpin koperasi yang akan datang. Saya juga berharap dengan kejayaan koperasi dan kejayaan dengan rang undang-undang baru ini sumbangan koperasi kepada KDNK akan meningkat sehingga sekurang-kurangnya 5% ataupun melebihi 5%.

Koperasi juga saya berharap akan memainkan peranan untuk rancang ekonomi di luar bandar. Saya juga berharap di luar kawasan luar bandar, koperasi-koperasi itu boleh

bantu tingkatkan pendapatan golongan yang kurang berkemampuan. Jadi dengan kata-kata seperti yang demikian, Tuan Yang di-Pertua saya sokong Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2014. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

2.47 ptg.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberikan ruang untuk saya turut membahas pindaan rang undang-undang untuk meminda Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007. Kalau kita melihat kepada cadangan pindaan itu memang ringkas dan saya percaya bahawa tujuan kepada pindaan ini untuk memperkemaskan lagi supaya perjalanan suruhanjaya itu dapat dipastikan untuk menjaga kepentingan koperasi dan juga menjaga kepentingan ahli-ahli koperasi untuk memastikan kelicinan dan kelancaran perjalanan pengurusan tersebut.

Sebab itu saya ingin merujuk kepada seksyen 4 Akta Suruhanjaya Koperasi sendiri iaitu berkaitan dengan objektif penubuhan suruhanjaya. Objektif penubuhan suruhanjaya adalah untuk:

- (i) merangsang pembangunan koperasi dan sektor koperasi yang kukuh dan teratur menurut nilai-nilai serta prinsip-prinsip koperasi bagi menyumbang ke arah pencapaian objektif sosioekonomi negara;
- (ii) menggalakkan sektor koperasi yang kukuh kewangannya, progresif dan mampan; dan
- (iii) mengekalkan keyakinan dalam pergerakan koperasi.

Akta ini juga dalam seksyen 23 ini juga menyatakan suruhanjaya mempunyai fungsi-fungsi tertentu, kuasa dan fungsi suruhanjaya iaitu suruhanjaya hendaklah mempunyai segala kuasa, fungsi dan tugas yang dipertanggungjawab kepadanya di bawah akta ini, Akta Koperasi 1993 atau mana-mana undang-undang yang bertulis dan tanpa menjejaskan keluasan yang sebelum ini. Suruhanjaya hendaklah turut mempunyai fungsi-fungsi berikut:

- (a) untuk menggalakkan serta mengekalkan kestabilan sektor koperasi;
- (b) untuk bertanggungjawab dalam memantau, menyelia dan mengawal selia koperasi dan sektor koperasi;
- (c) untuk menggalakkan dan mempromosi pembangunan koperasi dan sektor koperasi yang kukuh dan teratur;
- (d) untuk memelihara nilai dan prinsip koperasi;
- (e) untuk mengadakan persekitaran yang sesuai bagi koperasi menjalankan aktiviti;
- (f) untuk mendaftar dan membatalkan pendaftaran koperasi;

- (g) untuk bertindak sebagai pemegang amanah untuk mengurus apa-apa skim pembiayaan Islam ataupun kemudahan kredit yang ditubuh oleh Kerajaan Malaysia untuk koperasi;
- (h) untuk menasihati Menteri mengenai semua perkara yang berhubung dengan koperasi dan sektor koperasi;
- (i) untuk menjalankan apa-apa fungsi di bawah mana-mana undang-undang bertulis selain seperti yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan yang disiarkan dalam warta.”

■1450

Persoalannya yang saya hendak bangkit di sini ialah isu yang berkaitan dengan bank koperasi iaitu Bank Rakyat. Tindakan Bank Rakyat memberikan keistimewaan yang begitu besar kepada Deepak Jaikishan iaitu peminjam kepada Bank Rakyat yang jumlah pinjamannya – baki daripada jumlah pinjaman tersebut ialah RM32 juta yang asalnya pinjaman itu RM40 juta. Persoalannya ialah apakah peranan Suruhanjaya dalam menasihati Menteri sehingga Menteri boleh mengeluarkan arahan kepada Pengarah Urusan Bank Rakyat pada 30 Januari, satu surat dikeluarkan kepada Pengarah Urusan Bank Rakyat iaitu pinjaman berjangka Carpet Tile Sdn Bhd? Carpet Tile ini dimiliki oleh Deepak Jaikishan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya tidak bermaksud untuk memberhentikan Yang Berhormat tetapi dalam peraturan mesyuarat, perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan dijawab oleh Menteri tidak sepatutnya dibuat di dalam Dewan. Kedua, perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan pindaan juga tidak boleh dibahaskan dalam perbahasan pada peringkat pindaan. Saya tidak bermaksud untuk menegur, memberhentikan Yang Berhormat, cuma ingatkan tentang peraturan mesyuarat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, ya, ya, saya kata ada kaitan dengan Suruhanjaya Koperasi. Kita meminda untuk memperkuatkan Suruhanjaya. Tidak bermakna kalau kita hendak tambah kuasa untuk bolehkan Timbalan Gabenor, kemudian Ketua Setiausaha, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian untuk hendak melemahkan koperasi. Sudah tentu kita hendak Suruhanjaya Koperasi itu mempunyai bidang kuasa yang cukup jelas untuk melindungi kepentingan koperasi dan juga pendeposit dalam – apa?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Berintegriti.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Berintegriti.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Huh, dahsyat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya berhak untuk bercakap ini kerana mewakili...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ada pembantu pula.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Kepentingan kepada pendeposit-pendeposit ataupun ahli-ahli yang menjadi ahli kepada koperasi.

Bagi saya bahawa, ini nasihat, saya katakan bahawa Suruhanjaya sepatutnya menasihati Menteri. Itu fungsi suruhanjaya. Jadi saya hendak tanya, adakah dengan pengeluaran surat Menteri kepada Datuk Mustafha Razak, pengarah urusan ini, untuk

menyatakan hasil perbincangan Menteri dengan Deepak Jaikishan di pejabatnya pada 10 pagi 30 Januari iaitu mengarahkan pihak Bank Rakyat akan menangguhkan tindakan undang-undang ke atas peminjam berkuat kuasa serta-merta? Baki pinjaman sebanyak RM32 juta akan diselesaikan melalui bayaran bulanan sebanyak RM270 ribu untuk tempoh maksimum sepuluh tahun atau sehingga selesai yang mana dahulu. Bayaran bulanan akan dibuat melalui 120 keping cek, *post-dated cheque* berjumlah RM32,400 berkuat kuasa Januari 2014. Ini surat yang dikeluarkan.

Bermakna bahawa Bank Rakyat telah memulakan prosiding untuk mengambil langkah-langkah dan tindakan undang-undang mengikut proses undang-undang, terma-terma perjanjian yang ada dengan peminjam. Tiba-tiba Menteri mengeluarkan arahan kepada pengarah urusan.

Jadi isunya ialah, adakah Suruhanjaya ini yang menasihati Menteri sehingga Menteri boleh mengambil tindakan yang sedemikian rupa? Ini kerana fungsi Suruhanjaya ialah menasihati Menteri. Sudah tentu sepatutnya bagi saya bahawa kalau kita melihat tentang kuasa Menteri menjalankan tugasnya yang mana termasuk melindungi kepentingan Bank Rakyat sebagaimana diperuntukkan oleh Akta Koperasi dan Akta Bank Kerjasama Rakyat (Peruntukan Khas) 1978, meskipun Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal koperasi adalah berkuasa untuk mengeluarkan arahan kepada Bank Rakyat daripada masa ke semasa, namun seksyen 16 Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Peruntukan Khas) 1978 memperuntukkan bahawa Menteri hanya boleh mengeluarkan arahan yang bertujuan melindungi kepentingan ahli ataupun pendeposit Bank Rakyat.

Jadi saya tidak nampak arahan ini, arahan yang diberikan kepada Datuk Mustafha Abdul Razak ini, arahan yang bersifat untuk melindungi Bank Rakyat dan juga pendeposit Bank Rakyat yang terdiri daripada majoriti orang Melayu, bumiputera. Ini bumiputera, orang Melayu. Orang Melayu dengan kesusahan dan kepayahan, kemiskinan mereka yang mengharap daripada torehan getah, buat bendang, kelapa sawit dan sebagainya, itulah yang dilaburkan RM500, RM1,000 dalam Bank Rakyat. Saya tabik seperti mana pernah saya sebut dalam Dewan ini, Bank Rakyat berjaya memberikan pulangan yang tinggi, lebih baik dari Tabung Haji, lebih baik daripada KWSP sebanyak 15%, tidak kurang daripada 15% campur dengan bonus, kadang-kadang sampai 20%. Ini saya tabik kepada pegawai-pegawai yang bekerja bersungguh-sungguh untuk memastikan kejayaan kepada Bank Rakyat.

Akan tetapi apakah Deepak Jaikishan melalui syarikat-syarikatnya atas peribadinya, atas syarikatnya, begitu mendapat keistimewaan yang lebih daripada pendeposit kecil ini? Pendeposit kecil yang hanya RM500, RM1,000, RM2,000. Ahli-ahli koperasi yang mengharap daripada penyertaan koperasi dalam pelaburan mereka dalam Bank Rakyat mengharap pulangan kepada koperasi, akhirnya pulangan itu akan dapat balik dari segi faedahnya kepada ahli-ahli koperasi. Akan tetapi dengan tindakan yang dibuat ini, melalui surat ini, saya melihat bahawa mungkin Suruhanjaya menasihati Menteri, mungkin Menteri pun minta nasihat dengan Suruhanjaya.

Jadi saya hendak minta penjelasan, apa nasihat yang Suruhanjaya beri? Apakah perkiraan yang saya sebutkan tadi yang berkaitan dengan soal seksyen 16 Akta Bank

Kerjasama Rakyat Malaysia (Peruntukan Khas) iaitu memperuntukkan Menteri hanya boleh mengeluarkan arahan yang bertujuan melindungi kepentingan ahli atau pendeposit Bank Rakyat, jadi adakah ini yang dilakukan oleh Suruhanjaya?

Kemudian, bekas Pengerusi Bank Rakyat membuat kenyataan iaitu Tan Sri Sabbaruddin Chik, bekas Setiausaha Agung UMNO dan juga bekas menteri di dalam kerajaan Barisan Nasional satu ketika dahulu. Saya tabik kepada Tan Sri Sabbaruddin yang begitu penuh amanah berusaha untuk melindungi, atas sifat sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah bersama dengan rakan-rakannya dalam Lembaga Pengarah Bank Rakyat berusaha untuk melindungi kepentingan Bank Rakyat, melindungi kepentingan pendeposit dan juga ahli-ahli kepada Bank Rakyat. Jadi beliau membuat kenyataan seperti mana yang semua tahu dan memang ada satu surat daripada Menteri kepada Pengerusi Lembaga Pengarah yang diberikan pada 5 Mac 2014 kepada Yang Berbahagia Tan Sri Sabbaruddin Chik, Pengerusi Bank Rakyat. *[Membaca petikan]*

“Pinjaman berjangka Carpet Tile Sdn. Bhd.

Surat saya bertarikh 30 Januari, nombor rujukan KPDN...” Sekian-sekian *“...Dan perbincangan saya dengan Datuk Mustafha Haji Abdul Razak, pengarah urusan di pejabat saya pada 5 Mac adalah dirujuk.*

Saya difahamkan Lembaga Pengarah Bank Rakyat yang bermesyuarat pada 27 Februari telah memutuskan perkara-perkara berikut:

- (i) Carpet Tile dikehendaki membayar RM5 juta dalam tempoh satu minggu dari tarikh mesyuarat Lembaga Pengarah tersebut;*
- (ii) kedua-dua pihak hendaklah berunding dan mencapai persetujuan di atas penyelesaian baki pembiayaan dalam tempoh tiga minggu selepas bayaran RM5 juta diterima; dan*
- (iii) sekiranya tiada persetujuan dicapai, tindakan undang-undang akan diteruskan.”*

Itu Bank Rakyat telah ada proses-prosesnya. Kemudian berunding lagi. Maknanya kalau hendak ikut keputusan yang dibuat oleh Menteri dalam surat kepada pengarah urusan ini, bayar dulu RM5 juta baru *board* boleh bersetuju cara itu untuk berunding penyusunan semula.

■1500

Akhirnya, surat kepada Pengerusi Lembaga Pengarah yang terakhir disebut sambungan daripada apa yang disebut tadi saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab ke atas Bank Rakyat dengan ini mengarah supaya perkara satu, dua dan tiga ditangguhkan selama sebulan. Sekian untuk makluman dan tindakan Yang Berbahagia Tan Sri. Suruh tangguh tindakan sebulan. Kenapa hendak tangguh? Kenapa Menteri harus mencampuri urusan *board* yang kita berikan amanah lembaga untuk menjaga kepentingan rakyat.

Sepatutnya bagi saya bahawa kerajaan atau pun menteri sendiri seharusnya memberikan kepercayaan yang sepenuhnya kepada lembaga pengarah untuk melindungi Bank Rakyat, melindungi kepentingan pendeposit dan juga melindungi kepentingan ahli-ahli

Bank Rakyat sebab saya katakan tadi bahawa ahli Bank Rakyat ialah majoriti orang Melayu, bumiputera.

Tidak tahulah agaknya kita kata bumiputerakah, Melayukah lingkup sahalalah. Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan sebab ...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Pokok Sena boleh beri jalan?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Boleh beri jalan tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Minta jalan sebab apa?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Hendak tanya, boleh bagi laluan tidak?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, hendak tanya isu apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak boleh macam itu. Hendak bagi, bagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, hendak tanyalah isu apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak boleh macam itu. Hendak bagi jalan, bagi jalan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kalau isu Bank Rakyat boleh, isu Bank Rakyat okey. Kalau isu lain saya tidak layan. Serius saya tidak ingin bermain politik dan sebagainya. Saya hendak bercakap soal isu Bank Rakyat yang masih menjadi satu persoalan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan tidak Yang Berhormat?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bagaimana Yang Berhormat Menteri boleh campur tangan sehingga memberikan keistimewaan kepada Deepak Jaikishan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini hendak bagi jalan, tidak bagi jalan? Belum cakap lagi sudah buat *negative resolution* macam mana? Inilah masalah dengan pembangkang. Belum dengar lagi sudah buat *conclusion* awal. Boleh bagi tidak?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sila, sila.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya dengar ucapan Yang Berhormat mengenai isu bayar hutang. Tidak tahu Yang Berhormat pernah berhutang tidak? Saya pernah juga berhutang tetapi dalam kita bayar hutang kadang-kadang bila kita tidak boleh bayar hutang kita ada istilah penjadualan semula. Jadi, kalau esok katakan Deepak tidak boleh bayar, sebelum ini ada janji dia bagi *cheque potkah*, cek itu tidak boleh ditunaikan, macam-macam tindakan boleh diambil. Boleh buat saman polis, boleh buat *report* polis dia menipu, kes tipu kita boleh buat. Kemudian kita boleh teruskan tindakan. Memanglah sebagai menteri dia ada juga kuasa-kuasa eksekutif dia. Yang Berhormat hendak bantai Bank Rakyat ini kenapa? Yang Berhormat sudah jadi ahlikah belum dalam Bank Rakyat?

Saya hendak beritahu ini masalah kita. Bank Rakyat ini satu-satunya bank yang cukup hebat, bank koperasi yang cukup hebat memberikan dividen yang cukup tinggi sekali, berebut orang hendak jadi ahli, nombor 12 dalam dunia, sendiri hendak pergi perlekeh. Benda yang dia cakap itu benda yang *normal transaction* Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah jadi ahli koperasikah belum? Okey, hendak tanya sudah jadi ahli Bank Rakyatkah belum? Cakap berapi-api, merapu tidak tentu hala ini mengapa?.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Betul, betul.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Lain kali cakap, kalau kata tidak puas hati *report*lah. *Report* kepada SPRM. Yang pergi bantai dalam Dewan ini kenapa? Cakap merapu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Habis dah?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Okey, okey. Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat rupanya itu yang tidak lekat jadi Menteri itu. *[Ketawa]*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat, sebab itulah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Nantilah hendak cakap. Kalau hendak kira kan jawatan, sebab ucapan merapu yang kalah bertanding Naib Presiden itu. Itu nasib baiklah presiden kasihan. Kutip jadi Ketua Penerangan dan sudah jadi Ketua Penerangan tidak sokong Presiden. Patut pecat orang macam ini.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Naib Presiden itu pemilihan, demokrasi.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Orang tidak sedar diri ini, tidak sedar diri.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini Perdana Menteri sepatutnya boleh lantik, tiba-tiba Perdana Menteri dia kata budak ini dia kata...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Itu biasalah tukar.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Perdana Menteri tengok kata Yang Berhormat Tanjong Karang ini padan muka sahaja, akal tidak ada.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Lebih baik kuasa rakyat. Kuasa rakyat lebih penting bermakna ahli PAS telah tolak Yang Berhormat jadi Naib Presidenlah. Hendak cakap banyak tetapi berlawan Naib Presiden pun kalah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sabar, sabar, sabar, sabar, sabar, sabar. Sabarlah.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Lepas itu sudah jadi Ketua Penerangan, hendak lawan tauke. Eloklah PAS pecat dia ini. Cakap pun merapu sahaja, pandai cakap berulang-ulang. Buang masa sahaja. Tidak puas hati *report* dengan SPRMlah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak. Tidak mahu dengar pergi keluar, tak mahu dengar pergi keluar. Jadi, itulah saya tabik macam Yang Berhormat Pasir

Salak. Yang Berhormat Pasir Salak walaupun dahulunya dia menyalak-menyalak begitu tetapi Perdana Menteri tengok dia ada *brain*. Dia ada *brain*. [*Dewan riu*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan sentuh sifat seseorang Yang Berhormat. Tidak boleh ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, tidak. Saya puji dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bila Yang Berhormat cakap mengenai Yang Berhormat Pasir Salak ada *brain*, bererti *you imply* dia tidak ada *brain*. Tidak boleh macam itu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya tidak kata.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *It's wrong*. Tidak boleh.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya tidak kata. Saya cuma anggap kata bila dia tidak layak dia tidak dilantik itu mungkin...

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Tarik balik, tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya tegur daripada peraturan mesyuarat. Jangan buat macam itu Yang Berhormat ya.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Tarik balik.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Okey, baik. Saya hendak sebut kepada Yang Berhormat. Saya bercakap ini kerana isteri saya adalah ahli Bank Rakyat. [*Disampuk*] Ya, ya, ya. Saya sayang kepada Bank Rakyat. Sekurang-kurangnya setiap tahun makanya isteri dapat, saya pun bolehlah ambil untuk bantu rakyat sedikit.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Okey, tahniahlah Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dapat dia punya dividen dan sebagainya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tahniah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya kata kerana saya sayang Bank Rakyat. Saya tidak mahu nanti pengurusan yang...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tahniahlah Yang Berhormat dok sokong isteri sahaja.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Menyimpang, pengurusan yang tempang seperti ini yang ada unsur-unsur yang tidak sihat ini akhirnya akan menjadi seperti mana Bank Bumiputera yang kita cukup sayang hasil daripada kongres bumiputera yang dianjurkan oleh UMNO satu ketika dahulu. Akhirnya mana bank bumiputera? Tidak ada. Kerana apa? Kerana penyelewengan dan sebagainya. Saya tidak mahu nanti peristiwa ini berulang kepada bank yang dimiliki oleh 100% bumiputera, orang-orang Melayu kerana sayang saya kepada orang Melayu. Apatah lagi isteri saya yang saya sayang itu sebagai ahli kepada Bank Rakyat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ini sudah kisah cinta.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, okey. Bertenang, bertenang, *slow*. Baik, sebab itu saya minta bahawa adakah suruhanjaya ini menasihatkan Menteri sehingga bertindak sedemikian rupa. Saya hendak katakan bahawa lembaga telah

melaksanakan tanggungjawab mereka untuk mengambil tindakan-tindakan berasaskan kepada terma perjanjian yang telah pun dicapai, yang telah pun ditandatangani antara pihak bank dengan peminjam. Maknanya bank boleh ambil tindakan, proses undang-undang.

Akan tetapi kenapa tiba-tiba Menteri melalui perundingan di pejabat Menteri sendiri tiba-tiba terus mengeluarkan surat arahan untuk membatalkan tindakan, menangguhkan tindakan-tindakan yang telah pun dicapai oleh pengerusi atau pun oleh lembaga pengarah. Oleh sebab itu Pengerusi Lembaga Pengarah Tan Sri Sabbaruddin Chik, ini bukan orang PAS, bekas Setiausaha Agung UMNO dia sendiri mengeluh dalam satu kenyataan dia bahawa ini tidak benar.

Dia bertanggungjawab untuk melindungi kepentingan Bank Rakyat, kepentingan pendeposit, kepentingan kepada ahli-ahli kepada Bank Rakyat. Oleh sebab itu tindakan menteri menggantung semua tindakan undang-undang kepada Deepak Jaikishan atau syarikat yang berkaitan dengan beliau akibat kegagalan bayaran baki balik pinjaman sebanyak RM30 juta dan juga membenarkan baki pinjaman berjangka sebanyak RM30 juta tersebut diselesaikan melalui bayaran 10 tahun yang saya katakan tadi.

Oleh sebab itu saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan khususnya daripada pihak kementerian, sahabat saya daripada Alor Star ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjelaskan perkara ini kerana ini satu yang sangat berat. Ini kerana saya katakan bahawa persoalan yang saya hendak bangkitkan di sini apakah pembayaran balik baki pinjaman RM32 juta itu turut meliputi jumlah *ta'awid* iaitu denda lewat. Denda lewat yang sepatutnya dikenakan ke atas pinjaman berdasarkan kepada perjanjian. Berdasarkan pada perjanjian ini maknanya pinjaman baki yang dipersetujui oleh Menteri tadi ini, cara itu adakah meliputi *ta'awid* sedangkan kalau mengikut kenyataan yang dibuat oleh Tan Sri Sabbarudin seolah-olah macam tidak ada *ta'awid*. Denda lewat itu tidak ada, tidak dikenakan ke atas mereka.

Maka, sudah tentu bahawa ini akan lebih teruk, akan menggambarkan bahawa kita macam *selective*, pilih, Maknanya, Oh! Dia ini dapat. Adakah kalau peminjam, orang lain, orang kampung datang pinjam boleh dapat keistimewaan macam ini? Itu isu dia. Apakah orang kampung yang buat pinjaman nanti, peminjam-peminjam kecil tidak boleh bayar dan sebagainya, tiba-tiba kita akan beri keistimewaan macam ini. Jadi, saya fikir bahawa ini suatu yang sangat malang.

Kedua yang saya hendak minta ialah jika jumlah baki pinjaman RM32 juta itu tidak meliputi jumlah *ta'awid* atau pun denda lewat ini, apakah alasan Bank Rakyat untuk tidak mengenakan *ta'awid* atau pun denda lewat ini dan berapakah kerugian yang dialami oleh Bank Rakyat atas sebab-sebab tidak mengenakan bayaran *ta'awid*?

■1510

Adakah lembaga pengarah telah meluluskan supaya bayaran *ta'awid* tersebut dikecualikan? Saya difahamkan bahawa keputusan lembaga pengarahnya memang asalnya tidak bersetuju. Jadi, adakah selepas daripada Tan Sri Sabbaruddin Chik tidak disambung semula sebagai pengerusi lembaga pengarah dan saya difahamkan sehingga sekarang belum ada pengerusi lembaga pengarah yang tetap. Mungkin hanya adapun

pemangku pengerusi lembaga pengarah dan telah pun bermesyuarat untuk mengecualikan *ta'widh*.

Ketiga, jika sekiranya peminjam masih gagal mematuhi syarat pembayaran yang baru ini, apakah tindakan yang bakal diambil oleh Bank Rakyat? Apakah bentuk sekuriti ataupun cagaran yang dikenakan ke atas peminjam bagi menjamin bayaran baki pinjaman sebanyak RM32 juta tersebut? Adakah ia telah didaftarkan iaitu cagaran dan juga sekuriti? Baki pinjaman itu atas Carpet Tile itu RM32 juta tetapi ada dua lagi *loan* pinjaman yang dibuat oleh Deepak Jaikishan ini satu atas Carpet Tile tadi dan keduanya atas Radiant Splendour iaitu satu syarikat pemaju perumahan kalau tidak silap saya. Satu lagi atas dirinya sendiri. Jumlah baki keseluruhannya mungkin Radiant Splendour ini sebanyak RM40 juta. Kemudian baki pinjaman atas nama Deepak Jaikishan diberikan sebanyak RM198 juta. Keseluruhannya lebih kurang RM215 juta.

Jadi, saya minta apakah sekuriti atau cagaran yang telah pun didaftarkan oleh Deepak bersama Bank Rakyat? Apakah jalan penyelesaian bagi pinjaman yang diputuskan oleh Menteri itu turut dinikmati oleh Deepak Jaikishan atas dua lagi pinjaman tersebut iaitu atas nama diri dia Deepak dan juga Radiant Splendour Sendirian Berhad bagi menyelesaikan bayaran balik dua lagi pinjaman tersebut? Itu yang saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan kerana bagi saya bahawa adalah tidak wajar untuk memberikan keistimewaan yang sangat hebat kepada seorang individu ataupun kepada syarikat yang dimiliki oleh seorang individu iaitu Deepak Jaikishan sedangkan orang lain akan kehilangan keuntungan.

Kalau beginilah pengurusan, saya katakan semalam pengurusan kita pengurusan cincai yang dibuat sebegini rupa tidak mustahil suatu hari nanti bahawa Bank Rakyat juga bakal dirundung malang sebagaimana Bank Bumiputera. Sudah tentu saya juga akan turut menerima malang tersebut kerana isteri saya juga adalah merupakan ahli kepada Bank Rakyat dan juga sebahagian pegawai khas saya juga adalah ahli kepada Bank Rakyat iaitu dia ambil daripada hasil buat bendang dia, dia buat bendang sahaja. Dia duduk di Tualang. Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu, cakap pun pelat Siam.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Pokok Sena tanya sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Pokok Sena banyak mendedahkan pasal seorang individu yang boleh kita katakan *powerful* dekat Malaysia ini iaitu Deepak ini. Dahulu kita semua tahu, ini sudah jadi *public record* tentang penglibatan beliau dalam melarikan seseorang. Maknanya beliau ini seorang individu yang *questionable*. Saya rasa memang ada unsur-unsur jenayah dan kali ini pula ada unsur *special preference treatment*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kaitkan dengan koperasi Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ada kaitan dengan koperasi ini sebab apa apabila dikaitkan dengan Deepak tidak boleh lari daripada – sebab dia bercakap tentang Deepak. Deepak itu berkaitan dengan koperasi. Jadi ia ada kaitanlah. Macam mana individu yang hebat ini, dia boleh menguasai koperasi ini, Bank Rakyat ini. Sampai dia boleh dapat *special treatment*. Jadi, mesti ada *something* yang kita semua patut kena tahu

kenapa orang ini bebas tidak ada apa-apa. Jadi ini yang saya rasa, minta. Yang Berhormat Pokok Sena tidak rasa kah macam dia ini dilindungi ataupun macam mana? Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa sepatutnya siasatan harus dibuat sebab Deepak ini juga pernah mengugut Perdana Menteri dengan menerbitkan buku *Black Rose* kalau tidak silap saya. Dia mengugut Perdana Menteri, tiba-tiba dia boleh berunding dengan Menteri di pejabat Menteri untuk menyelesaikan masalah hutang dia. Ia berlawanan dengan keputusan yang dibuat oleh lembaga pengarah.

Ini saya katakan bahawa *powerful*. Polis mesti siasat dan macam mana Menteri sendiri boleh akur kepada apa yang diminta oleh peminjam mengetepikan fungsi lembaga pengarah dan menafikan saya katakan bahawa ini adalah suatu penafian terhadap hak dan kepentingan ahli-ahli bank koperasi ini iaitu Bank Rakyat. Jadi, saya minta sungguh-sungguh kerana sayangnya saya kepada Bank Rakyat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Pokok Sena, tanya soalan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semasa Bank Rakyat suatu masa dahulu menghadapi masalah apabila lembaga pengarahnya meluluskan pinjaman dalam isu *boxing*. Saya ingat Yang Berhormat Pokok Sena pun masih ingat Joe Bugner dan Muhammed Ali dan seluruh rakyat Malaysia khususnya bumiputera mendesak kerajaan untuk mengambil tindakan-tindakan yang amat hebat.

Nampaknya waktu itu semangat untuk membangunkan Bank Rakyat sebagai sebuah koperasi nampak betul-betul akhirnya dihayati oleh kerajaan dan membangunkan balik Bank Rakyat. Setelah Bank Rakyat bangun sebagai salah sebuah entiti yang boleh kita banggakan, malah di antara koperasi yang amat berjaya di Malaysia ini, sekarang kita dihidangkan pula dengan masalah ini. Adakah Yang Berhormat Pokok Sena melihat sebenarnya bukan masalah *management*, bukan masalah ahli lembaga pengarah kali ini tetapi masalah kuasa-kuasa luar yang menekan *management* dan juga lembaga pengarah yang akan mengakibatkan kali ini Bank Rakyat bermasalah. Apa pandangan Yang Berhormat Pokok Sena tentang ini?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sungai Petani bahawa memang kalau dahulu dalam isu... beberapa puluh tahun dahulu, saya pun kecil lagi. Muhammed Ali dan Joe Bugner dan membabitkan Allahyarham Datuk Harun yang turut menjadi mangsa kepada keadaan pada waktu itu yang juga membabitkan Bank Rakyat termasuk beberapa orang pegawai tinggi juga turut dikenakan tindakan.

Sekarang ini sangat berbezalah. Kalau kita lihat bahawa kuasa-kuasa luar yang lebih mencengkam apabila *board of director*, lembaga pengarah dan juga pegawai-pegawai yang bekerja dengan penuh amanah untuk mengangkat martabat Bank Rakyat yang hampir runtuh. Sudah runtuh dibangunkan balik, memakan masa puluhan tahun untuk hendak membangunkan Bank Rakyat, tiba-tiba hari ini suatu yang sangat malang kepada masa

depan Bank Rakyat, jasa yang dilakukan oleh pegawai-pegawai, lembaga-lembaga pengarah yang sebelum ini yang membangunkan bank daripada yang sudah runtuh seperti mana Jepun membangunkan balik daripada runtuhnya bom atom Hiroshima suatu masa dahulu. Begitulah pegawai-pegawai dan lembaga-lembaga pengarah yang sebelum ini membangunkan Bank Rakyat daripada keruntuhan suatu ketika dahulu. Tiba-tiba hari ini ada campur tangan kuasa yang luar biasa ke atas perjalanan pengurusan Bank Rakyat saya kira suatu yang sangat mengecewakan dan menyedihkan.

Oleh sebab itu saya minta sungguh-sungguh bahawa pihak kerajaan harus jaga amanah ini. Ini amanah untuk masa depan bumiputera kita. Jangan bercakap berdegardegar soal bumiputera, soal Melayu tetapi dalam masa yang sama kitalah yang melingkupkan institusi hak orang-orang Melayu bumiputera dalam negara kita.

Jadi saya ucapkan terima kasih. Saya harap suruhanjaya, akta yang kita pinda pada hari ini akan memperkukuhkan lagi kedudukan Suruhanjaya Koperasi dan Suruhanjaya Koperasi dapat memainkan peranan yang betul-betul untuk melindungi Bank Rakyat, melindungi koperasi, melindungi Bank Rakyat, khususnya melindungi pendeposit, melindungi ahli-ahli Bank Rakyat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jerlun.

3.19 ptg.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ingin mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan untuk saya turut berbahas rang undang-undang berkaitan dengan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia Tahun 2007. Jadi, kita tahu bahawa tujuan pindaan ini adalah untuk memantapkan lagi pelaksanaan kerja-kerja memantau perjalanan koperasi-koperasi seluruh negara dengan membenarkan wujudnya timbalan gabenor dan penolong gabenor daripada sama ada KSU ataupun TKSU kementerian.

■1520

Jadi kita semua sedia maklum, mengikut data kemajuan bilangan koperasi-koperasi yang di seluruh negara terus meningkat daripada 8,146 pada tahun 2010 kepada 9,074 pada tahun 2011, kemudian meningkat pula kepada 10,087 pada tahun 2012, sehinggalah kini menjadi 10,914 pada angka terakhir tahun 2013. Kita juga sedar, kita berbangga dengan *turn over* yang tinggi iaitu RM32.9 bilion yang melibatkan 7.6 anggota koperasi. Kita tahu bahawa di Wilayah Persekutuan adalah yang paling tinggi dari segi keanggotaan 2.5 juta dan juga mempunyai aset yang tertinggi iaitu RM15.4 bilion melibatkan 807 koperasi dan *turn over* terakhir pada tahun 2013 adalah RM22.6 bilion.

Kita juga tahu SKM telah pun membuat 90 kategori koperasi yang ada di negara ini. Namun apa yang menarik adalah daripada 32.9 bilion *turn over* seluruh 90 kategori koperasi yang ada, kita melihat bahawa Koperasi Permodalan FELDA (KPF) yang mempunyai keanggotaan sebanyak lebih daripada 400,000 orang, 401,787, sebanyak 320 koperasi di seluruh negara dengan *turn over*nya sahaja RM21.4 bilion. Jadi kita kena sedar bahawa daripada RM32.4 bilion keseluruhan, KPF membuat *turn over* hampir RM21.4 bilion iaitu

lebih kurang 67%. Jadi kenapa kita tengok koperasi ini begitu berjaya? Kerana ia mempunyai struktur yang baik, struktur yang hebat, diuruskan oleh orang-orang yang berkeelayakan dan sudah tentulah ruang, peluang kepada keanggotaan dibuka kepada anggota peneroka-peneroka FELDA dan juga keluarga mereka.

Jadi cara hendak *subscribe* saham adalah dengan cara yang mudah iaitu dibuat potongan melalui hasil ladang yang dikeluarkan oleh peneroka-peneroka ini setiap bulan dan juga peluang-peluang kepada generasi FELDA yang kedua yang mungkin telah pun berjaya, bukan duduk di FELDA tetapi diberi peluang untuk menjadi anggota kepada koperasi tersebut. namun dalam masa yang sama juga, sudah tentu di setiap FELDA itu juga mempunyai koperasi-koperasi masing-masing yang contohnya, koperasi serba guna milik peneroka FELDA tersebut yang mungkin berniaga perabot, berniaga kedai-kedai runcit dan juga mungkin terlibat dalam pengumpulan hasil ladang tidak menunjukkan prestasi yang baik.

Jadi di sini mungkin pihak SKM boleh membantu koperasi-koperasi di luar daripada KPF yang memang kita tahu mempunyai cara struktur pengurusan yang memang baik. Jadi trend ini menunjukkan bahawa keseluruhannya cara berkoperasi di negara ini diiktiraf dan menjadi ikutan kepada pelbagai golongan sasar masyarakat sama ada mereka ini anggota kerajaan, guru, tentera dan sebagainya. Bahkan ahli-ahli sukan pembuat koperasi, kemudian sudah tentulah koperasi di kalangan anggota kariah masjid juga terdapat koperasi di kalangan orang-orang yang memandu teksi dan juga ada yang menjadi ahli koperasi kepada peniaga-peniaga pasar harian ataupun di Kedah kita sebut 'nad'.

Jadi termasuk juga di kalangan anak-anak murid sekolah dan sebagainya. jadi sudah tentulah kita hendak supaya lebih ramai lagi orang-orang masuk kepada koperasi kerana keyakinan mereka. Daripada jumlah yang kita sebutkan tadi, kita melihat bahawa hanya beberapa koperasi yang begitu hebat. Termasuk juga seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi iaitu Bank Rakyat, mungkin juga bank persatuan di Butterworth. Akan tetapi yang lain-lain ini kita tengok masih lagi perlu kepada bimbingan daripada SKM dan juga daripada kerajaan itu sendiri. Termasuk jugalah kerajaan dahulu telah pun menggalakkan pewujudan Koperasi Bela Rakyat (KOBERA) pada yang telah ditubuhkan di seluruh DUN, seluruh Dewan Undangan Negeri. Contohnya di Kedah, kita mempunyai sebanyak 31 buah koperasi KOBERA.

Namun, soalnya adalah sejauh manakah penglibatan mereka ini dalam perniagaan ataupun aktiviti yang boleh membawa pulangan kepada ahli-ahli mereka sendiri. Jadi apabila kita bercakap di Kedah, sudah tentulah kita tidak lupa kepada koperasi Pekan Rabu. Koperasi Pekan Rabu yang memang sinonim dengan Bandar Alor Setar dan kita hendak ucapkan terima kasih kepada kementerian, kerajaan yang telah pun meluluskan peruntukan RM70 juta untuk membangunkan semula Kompleks Pekan Rabu itu dan kita harapkanlah apabila wujudnya kompleks yang baru ini akan meningkatkan lagi *turn over* ataupun hasil jualan di kalangan ahli-ahli koperasi yang ada di Pekan Rabu.

Selain daripada itu, kita juga sedar kebanyakan sektor yang terlibat dalam koperasi dalam perniagaan teras koperasi adalah di sektor kewangan. Jadi, kita tahulah ada syarikat-syarikat ataupun koperasi yang terlibat. Macam perniagaan Produk Kewangan Ar-Rahnu,

mikro kredit dan sebagainya dan mungkin pihak suruhanjaya melalui pegawai-pegawainya di peringkat bawahan dapat lagi menggalakkan koperasi-koperasi ini terlibat dalam sektor-sektor lain. Umpamanya dari segi peruncitan dan juga pemborongan yang boleh dilibatkan oleh koperasi-koperasi ini.

Selain daripada itu, apa yang menarik adalah di kalangan belia. Terdapat 164 koperasi di kalangan belia di seluruh negara. Akan tetapi perolehan ataupun *turn over* mengikut rekod tahun 2013, hanyalah 13.23. Begitu juga dengan koperasi-koperasi di sekolah, terdapat lebih daripada 2,300 koperasi sekolah, namun *turn over* ataupun hasil perolehan dalam sekitar RM300 juta.

Jadi kita sedar kita tahu macam Yang Berhormat Tebrau sebutkan tadi, koperasi di sekolah ini agak lembap. Namun yang penting kepada kita adalah bagaimana kita hendak menggalakkan anak-anak sekolah ini mendapat pendedahan awal, terlibat dalam urusan perniagaan ataupun penglibatan dalam urusan koperasi dan apa yang penting adalah kita hendak supaya mereka ini betul-betul didedahkan dengan hal ehwal operasi tentang mengurus sebuah koperasi dan sudah tentu juga kita hendak mereka juga mengembangkan perniagaan selain daripada hanya sekadar menjual pensel dan pen tetapi mereka juga mungkin boleh diberikan peluang untuk melibatkan dalam perniagaan-perniagaan yang jauh lebih besar yang boleh mendatangkan *turn over* yang jauh lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang bangun Yang Berhormat.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Boleh? Hendak respons...

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Yang Berhormat Sekijang sila.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Jerlun ada sebut tentang beberapa koperasi belia yang katanya kurang mendapat sambutan dan juga daripada segi jumlah syer dan sebagainya.

Boleh tak kalau kita cadangkan kepada koperasi-koperasi yang ada lebih kurang 100 koperasi yang terbaik yang diisytiharkan terbaik oleh SKM ini mungkin boleh dijalankan program anak angkat ataupun program bersama dengan koperasi-koperasi terutamanya koperasi-koperasi belia, koperasi-koperasi sekolah ini secara tidak langsung kemungkinan daripada segi program, aktiviti dan sebagainya itu boleh dikongsi dengan koperasi-koperasi sekolah dan juga koperasi-koperasi belia ini. Itu cadangan sayalah.

Kemudian, tadi Yang Berhormat Jerlun ada sebut juga tentang generasi baru berkaitan dengan FELDA. Saya hendak maklumkan kepada untuk pengetahuan Yang Berhormat Jerlun, sebenarnya FELDA hari ini kita tahu telah mewujudkan satu lagi koperasi khas iaitu koperasi KPF dipanggil Koperasi Permodalan FELDA II, hanya untuk generasi-generasi baru FELDA sahaja. Dimaklumkan juga dalam maklumat SKM, mereka telah mengumpul dana dalam RM40 juta dalam tempoh tiga tahun setelah ditubuhkan koperasi tersebut.

Maksudnya, hari ini kita lihat koperasi-koperasi yang mula hendak naik ini ataupun mereka yang mula mendaki daripada setelah ditubuhkan ini kebanyakannya cuba sedaya upaya untuk menumpang. Bukanlah menumpang populariti tetapi menumpang pengalaman, menumpang kekuatan yang ada dari koperasi-koperasi yang lama ini. Contohnya, daripada KPF 2 ini cuba belajar macam mana KPF 1 ini boleh menjadi antara koperasi yang paling terbaik dalam negara kita pada hari ini. Jadi, minta pandangan daripada Yang Berhormat Jerlun.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Saya setuju dan minta dimasukkan sebahagian daripada ucapan saya apa yang dilontarkan oleh Yang Berhormat Sekijang. Untuk makluman kita semua, Koperasi Belia ketika ini ada 164. Anggotanya 25,500. Saham yang diterbitkan, yang *disubscribe* adalah RM7.17 juta. Manakala aset terkumpul koperasi-koperasi ini adalah sebanyak RM59.2 juta dan perolehan mereka untuk tahun lepas adalah RM13.23 juta. Berbalik kepada KPF 2. Saya setuju, saya tahu, saya sedar bahawa FELDA memberi ruang kepada generasi kedua untuk menjadi ahli-ahli kepada KPF 2. Untuk makluman juga, saya difahamkan pulangan mereka diberikan secara dividen yang cukup tinggi dan mungkin antara yang tertinggi mencecah sehingga 18%. Saya sendiri pun sebagai anak FELDA belum lagi masuklah tapi memang tengah *dok* kempen kawan-kawan lain tolong masuk. Supaya mereka juga turut sama-sama dapat menikmati ruang dan peluang yang ada yang telah ditawarkan oleh pihak FELDA sendiri kepada Koperasi Permodalan FELDA ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu yang telah saya sebutkan tadi, kita hendak galakkan lebih banyak lagi koperasi terlibat secara aktif dalam sektor pengedaran, pemborongan dan selain daripada peruncitan keperluan barangan harian. Seperti mana kita minta juga kalau boleh mereka ini diberi peluang untuk terlibat dalam barangan kawalan seperti beras, gula, tepung dan sebagainya. Supaya mereka juga selain daripada turut meniaga, turut juga membantu kerajaan bagi menstabilkan harga barangan di peringkat bawahan. Jadi, seperti yang Yang Berhormat Tebrau katakan tadi, selalunya apabila koperasi ini terlibat untuk sektor peruncitan dan juga pemborongan ini, maka mereka akan mendapat saingan. Mungkin mendapat saingan daripada orang-orang tengah yang sedia ada.

Jadi, saya yakin kalaulah mungkin Kementerian KPDNKK sendiri, Kementerian Pertanian dan juga MITI dan sebagainya dapat membantu koperasi-koperasi ini, maka sudah tentulah ianya akan dapat menstabilkan lagi harga barangan di peringkat bawahan kepada orang-orang kebanyakan. Saya juga hendak mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada kementerian yang telah pun melaksanakan pelbagai program bagi menggalakkan pembabitan koperasi. Contohnya, antaranya adalah kempen ataupun produk-produk berjenama *Koop 1Malaysia* yang dijualkan di pelbagai premis milikan koperasi. Kemudian mewujudkan *distribution centre* ataupun pusat pengedaran mengikut negeri dan juga daerah.

Kemudian difahamkan ada program pemodenan kedai runcit ataupun TUKAR. Cuma mungkin saya minta penjelasan daripada kementerian, berapakah sehingga kini bilangan mereka-mereka yang telah mempunyai manfaat dalam program TUKAR ini.

Kemudian kita tahu juga bahawa kementerian memang menggalakkan koperasi mendapatkan lesen bagi penglibatan mereka dalam lesen barang-barang kawalan. Kemudian sudah tentu kita hendakkan lebih banyak koperasi-koperasi ini dapat membuka pasar raya-pasar raya yang besar di bandar-bandar utama. Supaya mereka juga dapat menjual barangan di dalam bentuk yang jauh lebih murah dan juga mungkin terlibat juga sama dengan kerajaan dalam memperbanyakkan lagi Kedai Rakyat 1Malaysia di seluruh pelusok negara. Jadi, itu saja dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya bagi Yang Berhormat Batu dulu.

3.35 ptg.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut bahas untuk pindaan rang undang-undang ini. Kita sedia maklum koperasi merupakan satu sektor yang besar dengan tidak kurang daripada 8,000 hingga 9,000 dengan ahli yang lebih daripada 10 juta dan dengan aset yang lebih daripada RM80 bilion. Tujuan pindaan ini untuk kalau ikut yang dibentang oleh Yang Berhormat Menteri ialah untuk menambah kuasa supaya kita boleh menambahkan akauntabiliti koperasi-koperasi yang ada di dalam negara. Koperasi sebagai falsafahnya sepatutnya memberi sumbangan yang lebih besar kepada pembangunan negara seperti diumumkan oleh Perdana Menteri dalam Dasar Koperasi Negara. Supaya potensi koperasi ini dapat kita manfaatkan untuk menjana pembangunan ekonomi yang lebih dinamik.

Dengan ini saya percaya kalau kita ingin pinda undang-undang ini, kita juga harus mengiktiraf dan mengakui kelemahan dan masalah yang dihadapi oleh sektor koperasi yang di negara kita. Ada pernah dimaklum oleh seorang konsultan koperasi, Thuraisingham Shan yang telah menyatakan pelbagai masalah. Termasuk kelemahan oleh pengurusan koperasi-koperasi yang ada. Sehingga 80% dari koperasi yang ada di Malaysia ini tidak mengadakan AGM, tidak aktif, hampir boleh dikatakan dalam keadaan *dormant*. Akan tetapi angka ini dinafikan oleh kementerian, oleh Menteri yang sebelum ini yang menyatakan hanya 8% saja yang tidak aktif. Saya ingin tahu mana satu yang benar, mana satu yang tidak benar.

Walau bagaimanapun kita juga harus sebelum kita melaksanakan apa-apa program baru atau perubahan yang besar, kita juga harus membuat penilaian, *evaluation* tentang *performance* yang sedia ada. Saya anggap sungguhpun koperasi telah dikatakan sebagai satu sektor yang penting untuk menjana ekonomi tapi kita sehingga hari ini nampaknya tidak ada satu laporan yang lengkap tentang aktiviti-aktiviti dan masalah yang dihadapi oleh koperasi. Salah satu ialah dari segi pembangunan modal insan. Dalam Dasar Koperasi Negara telah menyatakan salah satu *task* misi yang penting ialah iaitu memantapkan keupayaan koperasi dan juga membangunkan modal insan atau membangunkan sumber manusia untuk negara.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: *[Bangun]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Setakat ini angka dimaklum oleh laporan dari Angkasa pun, kebanyakan latihan yang diadakan adalah bertujuan kepada

sasaran pada pengurus dan juga kakitangan kerajaan. Akan tetapi dari segi *training* untuk anggota ini agak kurang. Saya ingin dapat satu- saya habis dulu. Saya ingin dapat satu laporan penilaian daripada kementerian, *break down* latihan-latihan ini dan juga satu penilaian keberkesanan latihan-latihan ini. Salah satu masalah yang kita hadapi ialah-biasanya yang menjadi masalah ialah pengurusan. Ada yang pengurusan sungguh pun dapat banyak latihan tetapi masih tetap menghadapi masalah pentadbiran sehingga akhirnya anggota yang menjadi mangsa.

■1540

Dengan kuasa yang kita beri kepada Suruhanjaya, ia juga membolehkan Suruhanjaya untuk *transfer* atau mengambil alih aset yang ada oleh koperasi. Anggota-anggota biasanya sangat tidak berkemampuan untuk mengambil tindakan dalam mahkamah atau dengan proses untuk membela hak mereka.

Jadi saya anggap tumpuan kita bukan sahaja dari segi latihan, tetapi juga pemantauan yang lebih baik untuk membangunkan keupayaan anggota untuk mengawas aktiviti koperasi ini. Dengan hanya memberikan kuasa kepada Suruhanjaya ini, mungkin tidak dapat menyelesaikan masalah.

Saya beri laluan.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Batu. Saya hendak bertanya ataupun berkongsi pandangan dengan Yang Berhormat Batu berkaitan dengan pengurusan iaitu perbezaan di antara koperasi dengan swasta dalam soal melantik Lembaga Pengarah. Kalau dalam koperasi, anggota Lembaga Pengarah dilantik menerusi Mesyuarat Agung berdasarkan satu undi setiap orang. Berbeza dengan syarikat, di mana Lembaga Pengarah ditentukan oleh majoriti *shareholders* atau pemegang saham terbesar dalam syarikat. Jadi mereka boleh pilih. Dalam syarikat biasa, mereka boleh pilih *the best person*.

Akan tetapi di koperasi, siapa yang popular. Jadi oleh sebab itu, bersetujukah Yang Berhormat Batu kalau saya katakan memohon SKM supaya membuat garis panduan yang tertentu bagi mana-mana Lembaga Pengarah koperasi yang hendak dilantik itu mesti mempunyai kriteria-kriteria asas seperti sudah menjalani kursus, sudah mempunyai rekod dan sebagainya, bukan sekadar siapa kuat lobi, siapa popular walaupun tidak pernah menerajui koperasi dilantik sebagai pengarah. Ini menyebabkan koperasi menjadi tidak aktif, tidak bermesyuarat dan sebagainya. Itu satu perkara.

Keduanya saya minta laluan untuk mengalu-alukan lawatan daripada pelajar-pelajar tingkatan enam Sekolah Menengah Dato' Undang Musa dari kawasan saya sendiri, Jelebu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [Tepuk]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih di atas cadangan tersebut. Saya setuju. Akan tetapi kita juga harus memahami falsafah koperasi ini adalah sebahagian daripada proses pendemokrasian ekonomi di mana kaedahnya berbeza, di mana kita harapkan anggotanya sendiri, akar umbi sendiri juga mengambil peranan yang lebih aktif dan lebih prihatin tentang organisasi.

Saya ingat kemungkinan punca daripada masalah pentadbiran ini ada dua pada pandangan saya. Pertama ialah yang saya sebut tadi, kita belum lagi menanam satu

budaya prihatin di kalangan masyarakat di mana individu sendiri mengambil tahu tentang perkara-perkara dan pertubuhan yang mereka sertai. Ramai yang menyertai koperasi hanya dengan kepentingan. Koperasi itu janjikan boleh beri rumah kos rendah, dia masuk. Akan tetapi tahap penglibatannya hanya tunggu dapat rumah sahaja, tetapi pentadbiran tidak diambil tahu oleh anggota. Itu sebab saya cadangkan tumpuan latihan ini harus alih daripada pengurusan tetapi juga kepada akar umbi.

Punca kedua ialah pentadbiran itu harus ditadbir dengan telus. Saya nampak masalah ialah ramai anggota tidak tahu apa berlaku sungguhpun ada AGM, tetapi mungkin notis pun tidak sampai. Ada pula pemimpin-pemimpin tertentu memainkan peranan untuk menyekat maklumat yang diedarkan kepada akar umbi supaya mereka kekal dalam satu kedudukan yang boleh memegang kuasa. Itulah yang saya ingin sentuh secara spesifik.

Saya ingin beralih kepada isu koperasi dalam sektor perumahan. Memang betul dalam Dasar Koperasi Negara, Perdana Menteri menyatakan bahawa salah satu *task* yang besar ialah supaya koperasi terlibat dalam ekonomi bernilai tinggi. Saya tidak nampak dalam dasar ini kita memberi tafsiran yang lebih detil apa maksudnya sektor ekonomi bernilai tinggi. Saya nampak koperasi dalam perindustrian di negara ini memang tidak aktif dan tidak berjaya. Dengan pelancaran KOBERA yang menggantikan koperasi perindustrian daerah itu pun tidak ada tumpuan dalam penghasilan industri.

Saya sendiri juga ragu-ragu bahawa adakah dalam keadaan ekonomi sekarang, koperasi dapat melibatkan diri dalam perindustrian. Akan tetapi salah satu yang menjadi koperasi boleh memainkan peranan penting ialah dalam isu perumahan. Kita sedia tahu negara kita, golongan kelas menengah dan bawah berpendapatan rendah memang tidak mampu membeli rumah kos makin tinggi. Dalam data yang kita ada, enam juta rakyat Malaysia menerima BR1M. Bermaksud mereka hidup di bawah paras RM3,000 hingga RM4,000 pendapatan bulanan. Satu per lima daripada jumlah penduduk kita adalah di dalam paras kemiskinan. Untuk membeli rumah mampu milik, agak sukar untuk golongan di bawah ini. Saya tidak sebut penerima BR1M, yang tidak terima BR1M pun tidak mampu beli rumah. Akan tetapi kita juga harus menilai semula kerana banyak masalah dan *abuses* penyalahgunaan kuasa itu berlaku di koperasi perumahan. Salah satu contoh yang saya ada di kawasan saya Batu, Koperasi Pasar Sentul yang telah menjanjikan rumah kos rendah kepada anggotanya lebih daripada 15 tahun, sehingga sekarang tidak berjaya. Sehingga sekarang anggota belum dapat rumah lagi. Mereka yang beli rumah ini dalam satu keadaan yang sebenarnya mereka tidak tahu sama ada ini koperasikah atau mereka beli rumah daripada pemaju.

Ini adalah berpunca daripada struktur industri perumahan kita. Pertama sekali, rumah yang mampu milik ini makin berkurangan. Untuk koperasi melibatkan diri dalam pembangunan perumahan memang sukar kerana koperasi bukan *developer*, bukan pemaju. Mereka tidak ada lesen untuk membangunkan sesuatu projek. Mereka terpaksa bekerjasama dengan pemaju yang berlesen, di mana masalah ini berlaku kalau pemaju itu tidak bertanggungjawab. Dalam kes Taman Pelangi, Koperasi Pasar Sentul, pemaju telah mengambil alih tanah yang besar daripada koperasi yang dapatkan keuntungan, sudah dibina dan dijual, akhirnya komponen kos rendah ini tidak dibangunkan. Akhirnya tanah itu

terbengkalai, diserahkan balik kepada koperasi dan koperasi tidak mempunyai kemampuan untuk teruskan projek ini. Pihak yang jadi mangsa adalah anggota-anggota koperasi yang menunggu rumah.

Dalam keadaan sekarang, secara realistik saya tidak nampak koperasi sekarang dengan kos bekalan tanah yang semakin tinggi dan juga dengan keadaan kos pembinaan yang semakin tinggi, koperasi untuk teruskan dengan kaedah yang lama, bangunkan seperti pemaju ini, mungkin ini harus ditimbang semula.

■1550

Saya ingin cadangkan di sini bahawa adakah kementerian boleh memikirkan tentang satu akta baru, Akta Koperasi Perumahan, yang boleh kita ubah konsep pemilik rumah ini kepada kita serah rumah-rumah kos rendah seperti PPR ini kepada koperasi di mana tanah dan bangunan ini tidak dimiliki oleh swasta atau individu tetapi dimiliki oleh koperasi. Ini sedikit sebanyak juga mengatasi masalah pemilikan rumah bumiputera di mana sekarang kita lihat dengan kenaikan kos rumah ini, golongan yang paling didiskriminasikan yang dinafikan hak untuk memiliki rumah ialah rakyat bumiputera.

Cadangan saya ini untuk PPR ini atau rumah-rumah kos rendah diurus dan dimiliki oleh koperasi, kita boleh lihat banyak contoh di negara-negara luar di mana penyelarasan dan juga *maintenance* ini dapat dipastikan dengan kualiti yang lebih baik. Saya harap dengan keadaan sekarang, kita akan sudah tentu menghadapi satu krisis yang besar kalau rakyat Malaysia ini makin ramai tetapi makin ramai yang dinafikan untuk menikmati hak perumahan.

Dengan itu, saya ingin...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Batu, sebelum itu ya Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Okey.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Batu sebelum... Sementara Yang Berhormat Batu bercakap tentang perumahan yang munasabah untuk dimiliki oleh rakyat Malaysia seperti yang telah juga dibawa oleh Yang Berhormat Jerlun tadi. Adakah Yang Berhormat Batu fikir bahawa kalau betul-betul kerajaan ingin melihat supaya distribusi kekayaan negara ini dirakyatkan, di samping memberikan beberapa barang terkawal kepada syarikat-syarikat besar untuk dimonopoli seperti beras, gula oleh orang-orang tertentu sahaja, mungkinkah Yang Berhormat Batu memikirkan untuk mencadangkan kepada kerajaan supaya memilih beberapa koperasi yang amat berjaya, besar dan bermodal kukuh untuk memberikan peluang kepada koperasi-koperasi ini melaksanakan distribusi barang-barang kawalan ini? Bukan sahaja barang-barang kawalan binaan tetapi juga bahan makanan.

Contohnya beras, daripada kita bagi satu sahaja kepada satu manusia ataupun gula kepada satu manusia ini, mungkin juga ada tujuh atau lapan koperasi yang mengendalikan beras. Enam atau tujuh koperasi yang menggantikan gula, tepung dan lain-lain.

Ini menunjukkan bahawa bukan sahaja berlakunya *competition*, harga mungkin murah tetapi memberikan peluang kepada koperasi-koperasi ini apabila dia buat duit, dia

menjana keuntungan, dia boleh juga *distribut* kepada ahli-ahli. Ini dengan sekali gus menyaksikan bahawa kerajaan lebih terbuka untuk membantu rakyat. Apa pandangan Yang Berhormat Batu tentang hal ini?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya memang setuju. Saya ingat kita harus kembali kepada kenapa kita dirikan koperasi? Koperasi ini bukan sahaja satu pertubuhan untuk jana keuntungan tetapi juga merakyatkan ekonomi atau mendidik supaya rakyat lebih faham peranan mereka dalam pentadbiran dan menguruskan ekonomi. Akan tetapi saya nampak trend kita telah beralih pada 80-an di mana dulu koperasi ini dimiliki dengan penyertaan anggota, tetapi 80-an kita telah tekan koperasi supaya di *corporatized* atau diperbadankan dalam sektor swasta. Itulah sebab kita lihat koperasi sendiri buat syarikat persendirian di mana pengurusnya tidak lagi dipilih secara satu orang, satu undi di mana pentadbiran itu berfungsi seperti syarikat.

Saya nampak kalau kita buat satu audit, kita dapati kebanyakan koperasi sekarang ini dikuasai oleh syarikat yang ditubuhkan oleh koperasi. Jadi apa yang terjadi ialah seperti kabinet yang kita ada sekarang, anggotanya undi untuk pilih satu *team* pemimpin, mereka *corporatized* kan buat satu syarikat. Semua aset ini dipindah kepada syarikat ini dan syarikat ini di luar urus tadbir, di luar pemantauan anggota. Jadi dalam koperasi tidak ada lagi faedah ekonomi di mana pengurus di dalam syarikat ini boleh membahagi-bahagikan bonus, bagi gaji yang besar kepada pekerja yang mereka upah. Anggota tidak berhak untuk menyoal dan juga memantau aktiviti harian oleh syarikat-syarikat ini. Juga, tanah aset ini dipindah kepada syarikat ini. Inilah jadi masalah.

Saya agak dengan kuasanya bagi kepada Suruhanjaya, kalau kita tidak lihat kaedah ini adalah satu budaya yang tidak sihat, dia tidak membantu untuk meningkatkan kesedaran rakyat tentang peranan dan falsafah koperasi ini, sudah tentu dia akan membawa kerosakan. Oleh itu, saya juga setuju kalau kita ingin memperkembangkan lagi sektor ekonomi ini, ada sektor-sektor tertentu kita terpaksa memberi kepada monopoli untuk menjaga kepentingan nasional atau juga menjaga kepentingan golongan bawahan. Akan tetapi, monopoli ini harus juga kita rakyatkan atau *democratizes* supaya ia dikawal oleh anggota-anggota.

Saya nampak sekarang penghasil-penghasil, petani-petani dan banyak lagi koperasi-koperasi ini sekarang tidak berfungsi. Apa salahnya kalau kita beri balik kepada lesen import atau lesen pengeluar ini kepada koperasi-koperasi yang boleh kita banggakan kalau kita tunjuk mereka boleh diurus tadbir dengan baik.

Akhir sekali, saya juga ingin tegaskan sekali lagi, dengan projek-projek yang terbungkalai, dengan koperasi-koperasi yang banyak skandal ini, kalau kerajaan tidak telus untuk kembali siasat dan cari *culprit* ini dan cadangkan cara penyelesaian yang seperti disebut oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi, Bank Rakyat dan banyak skandal-skandal yang lain, kalau kita tidak buat penilaian, kita tidak telus dalam skandal ini, saya tidak optimis sektor koperasi ini dapat berkembang dan bersaing dalam dunia yang serba berubah ini.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai.

3.58 ptg.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk bersama-sama membahaskan rang undang-undang Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007.

Saya menghayati konsep koperasi ini bekerja bersama-sama demi manfaat bersama-sama. Satu konsep yang cukup indah. [*Menyebut sepotong ayat dalam bahasa Arab*] Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Konsep yang sungguh indah yang dimulakan sudah begitu lama.

Kalau kita menyingkap kepada sejarah koperasi, gerakan koperasi di Malaysia bermula dengan terdافتarnya Koperasi Kredit Syarikat Bekerjasama-sama Jimat Cermat dan Pinjaman Wang Pekerja-pekerja Jabatan Pos dan Telekom Berhad pada 21 Julai 1922. Ini sejarah. Koperasi luar bandar yang pertama terdافتarnya Syarikat Kampung Tebuk Haji Musa Bekerjasama-sama Dengan Tanggungan Berhad di Daerah Kerian, Perak, pada 3 Disember 1923.

■1600

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia koperasi diperkenalkan untuk menyelesaikan masalah petani di luar bandar yang kononnya ditindas oleh orang tengah di bawah sistem padi puncak dan masalah keberhutangan dalam kalangan penjawat awam di bandar. Pada tahun 1922, pejabat syarikat bersama-sama kerja kerana bantu-membantu, *helping each other*, dengan izin telah ditubuhkan di Taiping, Perak. Dalam tahun yang sama, *Co-operative Societies Enactment 1952* diperkenalkan untuk mengawasi syarikat kerjasama yang kini dikenali sebagai koperasi. Penubuhan koperasi bertujuan menggalakkan jimat-cermat, menolong diri sendiri, *helping one self*, dengan izin dan bekerjasama dalam kalangan mereka yang mempunyai keperluan yang sama.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, pindaan terhadap perenggan 11(3)(c) dan (d) Akta 665 untuk menjadikan pelantikan anggota lembaga lebih fleksibel dengan membenarkan Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia dan Timbalan Ketua Setiausaha kementerian yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi pembangunan koperasi dinamakan untuk menjadi pengarah lembaga adalah satu inisiatif yang baik yang mana ia mampu memperhebatkan agenda koperasi Malaysia dalam meningkatkan ekonomi negara dengan pandangan serta idea yang bernas daripada pelbagai pihak. Gerakan koperasi menunjukkan pertumbuhan yang positif dari setahun ke setahun. Dalam tempoh lima tahun dari tahun 2005 hingga 2009, bilangan koperasi telah meningkat pada kadar purata 94% setahun keanggotaan 4.7%, aset 20.8% dan perolehan 17% setahun. Pada tahun 2009,

terdapat 7,215 koperasi berdaftar dengan keanggotaan seramai 6.78 juta orang, modal syer berjumlah RM8.97 bilion dan aset bernilai RM6.65 bilion. Melalui sumber dan kekuatan kewangan ini, koperasi telah menjana perolehan berjumlah RM8.92 bilion bagi tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Dasar Koperasi Negara yang kedua yang dilancarkan pada tahun 2011 hingga 2020, terdapat lima bidang ekonomi bernilai tinggi sebagai EPP untuk diberi penumpuan iaitu yang pertamanya, perkhidmatan kewangan yang merupakan tunjang yang melibatkan 80% kekuatan koperasi, pemborong dan peruncitan. Ketiganya, pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan, pertanian dan industri asas tani dan yang kelimanya, perladangan.

Tuan Yang di-Pertua, melalui transformasi yang telah dijalankan di dalam koperasi negara, di sektor peruncitan tampak berlaku perubahan yang ketara dengan percambahan kedai-kedai runcit alaf baru seperti kedai TUKAR. Produk-produk jenama Coop 1Malaysia seperti kicap, sos cili, santan, serbuk pencuci dan sebagainya. Ini menunjukkan secara tidak langsung kegiatan koperasi dalam negara begitu aktif dalam bersama-sama merealisasikan agenda transformasi kerajaan.

Sektor peruncitan ini juga menggalakkan belia mahasiswa, mahasiswi, orang-orang muda berkecimpung di dalam bidang perniagaan di kampus dengan membuka kedai runcit secara kecil-kecilan dan ini sedikit sebanyak dapat menampung perbelanjaan harian mereka sebagai seorang pelajar. Jadi ini juga akan memberikan semangat untuk berniaga. Berniaga ini kita tahu adalah 9/10 daripada rezeki. Rasulullah SAW sendiri adalah seorang yang melakukan *business*. Jadi pada hari ini, perlu ditanam lebih-lebih awal lagi kepada anak-anak muda, pelajar-pelajar dan mahasiswa mahasiswi kita untuk ada semangat untuk berniaga...

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: *[Bangun]*

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kerana di sinilah datang banyak kesenangan di dalam hidup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jerantut bangun.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya tertarik apabila Yang Berhormat Bagan Serai menyatakan tentang koperasi merupakan satu ruang yang boleh digunakan untuk menambah peluang pekerjaan ataupun menjana pekerjaan di negara kita. Akan tetapi kalau berdasarkan kepada statistik daripada Suruhanjaya Koperasi pada tahun 2013, bidang koperasi hanya mampu menyediakan seramai 7,164 orang pekerja yang terdiri daripada bilangan profesional seramai 3,600 dan bukan profesional seramai 4,158.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Bagan Serai, apakah Yang Berhormat Bagan Serai bersetuju bahawa dengan pindaan akta ini, kita mengharapkan agar pihak Suruhanjaya Koperasi ataupun kerajaan sendiri lebih memberikan penekanan tentang peranan koperasi sebagai satu ruang untuk menjana pekerjaan baharu kepada rakyat di negara kita.

Seperkara lagi, tadi juga Yang Berhormat Bagan Serai ada menyatakan bahawa maklumat mengenai koperasi ataupun ilmu mengenai pengurusan koperasi ini amat wajar kita sebar luaskan pada peringkat sekolah. Ini kerana seperti mana yang kita tahu, hari ini pelajar di sekolah menengah sahaja melebihi dua juta orang, pelajar. Koperasi yang berada di sekolah, kalau kita lihat berdasarkan pada angka yang daripada Suruhanjaya Koperasi, 2,286.

Dengan adanya pindaan ini, boleh meningkatkan lagi ilmu pengurusan dan keyakinan para pelajar di sekolah agar menjadikan koperasi ini sebagai satu wadah baharu kepada mereka apabila mereka berhenti daripada alam persekolahan nanti, mereka akan lebih melibatkan diri dalam gerakan koperasi melalui ilmu dan juga pengalaman yang mereka kutip di sekolah. Sekali gus kita akan merancakkan lagi pemikiran rakyat bahawa koperasi ini sebagai satu wadah yang sangat penting dalam meneroka bidang-bidang ekonomi.

Maksud saya ialah apakah Yang Berhormat Bagan Serai bersetuju bahawa kita jangan hanya meletakkan semata-mata kalau ada sebarang kesalahan dalam pengurusan koperasi kepada kerajaan semata-mata? Kerajaan telah pun berusaha seperti hari ini membentangkan pindaan undang-undang tetapi masyarakat juga harus bersama menekankan agar aspek pengurusan koperasi ini sama-sama diberikan tanggungjawab agar wujudnya satu masyarakat di Malaysia nanti meletakkan koperasi itu sebagai satu yang penting dan salah satu yang penting dalam penguasaan ekonomi negara kita. Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Jerantut. Oleh sebab itulah kita lihat hari ini, *there is no turning back*, dengan izin. Tidak ada untuk lihat ke belakang lagi. Koperasi merupakan salah satu tunjang utama untuk meningkatkan ekonomi negara. Kalau diperbetulkan pengurusan, kalau diperbesarkan impian, kalau dijelaskan fokus, kalau ditentukan strategi yang jelas, maka saya yakin, koperasi akan turut memberikan satu kesan yang signifikan dalam ETP dan boleh membantu membawa negara menjadi negara maju pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik yang saya terima ini menunjukkan perangkaan am koperasi mengikut sembilan fungsi yang telah dikategorikan: perbankan, kredit, pertanian, perumahan, perindustrian, pengguna, pembinaan, pengangkutan dan perkhidmatan, tahun 2010 hingga 2013. Peningkatan terhadap bilangan koperasi dalam negara sebanyak 2,768 jumlah koperasi iaitu pada tahun 2010 sebanyak 8,146.

■1610

Tahun 2011 sebanyak 9,074 dan tahun 2012 sebanyak 10,087 dan terkini tahun 2013 sebanyak 10,914. Peningkatan ini adalah satu contoh yang baik untuk ditunjukkan bahawa kegiatan koperasi di dalam negara sedikit sebanyak membantu merancakkan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat koperasi ini akan pergi lebih jauh jika kita membesarkan *scale* nya, saiznya. Ini kerana dalam *business* global, saiz adalah penting. Dengan izin, *scale is very important, the bigger the scale, the better the sustainability*. Saya

melihat contohnya di Malaysia kita kekurangan *scale* yang besar untuk memberikan impak yang tinggi, impak yang berkesan kepada ekonomi negara.

Saya mengambil contoh dua kola. *Two cola economy* dengan izin. *Two cola economy* ini *Coca-Cola* dengan *Pepsi Cola*. Saya rasa semua dah minum *Coca-Cola*. Bila sebut *Coca-Cola* ini terasa dahaga. Iklan di TV pun banyak cerita *Coca-Cola*, *Pepsi Cola*. *Two cola economy* ini menceritakan tentang *scale* yang besar. Hari ini kita melihat *at the end of the day*, *Coca-Cola* dan *Pepsi Cola survive and control*. Jadi ini kita lihat penting.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya melihat koperasi mestilah memberikan fokus yang baru, memberikan *branding* yang baru, *to refocus and rebranding*. Koperasi mestilah bergerak daripada perkara sosial sahaja, daripada perkara sosial, perkara runcit, perkara yang kecil, perkara di mana-mana. Kepada perkara-perkara komersial, kepada *scale* yang besar, *large scale and commercial* untuk membawa impak yang kuat untuk membantu negara untuk menjayakan ETP supaya negara mencapai kejayaan pada tahun 2020.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Ya, dari Sibuti.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila saya mendengar Yang Berhormat tadi mengatakan daripada *scale* yang kecil mesti dibesarkan. Tuan Yang di-Pertua, koperasi di kawasan kita di luar bandar kebanyakannya adalah koperasi daripada nelayan, penternakan dan daripada mereka yang berjual kecil-kecilan.

Kita mengharapkan apabila koperasi ini dibesarkan, ia juga dibesarkan di luar bandar supaya – kita berterima kasihlah dulu kepada pihak kementerian yang berkenaan, kepada Menteri yang berkenaan kerana menggalakkan tiap-tiap kawasan kita di luar bandar untuk menubuhkan koperasi. Sebab dengan ada bantuan daripada pendidikan, bantuan daripada penyeliaan bagaimana untuk menjalankan koperasi itu kita mendapat pelajaran sedikit sebanyak.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa koperasi kita ini yang di luar bandar jangan melihat kepada pihak pertanian, ternakan dan juga nelayan. Ia mesti diperbesarkan dari ladang sawit dan juga daripada mereka yang mempunyai ladang-ladang buah-buahan dan sebagainya supaya koperasi ini benar-benar boleh membantu penghidupan mata pencarian rakyat di luar bandar. Bagaimana Yang Berhormat?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Saya setuju dengan Yang Berhormat Sibuti. Oleh sebab itu, saya katakan tadi. Kita hari ini, Suruhanjaya Koperasi dan ahli-ahli koperasi perlu ada satu impian yang besar dan jelas. Perlu *refocus* dan *rebranding* koperasi ini supaya kalau kita jual keropok, kita bukan jual keropok kecil-kecilan. Ahli-ahli koperasi, koperasi-koperasi bergabung kita kumpulkan keropok, kita besarkan tempat menjual keropok dan kita keropok kan dunia ini.

Ini maksud saya ini supaya koperasi memberi kesan kepada transformasi ekonomi hari ini. Tuan Yang di-Pertua, '*Yang bulat tak datang bergolek, yang pipih tak datang melayang*'. Kalau kita hanya bercakap memang tak jadi. '*Kalau tak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya*'. Jadi hari ini koperasi mesti berubah, mesti ada satu transformasi. Tuan Yang di-Pertua, Bagan Serai menyokong.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu Gajah. Lepas Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Lenggong.

4.14 ptg.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas pindaan kepada Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Koperasi Negara menyasarkan supaya koperasi menyumbangkan 5% kepada keluaran negara menjelang tahun 2013 dan 10% menjelang tahun 2020. Sasaran 10% adalah suatu yang agak tinggi dan bukan mudah untuk mencapai 10% itu. Kalau kita boleh mencapai sasaran 10% keluaran negara, itu adalah amat baik sekali dan perlu digalakkan. Saya amat bersetuju supaya kita terus berusaha untuk mencapai sasaran 10% pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada beberapa soalan yang ingin saya kemukakan kepada Menteri berhubung dengan koperasi-koperasi yang wujud di negara kita. Pertama, ini adalah berkaitan dengan statistik. Ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberikan statistik-statistik tetapi saya dapat lihat bahawa statistik-statistik yang diberikan itu adalah berbeza-beza di antara satu Ahli Yang Berhormat dengan yang lain dan bukan sahaja sekadar berbeza-beza tetapi juga merupakan statistik-statistik yang bukan terbaru, yang bukan terkini.

Jadi saya memohon kepada Menteri supaya memberikan statistik-statistik yang terkini. Sebagai contoh berkaitan dengan jumlah koperasi yang wujud di negara kita sehingga sekarang. Jangan kita hanya lihat sehingga tahun 2011, tahun 2012. Akan tetapi, kita perlukan statistik-statistik yang terbaru. Berapakah jumlah koperasi yang didaftarkan di Malaysia sehingga ke bulan September tahun 2014?

Jika boleh senaraikan mengikut negeri. Setiap negeri, berapa koperasi yang kita ada? Kedua, saya juga ingin mengetahui bagaimanakah penglibatan semua kaum di negara ini dalam sektor koperasi. Adakah minat hanya ditunjukkan oleh mana-mana satu kaum ataupun diterima rata-rata oleh semua kaum di negara kita? Saya ingin mendapatkan statistik khusus mengenai penglibatan kaum India dalam sektor koperasi.

Saya berpendapat bahawa koperasi merupakan satu mekanisme yang harus diberi pertimbangan dan perhatian untuk meningkatkan sosioekonomi kaum India yang majoritinya menghadapi masalah dalam membangunkan ekonomi mereka. Pada kebiasaannya, kita dapati bahawa orang-orang India ataupun kaum India selalunya tercicir daripada *mainstream economy*. Saya rasa ini adalah satu peluang untuk kita menggalakkan lebih ramai daripada kaum India untuk menceburi dalam sektor koperasi ini.

Memang saya tidak menafikan bahawa terdapat banyak koperasi kaum India di negara kita sebagai contoh kita ada Koperasi Permodalan Tanah NLFCS, Koperasi Kredit Pekerja, Koperasi Serbaguna Guru-guru India Malaysia Berhad, Koperasi Peniaga-peniaga India Malaysia Berhad, Koperasi Suria Malaysia Berhad, Koperasi Guru-guru Sekolah India Negeri Perak, Koperasi Usahawan India Malaysia Berhad dan sebagainya. Kita ada banyak tetapi saya rasa kita masih ada ruangan yang besar yang harus kita terokai. Sekarang kita

ada peluang untuk memberi galakan kepada kaum India untuk turut sama-sama mengambil bahagian dalam pembangunan ekonomi negara kita.

Pada pendapat saya, idea koperasi ini masih kurang pengaruhnya di kalangan masyarakat India. Jadi, kerajaan harus mengambil langkah-langkah tertentu, bagaimana untuk menggalakkan kaum India untuk terus melibatkan diri dalam sektor ini.

■1620

Ketiga, dalam arus pembangunan negara kita tidak boleh membiarkan dan menganaktirikan dua negeri ini, di Sabah dan Sarawak. Saya hendak tahu sejauh manakah perkembangan koperasi di Sabah dan Sarawak? Nyatakan jumlah koperasi yang wujud di kedua-dua negeri tersebut juga pegangan dana koperasi di Sabah dan Sarawak? Berapa jumlah dana yang telah dikutip melalui koperasi ini, di Sabah dan Sarawak jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia? Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh SKM untuk menggalakkan koperasi terus mendapat perhatian dan juga berkembang di kedua-dua negeri tersebut? Saya hendak minta kepada Menteri supaya senaraikan antara koperasi-koperasi yang terkemuka yang berfungsi dengan baik di negeri Sabah dan Sarawak?

Seterusnya untuk mencapai sasaran dasar koperasi negara, pengurusan dana adalah sangat penting. Masalah pengelolaan dan pengurusan kewangan yang tidak efisien boleh menyebabkan anggota hilang kepercayaan terhadap sesuatu koperasi. Ini menjadi punca beberapa koperasi menjadi tidak aktif dan saya mohon maklumat mengenai jumlah koperasi yang tidak aktif ataupun *dormant*? Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan terhadap koperasi-koperasi yang...

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Yang Berhormat Batu Gajah, saya hendak respons sedikit sahaja.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Ya, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sekijang, boleh.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Tuan Yang di-Pertua, hendak maklumkan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Tadi perangkaan itu kalau Yang Berhormat Batu Gajah boleh buka laman web SKM, <http://www.skm.gov.my> dalam itu semua ada mengikut negeri, yang aktif dan tidak aktif termasuklah mengikut kaum dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini tolong bantu Yang Berhormat Menteri. Sila.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih. Saya juga sering kali dengar rungutan daripada pengurus koperasi bahawa anggota-anggota yang meminjam tidak membayar balik pinjaman. Ini menjadi satu masalah yang besar dan serius kerana dana yang tidak dapat dituntut itu akan melemahkan kewujudan koperasi itu dan akan kehilangan hala tuju dalam jangka masa panjang. Koperasi yang uzur seperti ini akan

menjadi beban kepada anggota-anggota lain. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh SKM untuk membantu koperasi-koperasi yang menghadapi masalah seperti ini? Berkaitan dengan pinjaman saya rasa Yang Berhormat Pokok Sena telah menceritakan secara panjang lebar. Jadi saya juga minta supaya Menteri memberi penjelasan berkaitan dengan pembayaran balik pinjaman daripada koperasi-koperasi ini.

Saya juga ingin mengetahui berapakah di antara koperasi-koperasi di Malaysia yang berjaya menduduki senarai 300 koperasi terbaik ICA perikatan koperasi antarabangsa. Dua perkara lain yang pernah kita terdengar dahulu tetapi sekarang jarang sekali kita dengar iaitu berkaitan dengan Skim Usahasama UDA. Berapakah projek perumahan yang telah dilaksanakan di bawah Skim Usahasama UDA, koperasi UDAKOP dan juga sejauh manakah pelaburan koperasi di dalam ASM yang dilaksanakan di bawah ASM-Koperasi (ASMKOP) setakat ini? Harap Menteri boleh memberi maklum balas mengenai perkara-perkara yang telah saya bangkitkan tadi. Terima kasih, itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya sudah panggil Yang Berhormat Lenggong tadi ya, sila.

4.24 ptg.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang suatu akta bagi meminda Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007. Saya percaya dengan pindaan yang hendak dilakukan ini ke atas beberapa perkara yang termaktub dalam rang undang-undang 2007 akan memberi peluang kepada pihak terlibat khususnya Suruhanjaya Koperasi Malaysia meningkatkan perkhidmatan mereka kepada klien mereka iaitu koperasi-koperasi di mana peringkat sekalipun dalam negara ini. Sudah tentu menjadi harapan selepas pindaan ini dibuat, maka akan berlaku perubahan besar kepada gerakan koperasi dalam negara kita.

Itu harapan kepada pindaan yang dibuat ini kerana kalau pindaan dibuat, kuasa ditambahkan kepada pihak yang berkenaan tetapi tidak ada berlaku perubahan-perubahan sebagaimana yang diinginkan saya fikir pindaan ini tidak memberi apa-apa makna kepada gerakan koperasi dalam negara kita khususnya. Oleh sebab itu saya percaya dan kita sedar bahawa kalau selama ini mungkin tanggungjawab suatu perkara diletakkan kepada Gabenor sahaja misalnya ataupun kepada Ketua Setiausaha Kementerian sahaja tetapi ditambahkan kepada penolongnya, ini bermakna kita dapat *empower* kuasa berkenaan.

Kita faham dengan kekangan waktu, kekangan tugas dan tanggungjawab pihak-pihak berkenaan, Ketua Setiausaha misalnya memang dengan bebanan tugas dan tanggungjawab dan sudah tentu apabila ditambah kepada penolong dalam pindaan ini, ini dengan sendirinya akan memberi peluang untuk pihak suruhanjaya meletakkan seseorang yang lain yang memberi fokus sepenuh masa.

Saya percaya ini penting untuk dilakukan dan saya harap ia diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan dengan menambahkan kegiatan-kegiatan koperasi supaya gerakan koperasi dalam negara ini akan lebih segar dan akan banyak koperasi berjaya sebagaimana Bank Rakyat dan Tabung Haji dalam negara ini. Ini menjadi harapan kepada

kita misalnya sebuah koperasi perumahan yang agak berjaya di Pulau Pinang, di Bayan Baru yang juga mempunyai standard yang punya keupayaan untuk melaksanakan program pembangunan sebagai pihak pembangunan hartanah yang berjaya. Itu kita harapkan. Maknanya, pindaan ini mesti diterjemahkan dengan meningkatnya perkhidmatan kita kepada koperasi dan berlaku perubahan besar dalam gerakan koperasi dalam negara kita. Itu yang menjadi harapan.

Satu perkara yang saya hendak sebutkan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah dalam soal kita hendak membangunkan koperasi dalam negara kita, saya percaya penekanan boleh diberikan di peringkat sekolah. Oleh sebab itu kita tahu bahawa sejak sekian lama sudah diwujudkan koperasi di sekolah-sekolah dengan tujuan untuk mengadakan pelbagai program. Misalnya kalau kita lihat antara tujuan tercatat dalam undang-undang kecil koperasi, ditubuhkan koperasi sekolah untuk mengadakan kemudahan-kemudahan kepada koperasi-koperasi untuk ahlinya untuk menyimpan wang misalnya.

Maknanya kita galakkan rakyat menerusi pelajar lagi untuk membudayakan semangat menyimpan dalam koperasi di sekolah. Ini satu amalan yang cukup baik. Kalau ini kita kembangkan dan kita berikan tumpuan, saya percaya bila mereka besar nanti amalan itu akan diteruskan dalam kehidupan seharian mereka. Maknanya penekanan itu mesti diberikan di peringkat sekolah, budaya menabung misalnya.

Bukan itu sahaja, dengan sendirinya selain daripada mereka menabung, mereka juga boleh aktif dan melatih diri mereka untuk menjadi usahawan, perniagaan kecil-kecilan di sekolah. Ini juga perlu diberi penekanan perkara-perkara ini dan saya harap melalui pindaan ini, maka tumpuan-tumpuan seumpama ini dapat dibuat supaya pegawai atau penolong Gabenor dan persatuan yang kita lantik ini benar-benar memberi fokus kepada usaha mendidik rakyat supaya budaya koperasi ini dapat kita kembangkan. Oleh sebab itu saya ingin mendapat penjelasan dalam Dewan ini tentang kegiatan koperasi di peringkat sekolah ini. Saya tahu bahawa ini perlu diberikan penekanan kerana ada juga kita dapat lihat walaupun pelbagai usaha dibuat ada juga koperasi-koperasi di peringkat sekolah ini tidak berdaya maju kerana kekangan-kekangan tertentu. Ini mesti dibuat kerana saya tahu juga bahawa sebenarnya model gerakan koperasi di sekolah di Malaysia ini sebenarnya banyak dijadikan contoh kerana kejayaan model gerakan koperasi sekolah di Malaysia ini sudah bermula sejak sekian lama.

■1630

Kejayaan ini mesti dikembangkan lagi untuk akhirnya dapat dipraktikkan selepas anak-anak kita keluar daripada alam persekolahan. Namun demikian, saya percaya juga bahawa isu-isu koperasi di peringkat sekolah ini juga sering kali menghadapi pelbagai masalah. Antaranya ialah berkaitan dengan- kerana saya baca satu kajian yang dibuat oleh- saya tidak mahu sebut di sini tetapi ada satu kajian dibuat, dia menyatakan bahawa 50% daripada koperasi-koperasi kita di sekolah ini menghadapi masalah dari segi penyediaan rekod akaun dan rekod-rekod yang lain, ini antara masalah.

Saya harap ini akan diberi tumpuan melalui kewujudan tanggungjawab yang diberi dalam akta ini. Kemudian 30% dibelenggu masalah pentadbiran dan pengurusan. Sebanyak 20% dari koperasi memerlukan kawalan dalaman yang berkesan kerana tidak

aktif dan sebagainya. Ada lagi masalah-masalah lain termasuklah guru-guru yang diberi tanggungjawab untuk membimbing koperasi-koperasi ini tidak berjalan dan melaksanakan tanggungjawab dengan baik.

Saya faham bahawa tanggungjawab koperasi di sekolah ini tentulah sepatutnya dilakukan oleh golongan pendidik sekolah. Oleh sebab itu pada pandangan saya untuk menjayakan dan membangunkan gerakan koperasi dalam negara ini apa salahnya kita praktikkan amalan yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, *Blue Ocean Strategy*. Maksudnya, untuk menjayakan koperasi ini bukan hanya tanggungjawab diletakkan kepada Suruhanjaya Koperasi sahaja tetapi Suruhanjaya Koperasi mesti ada satu mekanisme yang bolehkan mereka menjalinkan hubungan dengan pelbagai agensi, pelbagai kementerian. Supaya semua pihak memberi fokus ke arah usaha membangun. Kalau koperasi di sekolah mesti semua pihak bertanggungjawab untuk bangunkan koperasi ini. Saya percaya kalau kita laksanakan sedemikian rupa...

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sibuti bangun.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sila. Yang Berhormat Sibuti ini saya kena bagi Tuan Yang di-Pertua, kawan baik.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita mendengar bahawa koperasi-koperasi sekolah, di kawasan di luar bandar seperti kawasan saya kebanyakannya sekolah-sekolah tidak mempunyai koperasi. Kalau boleh kita mengharap dengan adanya pindaan ini bahawa digalakkan pegawai-pegawai koperasi pergi turun ke sekolah-sekolah di luar bandar. Ini sebab di sekolah-sekolah di luar bandar mempunyai pelajar-pelajar tidak kurang daripada 1,000 orang. Jadi, dengan adanya koperasi di sekolah ini dapat kita menggalakkan daripada mereka pergi ke membeli barang di luar pagar sekolah, berebut-rebut di luar sekolah.

Lebih baik kalau digalakkan oleh pegawai-pegawai koperasi ini turun ke sekolah mengadakan tunjuk ajar bagaimana untuk mengadakan koperasi. Juga kita mengharap bahawa pendidikan yang ditunjuk ajar oleh mereka menekankan bagaimana menjaga kewangan mereka. Supaya pelajar-pelajar ini boleh dari awal seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Lenggong tadi. Untuk menyimpan wang daripada mereka belanja tiap-tiap hari di luar, di kereta-kereta yang menjual kuih di luar dan sebagainya, boleh kita menyimpan di koperasi kita. Supaya mereka nanti keluar daripada sekolah itu boleh menjadi usahawan-usahawan yang berguna. Macam mana pandangan Yang Berhormat Lenggong? Terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Saya bersetuju. Itulah antara hasrat sebenar diwujudkan koperasi di sekolah-sekolah. Untuk menanam budaya perniagaan, budaya keusahawanan, budaya menabung, budaya berjimat cermat dan pelbagai budaya-budaya positif di kalangan para pelajar, yang inilah saya sebutkan tadi. Kalau kita hendak tanam budaya ini supaya apabila kita lihat hari ini ada koperasi-koperasi yang pengurusannya tidak amanah, ada koperasi-koperasi yang tidak berdaya maju. Ini kerana

tidak ada sifat amanah, tidak ada tanggungjawab. Jadi, saya percaya kalau nilai-nilai ini ditanam lebih awal di peringkat sekolah ia akan menjadi sikap yang sudah tertanam dalam diri mereka. Maka, apabila tanggungjawab itu diberi kepada mereka untuk mengendalikan syarikat-syarikat ataupun koperasi-koperasi besar ini, saya percaya ia tidak begitu menjadi masalah kepada mereka.

Oleh kerana inilah matlamat sebenar, saya percaya kewujudan koperasi di sekolah yang asasnya ia bukan bertujuan hanya untuk mengaut keuntungan tetapi membina nilai-nilai sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Sibuti. Saya harap ianya diberi fokus oleh Suruhanjaya Koperasi dengan melibatkan pelbagai pihak. Budaya *Blue Ocean Strategy* ini benar-benar dipraktikkan di bawah tanggungjawab Suruhanjaya Koperasi. Saya sebut tadi bahawa...

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Yang Berhormat Lenggong sedikit.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sila Yang Berhormat Jerantut.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik apabila Yang Berhormat Lenggong menyebut tentang *Blue Ocean Strategy*. Untuk lebih menjadikan koperasi sekolah-sekolah ini lebih diminati kalau boleh kita menggunakan perkataan itu di kalangan para pelajar. Apa kata Yang Berhormat Lenggong, bersetuju atau tidak, Suruhanjaya Koperasi ataupun kementerianannya sendiri bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan mencari satu kaedah. Agar strategi yang kita hendak gunakan ini tidak menambahkan beban kepada Kementerian Pendidikan. Khususnya, para guru tidak merasakan bahawa mereka sekali lagi dibebankan dengan beban tambahan apabila kita meminta Kementerian Pendidikan bersama-sama dengan kementerian ini untuk memperkasakan koperasi di sekolah-sekolah.

Walau bagaimanapun ada kaedah pada pandangan saya sama ada Yang Berhormat Lenggong bersetuju atau tidak. Kita menjadikan koperasi di sekolah ini sebagai masuk dalam salah satu aktiviti kokurikulum. Di mana para pelajar yang melibatkan diri dalam koperasi ini bukan sahaja mereka mendapat ilmu tentang pengurusan koperasi, bukan sahaja mereka boleh menanamkan minat kepada mereka untuk bersama-sama nanti menguruskan koperasi apabila mereka keluar dari sekolah. Akan tetapi mereka juga mendapat markah dalam kokurikulum mereka. Markah kokurikulum ini kalau boleh kita minta Kementerian Pendidikan menjadikan aktiviti kokurikulum koperasi ini mendapat markah yang lebih tinggi berbanding dengan markah-markah yang lain.

Juga bagi guru-guru yang membantu melaksana dan memperkasakan koperasi di sekolah-sekolah ini. Mereka ini wajar pihak pentadbiran sekolah melalui Kementerian Pendidikan sendiri, memberikan markah prestasi yang lebih berbanding dengan guru-guru yang tidak melibatkan koperasi. Dengan kaedah ini secara tidak langsung warga pendidik, warga sekolah merasakan koperasi ini, pengurusan koperasi ini, memperkasakan koperasi di peringkat sekolah adalah tanggungjawab mereka bersama. Terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jerantut. Saya bersetuju dengan pandangan tersebut. Ini kerana dalam usaha kita untuk meningkatkan kualiti koperasi kita di sekolah atau di mana

pun, kita harus memberi insentif. Insentif koperasi biasanya melalui dividen dan sebagainya. Akan tetapi dividen itu sama ada banyak atau sedikit, bakal diperoleh oleh ahlinya, ia bergantung kepada prestasi koperasi berkenaan. Oleh sebab itu saya percaya kalau cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Jerantut tadi, maknanya ia sebahagian daripada insentif untuk pentadbir, pengurus dan jawatankuasa yang mengendali koperasi itu lebih mempunyai semangat yang tinggi untuk meningkatkan kualiti dan pencapaian koperasi.

■1640

Saya percaya ini satu langkah yang baik dan saya harap ia diambil perhatian oleh pihak suruhanjaya dan pihak kementerian dan khususnya pihak-pihak bertanggungjawab supaya perkara ini akan membantu usaha untuk mencapai matlamat penubuhan gerakan koperasi di sekolah-sekolah. Ini kerana kita juga tahu bahawa selama ini saya difahamkan kita ada gabungan koperasi sekolah-sekolah. Maknanya gabungan koperasi yang melibatkan beberapa koperasi di sekolah-sekolah menengah atas misalnya untuk menggalakkan mungkin satu daripadanya ialah untuk mewujudkan persaingan.

Saya juga harap di samping suruhanjaya ini ia bertanggungjawab hanya untuk memastikan perjalanan koperasi itu berjalan dengan baik, apa salahnya juga ia mengambil peranan sedikit untuk memandu arah supaya koperasi-koperasi ini dapat melaksanakan program-program perniagaan mereka dengan lebih tersusun dan lebih baik kerana ini juga penting, kerana kalau kita tidak bagi pandu arah ini barangkali ia juga akan menimbulkan masalah misalnya koperasi tidak aktif. Dia tidak aktif koperasi ini bukan apa, dia tidak ada perniagaan.

Kadang-kadang lembaga pengarah hendak mesyuarat pun, hendak mesyuarat apa. Tiap-tiap kali mesyuarat cerita minit mesyuarat sahaja, berniaga tidak ada, kontrak tidak ada, apa tidak ada. Ini yang menyebabkan kadang-kadang mesyuarat tidak mahu dibuat dan sebagainya. Oleh sebab itu barangkali boleh difikirkan untuk selepas ini suruhanjaya koperasi juga bertanggungjawab untuk memandu arah dan boleh menentukan bagaimana koperasi-koperasi ini untuk mewujudkan peluang perniagaan.

Kita banyak koperasi sekarang ini. Kita ada koperasi-koperasi besar yang berjaya kita dapat lihat dalam negara ini. Apa salahnya koperasi mewujudkan rangkaian perniagaan memberi peluang kepada koperasi-koperasi baru untuk mendapat nikmat hasil daripada kejayaan yang mereka peroleh misalnya ataupun kita wujudkan rangkaian dan sebagainya. Tadi macam di koperasi sekolah sudah ada gabungan koperasi sekolah. Apa salahnya kita wujudkan rangkaian perniagaan. Sekolah ini buat ini, sekolah ini buat rangkaian perniagaan supaya perniagaan itu lebih besar dan tersusun.

Yang pentingnya Tuan Yang di-Pertua saya harap dengan pindaan-pindaan yang dibuat dalam Dewan yang mulia ini akan berlaku perubahan dalam gerakan koperasi dalam negara kita. Ini yang penting sekali. Kalau pindaan dibuat tahap masih lagi lama tidak ada berlaku perubahan, tidak ada apa makna kepada pindaan ini kerana ini falsafah dan matlamat sebenar. Sebab itu saya menyokong pindaan ini dengan harapan supaya berlaku perubahan dalam gerakan koperasi dalam negara ini. Terima kasih, Lenggong menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Anak muda Yang Berhormat dari Kapar.

4.43 ptg.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Selamat petang dan salam reformasi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada anak muda Kapar untuk membahar Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2014. Isu pertama saya ialah kena-mengena dengan matlamat asas Suruhanjaya Koperasi Malaysia adalah untuk mengukuhkan sektor koperasi bagi membolehkannya memberikan sumbangan yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara terutamanya memberikan bantuan kewangan kepada peniaga kecil dan pemilik perniagaan koperasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Saya ingin mendapat maklum berapa lagi wakil rakyat yang ingin berbahar. Tolong bangun sekejap. Satu, dua. Yang lain? Di luar ya? Sila Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih. Saya ingin penjelasan daripada kementerian adakah matlamat ini dapat direalisasikan. Adakah matlamat asas ini dapat dicapai setelah gerakan koperasi ini yang telah bertapak sejak 92 tahun iaitu sejak tahun 1922? Apakah peranan dan komitmen kementerian untuk mencapai matlamat asas SKM?

Isu kedua saya adalah kena-mengena dengan TEKUN. TEKUN diwujudkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang merupakan sebuah agensi kemudahan pembiayaan secara mudah dan cepat khususnya kepada bumiputera untuk memulakan perniagaan. Namun begitu pada asasnya TEKUN untuk membantu semua lapisan masyarakat dalam memajukan perniagaan. Namun yang berlaku adalah sebaliknya. Menjadi persoalan jika TEKUN diwujudkan untuk semua lapisan rakyat Malaysia.

Mengapa terdapat layanan berat sebelah yang hanya memberi keutamaan kepada ahli UMNO di mana ia terbukti apabila membuat sebarang pinjaman atau aplikasi sokongan haruslah melalui Ketua UMNO Bahagian. Ini merupakan fakta-fakta yang saya terima daripada bahagian Parlimen saya sendiri. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan secara terbuka adakah ini satu kewajipan untuk mendapatkan sokongan daripada Ketua UMNO Bahagian atau sebaliknya.

Isu kedua juga berkaitan dengan TEKUN adalah kerajaan telah menyalahgunakan kemudahan pinjaman TEKUN untuk kepentingan politik. Pinjaman dalam jumlah yang besar telah diluluskan sebelum dan semasa kempen pilihan raya. Ahli-ahli parti politik tertentu mendapat keutamaan di mana sikap pilih kasih telah diamalkan. Apakah komitmen kerajaan supaya tindakan kepentingan politik sebegini tidak berulang demi menjaga integriti Suruhanjaya Koperasi Malaysia?

Isu kedua saya ialah ada kena-mengena dengan isu dan status penglibatan penyelewengan wang ANGKASA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Isu ketiga.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Hendak masuk ketiga. Wah, ini menunjukkan Tuan Yang di-Pertua tekun mendengar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hormati.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ucapan dari anak muda Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua lagi sekali. Isu ketiga saya Yang Berhormat Menteri adalah kena-mengena dengan ANGKASA. Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad merupakan badan agensi yang terbesar dalam pengurusan koperasi Malaysia. Satu badan yang memayungi semua jenis koperasi asas menengah dan atasan di seluruh negara. Kenyataan Profesor Ungku Aziz pada Januari 2009 antara sebab utama beliau meletakkan jawatan sebagai Presiden ANGKASA adalah kerana tiada tindakan diambil di atas penyalahgunaan wang melibatkan transaksi mencecah sebanyak RM20 juta. Memetik sumber berita *BERNAMA* dengan izin Tuan Yang di-Pertua “...for example a member applies for a RM60,000 loan to do a project or build a house but because of abuse in administration the person only gets RM30,000 to RM40,000. Who takes the rest of the money and how is the money divided among them?”

Antara persoalannya, apakah ANGKASA ada menghantar kepada Yang Berhormat Menteri salinan-salinan penyata akaun tahunannya dengan butiran terperinci yang diakui oleh Ketua Audit Negara. Persoalan kedua, apakah Yang Berhormat Menteri akan membentangkan satu salinan penyata akaun yang telah diperakui oleh Ketua Audit Negara kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara demi akauntabiliti dan integriti SKM dan juga ANGKASA.

Pindaan yang dikhaskan dan dibahaskan hari ini adalah memfokuskan akauntabiliti Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Bagaimana kita akan mencapai akauntabiliti ini jika dua persoalan di atas tadi tidak diberi keutamaan dan fokus terperinci oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulas sebuah kes iaitu berkenaan dengan Profesor Datuk Dr. Mohd. Ali Baharum, YDP ANGKASA pada tahun 2010. Pendakwaan terhadap beliau adalah lebih perbelanjaan Peraturan 14 (2) Peraturan-peraturan Koperasi 1995. Penyalahgunaan kuasa dan salah urus tadbir sehingga menyebabkan ketirisan berjuta ringgit. Ketirisan itu membabitkan kerugian RM6.5 juta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya cuma hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Kapar kes ini kes di mahkamah?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kes ini tiada tindakan. Itu yang saya hendak tanya apa tindakan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Belum di mahkamah ya?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Belum, belum. Ketirisan itu membabitkan kerugian RM6.5 juta dalam pembelian tanah, pegawai ANGKASA mengumpul elaun sehingga berjuta ringgit dan melanggar undang-undang kecil seksyen 30(5) termasuk

membelanjakan RM1.2 juta membeli tujuh kereta Toyota Camry sedangkan peruntukan yang diluluskan hanya RM400,000 sahaja.

■1650

Hasil siasatan oleh SKM pada tahun 2010 juga mengesahkan berlakunya penyelewengan tersebut. Akan tetapi sehingga sekarang, tiada tindakan dikenakan terhadap ANGKASA. Mengapa tiada tindakan terhadap ANGKASA dan apakah status terkini mengenai kes ini?

Isu keempat saya Tuan Yang di-Pertua ialah isu tambang bas sekolah dan peranan koperasi bas sekolah. Berikutan pengumuman kenaikan harga minyak dan harga diesel masing-masing sebanyak 20 sen pada 1 Oktober 2014, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) mengumumkan bahawa harga tambang bas sekolah akan ditentukan oleh kuasa pasaran. Pengumuman SPAD pada 3 Oktober 2014 bermaksud SPAD berhenti memainkan peranan penetapan harga siling tambang bas sekolah di mana selepas ini SPAD hanya akan memainkan peranan sebagai pemantau keadaan.

Menurut Pengerusi SPAD, Tan Sri Syed Hamid Albar, berkuat kuasa Januari 2015, kuasa untuk menetapkan harga tambang bas sekolah terletak kepada persetujuan antara tiga pihak iaitu ibu bapa, sekolah dan pengendali bas. Setakat ini, terdapat 15,000 pengendali bas sekolah yang sah di seluruh negara. SPAD menganggarkan kira-kira 30,000 pengendali bas sekolah masih belum berdaftar dengan pihaknya di seluruh negara.

Persoalan saya, apakah peranan kementerian untuk menggalakkan baki 30,000 pengendali bas ini berdaftar? Soalan kedua, mengapa tiba-tiba SPAD menarik diri daripada memainkan peranan dan memberikan kuasa ini kepada kuasa pasaran? Ini kerana ini akan membebankan ibu bapa, kanak-kanak dan juga pengendali bas.

Sekian, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya minta penjelasan daripada kementerian dengan hati yang terbuka. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Salam reformasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Gerik.

4.52 ptg.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Tuan Yang di-Pertua, saya turut sama juga untuk membahaskan rang undang-undang Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007. Harapan kita, dengan persetujuan perubahan cadangan ini boleh memberi kemantapan koperasi di seluruh negara.

Kalau kita lihat, tadi rakan-rakan kita telah sebut, koperasi yang ada di seluruh negara mengikut rekod daripada SKM ialah 10,914 yang mana dikatakan berpotensi berjaya ialah 100 buah koperasi. Bermakna, kalau kita berjalan di seluruh negara, pandangan rakyat kepada koperasi sebenarnya tidak sebaik mana kecuali melihat kejayaan seperti Bank Rakyat dan beberapa koperasi yang lain. Biasanya koperasi yang berjaya ini lebih kepada aktiviti kredit, pinjam-meminjam, maka koperasi tersebut boleh berjaya. Akan tetapi koperasi-koperasi lain, kerana kita melihat ada kelemahan-kelemahan pentadbiran dan juga macam mana kata Yang Berhormat Batu tadi, peranan Lembaga Pengarah ini

diberikan kepada pengurus semata-mata, akhirnya pengurus dia tidak akan buat kerja untuk koperasi kerana pada dia, dia bekerja kuat untuk koperasi dan yang untung adalah ahli-ahli koperasi lebih baik.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu Gajah bangun.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Sila.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Tadi Yang Berhormat Gerik juga ada menyentuh tentang satu fakta iaitu berkaitan dengan jumlah koperasi iaitu 10,000 koperasi dan tadi Yang Berhormat Sekijang juga ada menegur di masa saya membuat hujahan saya tadi mengatakan semua maklumat ini ada terkandung di dalam *website* Suruhanjaya.

Tadi saya sudah masuk ke dalam *website* dan lihat ke dalam *website* tersebut, memang terdapat banyak maklumat atau statistik di dalam *website* tersebut tetapi maklumat-maklumat itu adalah sehingga tahun 2013. Maklumat terkini memang belum ada lagi. Jadi saya tahu memang dalam hujah saya, saya minta kepada maklumat terkini. Mungkin Yang Berhormat Menteri tidak dapat menyediakan maklumat terkini sebab ia melibatkan statistik, jadi saya pohon kepada Yang Berhormat Menteri kalau boleh dapatkan maklumat ini secara bertulis untuk saya. Saya hanya hendak tambah untuk perkara itu sahaja. Terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Maklumat saya pun sama, sampai tahun 2013. Seperti mana yang saya katakan tadi, pandangan masyarakat di luar bandar seperti mana Yang Berhormat Sibuti ada sebut tadi, saya selalu merasmikan koperasi-koperasi yang saya lihat aset cukup banyak tetapi tidak menunjukkan keuntungan yang menarik, akhirnya ahli-ahli mula tidak menambahkan saham. Mereka tidak yakin, tidak melihat apa ada keuntungan koperasi-koperasi yang umur lebih 40 hingga 50 tahun di sini.

Jadi di sinilah harapan kita dengan cadangan perubahan Rang Undang-undang SKM ini, kita berharap Suruhanjaya Koperasi Malaysia bukan sekadar di ibu pejabat, di peringkat negeri, di peringkat daerah mesti mengemblengkan tenaga memantau koperasi yang sekurang-kurangnya rekod-rekod sampai tahun 2013 ini ada lebih daripada 10,000 untuk memastikan bagaimana ahli-ahli yang membeli saham dalam koperasi percaya kepada koperasi.

Saya percaya kalau kita hendak menarik ahli-ahli baru di peringkat bawah pada hari ini agak sukar kecuali kalau di jabatan-jabatan kerajaan yang membuat kredit kerana mereka tahu jadi ahli boleh pinjam untuk berkahwin, boleh pinjam kata RM5,000 atau RM10,000, ini ada keyakinan boleh potong melalui ANGKASA, maka koperasi tersebut boleh hidup. Akan tetapi bagaimana koperasi-koperasi yang lain? Perbankan, kita kata boleh berjaya, kredit boleh berjaya tetapi pertanian macam mana? Koperasi perumahan seperti yang telah disebutkan tadi pun tidak... PR1MA pun kerajaan tidak hendak bagi peluang kepada pihak koperasi untuk membuat rumah. Koperasi perindustrian pun sama juga. Begitu juga koperasi pengguna yang mana tadi disentuh untuk di luar bandar dan

juga sekolah. Koperasi pembinaan, koperasi pengangkutan yang kita nampak dalam negara dari satu syarikat koperasi dijual kepada syarikat koperasi yang lain yang menggambarkan tidak ada keupayaan keuntungan yang banyak.

Di sinilah saya rasa Suruhanjaya Koperasi ini kena memainkan peranan untuk memulih keyakinan rakyat kepada koperasi. Kalau rakyat sudah tidak yakin kepada koperasi walaupun kita tahu koperasi sebenarnya memberikan keuntungan yang banyak kepada negara. Kalau kita lihat, Lembaga Pertubuhan Peladang bila dibuat cara baru mengawal PPK di peringkat daerah, kita melihat PPK sekarang ini nampak mendapat keuntungan dan boleh memberi pulangan kepada ahli-ahli di peringkat bawah. Saya yakin, SKM juga kalau boleh membantu seluruh koperasi di seluruh negara, maka keuntungan yang akan dicapai ini boleh meyakinkan semula pemegang-pemegang saham dalam koperasi di seluruh negara.

Kalau kita lihat kejayaan Bank Rakyat ini, kalau kita tengok di antara dengan bank swasta sendiri pun bila kita hendak buat simpanan tetap, Bank Rakyat boleh memberi kadar faedah yang lebih tinggi daripada CIMB ataupun daripada lain-lain bank. Oleh kerana itu, ada satu keyakinan daripada rakyat.

Begitu juga soal Lembaga Pengarah kerana mungkin kita masih memakai tradisi lama, lantik sahaja Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah bila panggil cuma hendak tunggu dapat elaun, tidak memberikan perhatian kepada pengurusan parti. Kita serah bulat-buat kepada pengurus yang kita lantik. Akhirnya koperasi tidak dapat untung tetapi pengurus dilihat lebih berjaya. Tukar kereta baru, rumah dapat lebih besar.

Maka, untuk era yang baru, sesuai dengan transformasi yang kerajaan harapkan, saya berharap perkara ini Kementerian Hal Ehwal Pengguna membantu kepada Suruhanjaya Koperasi supaya kita fikir beberapa strategi untuk memulih keyakinan rakyat kepada koperasi.

■1700

Pertama, saya rasa kita merangsang penglibatan koperasi dalam sektor ekonomi bernilai tinggi. Kita kena gerakkan supaya koperasi kita terlibat dalam sektor ekonomi yang bernilai tinggi. Pakatan strategik dan jaringan perniagaan dengan pihak ketiga sama ada dalam dan luar negara, koperasi boleh mendapat manfaat daripada segi modal, teknologi dan juga pasaran. Perluasan aktiviti ekonomi dan peningkatan nilai tambah melalui aktiviti rantai nilai dalam industri yang diceburi. Perluasan pasaran produk dan perkhidmatan koperasi kepada pasaran terbuka dan tidak terhad kepada anggota yang memegang saham sahaja. Aplikasi teknologi hijau dalam perusahaan koperasi untuk menjamin kesejahteraan rakyat di samping menjana pendapatan baru. Begitu juga pembiayaan untuk membolehkan koperasi membuat penyelidikan dan pembangunan R&D bagi menghasilkan produk baru dan menambah nilai kepada produk yang sedia ada.

Strategi kedua, memantapkan keupayaan dan kebolehan koperasi. Kejayaan koperasi berteraskan kepada keupayaan untuk terus bertahan dan bersaing dalam dunia perniagaan di era globalisasi dan liberalisasi pasaran yang semakin mencabar. Ke arah itu, pengurusan perniagaan dan takbir urus baik merupakan elemen penting bagi memastikan koperasi dapat terus berada di pasaran. Keupayaan dan kebolehan koperasi diperkukuhkan

melalui pemilihan pemimpin yang berpengetahuan dan komited yang dapat menerajui koperasi dan membawanya ke tahap yang lebih tinggi. Pembesaran operasi supaya dapat menikmati ekonomi berskala dan berdaya saing. Penggabungan atau kerjasama antara koperasi atau dengan pihak ketiga untuk menerokai bidang baru yang memerlukan modal besar. Penggunaan teknologi moden untuk meningkatkan produktiviti dan keberkesanan. Begitu juga perluasan akses pembiayaan untuk koperasi mengembangkan perniagaan.

Ketiga, mewujudkan dan meningkatkan keupayaan modal insan koperasi. Kejayaan koperasi terletak kepada anggota, anggota lembaga, Jawatankuasa Audit Dalam dan kakitangannya. Pendidikan adalah waktu penting dalam usaha membina upaya modal insan, membangun kekuatan intelektual, meningkatkan pengetahuan dalam perniagaan dan membentuk sikap. Modal insan yang berilmu, berkemahiran dan bersikap positif adalah penentu kejayaan. Perubahan minda pemimpin dan anggota koperasi kepada pemikiran proaktif, kreatif, inovatif dan berbudaya keusahawanan.

Peningkatan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang yang sedang dan akan diceburi oleh koperasi. Peningkatan profesionalisme dalam pengurusan dan pentadbiran koperasi. Pelaksanaan kursus wajib yang lebih efektif kepada anggota lembaga dan Juru Audit Dalam. Penggalakan penyertaan anggota koperasi dalam pembelajaran seumur hidup bagi menguasai pelbagai bidang ilmu.

Seterusnya, meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap gerakan koperasi. Gerakan koperasi berupaya menjadi wadah untuk membantu rakyat memperbaiki dan meningkatkan taraf hidup melalui aktiviti berkumpulan. Beroperasi membolehkan penyertaan dalam aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan dan kekayaan. Kesedaran tentang manfaat berkoperasi ini perlu disebarluaskan untuk menarik minat rakyat menyertai atau menubuhkan koperasi. Kerajaan berhasrat supaya masyarakat menerima koperasi sebagai sebahagian daripada amalan hidup mereka. Segenap lapisan masyarakat dan komuniti digalakkan untuk menubuhkan koperasi.

Bagi meningkatkan keyakinan koperasi, kefahaman mengenainya dipertingkatkan melalui promosi kesedaran berkoperasi dengan pendekatan mesra rakyat, peningkatan kesedaran, kerjasama dan sokongan pihak majikan atau pemimpin persatuan terhadap usaha memperkembangkan gerakan koperasi di negara ini. Tindakan mempermudah penubuhan koperasi untuk menggalak lebih ramai rakyat menjadi anggota koperasi dan penyebaran maklumat yang lebih berkesan dengan kerjasama pihak media cetak dan elektronik serta agensi kerajaan.

Seterusnya yang terakhir, memperkukuhkan koperasi melalui seliaan dan penguatkuasaan yang berkesan. Persekutuan perundangan yang kondusif akan membantu menggalakkan pertumbuhan dan kejayaan koperasi. Tindakan tegas diperlukan bagi memastikan urus tadbir baik supaya koperasi terus berkembang dan mampat. Dengan ini koperasi dapat turut serta dalam arus perdana pembangunan negara. Pengesanan awal dan tindakan *primitive* merupakan pendekatan baru bagi mempertingkatkan pematuhan kepada perundangan. Pendekatan ini akan dilaksanakan secara berterusan bagi menjadikan gerakan koperasi lebih kukuh dan berwibawa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama, semua perkara ini kalau boleh dilaksanakan boleh memberi keyakinan rakyat semula kepada koperasi. Saya percaya dalam transformasi yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, koperasi mesti diperkasakan, banyak yang terdapat di kampung-kampung, aset seperti kerajaan negeri memberi tanah untuk ladang getah, kelapa sawit. Kalau semua benda koperasi ini berjaya, maka pendapatan untuk negara akan bertambah lagi.

Satu perkara yang saya minta kementerian memberi penjelasan ialah apabila saya tengok dalam laman *Facebook* iaitu pembelian bangunan Shell untuk SKM di Kuala Lumpur di Damansara. Minta kerajaan menjelaskan kerana kalau kita melihat dalam *Facebook*, seolah-olah ada tuduhan yang boleh memberi aib kepada individu tertentu yang mana mungkin kerana lokasi tanah tadi di mana tempatnya sekurang-kurangnya orang yang kena tuduh, dia dapat diberi pembelaan kerana sekurang-kurangnya keadaan sebenar, kenapa bangunan tersebut bangunan bekas Shell tadi dibeli untuk SKM ini.

Sekurang-kurangnya tidaklah berlaku tohmahan daripada rakyat, memberi persepsi yang tidak betul daripada rakyat sekurang-kurangnya ini boleh membantu meyakinkan kita bahawa sebenarnya dengan perubahan cadangan rang undang-undang baru ini, koperasi akan menuju kepada satu era baru. Kita yakin selain daripada boleh mengawal kenaikan harga barang dan pelbagai, saya yakin koperasi boleh membantu memulihkan persepsi yang tidak betul dibawa oleh sesetengah pihak untuk kita jadikan satu pandangan baru daripada rakyat di bawah.

Dengan ini saya menyokong rang undang-undang yang dibawa pada hari ini. Terima kasih.

5.09 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai pindaan ke atas Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memfokuskan hanya kepada Koperasi Permodalan Felda Berhad (KPF) yang saya ingin minta supaya menteri memberikan beberapa penjelasan mengenai beberapa isu yang ada kaitan dengan KPF ini. Pertamanya saya ingin bertanya kepada pihak Menteri, kita tahu bahawa, saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Jerlun.

■1710

KPF ini adalah salah satu koperasi yang boleh dikatakan telah berjaya menjana wang yang begitu banyak sehingga boleh membantu memberikan kadar dividen yang agak tinggi dibandingkan dengan koperasi-koperasi yang lain. Cumanya ada beberapa isu yang saya rasa perlu diberikan penjelasan di sini.

Yang pertamanya, saya ingin bertanya sebab oleh kerana ia ada juga melibatkan kes mahkamah yang telah selesai. Jadi kes ini tidak ada *sub judice* dan saya ingin menyatakan kepentingannya di sini iaitu berkaitan dengan kes di mana peneroka

FELDA menyaman Suruhanjaya Koperasi sendiri dan juga KPF berkaitan dengan isu yang bagi saya itu adalah satu isu yang begitu asas tetapi *somehow* dengan izin, telah menjadi satu isu yang melucukan.

Untuk makluman Ahli-ahli Parlimen di sini bahawa sebelum ini, kalau ikut dalam Undang-undang Tubuh KPF, hanya golongan tertentu sahaja yang boleh jadi ahli koperasi iaitu para peneroka dan keluarga mereka, anak-anak dan juga isteri mereka dan juga pegawai FELDA yang bekerja secara tetap dengan FELDA. Akan tetapi tiba-tiba tahun 2012, kita menyaksikan bagaimana Pengerusi FELDA yang bukan anak peneroka, yang bukan peneroka, yang sudah tentu bukan isteri peneroka, yang juga bukan pegawai tetapi FELDA tiba-tiba menjadi ahli KPF. Yang itu tak pelik lagi. Apabila diberitahu oleh para peneroka bahawa Pengerusi FELDA ini tak layak berdasarkan perlembagaan jadi ahli sebab dia tidak termasuk dalam mana-mana kategori.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cuma Yang Berhormat Sepang, saya juga ingin minta pengesahan. Kes ini ada...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dah selesai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dah selesai dan masih ada rayuan?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak ada, tak ada rayuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Confirm* ya?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Yes, I confirm* sebab saya terlibat dalam kes ini Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Kalau kita terlibat sebagai peguam, kita juga tidak...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tidak ada kepentingan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: ...Kita tidak boleh juga.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak, saya nyata kepentingan saya. Saya nak katakan saya bukan nak persoalkan apa kes mahkamah itu, saya nak katakan tindakan Suruhanjaya Koperasi ini yang sepatutnya isu ini boleh selesai dengan mudah dan tidak perlu pergi ke mahkamah kerana apa, kerana jelas bahawa tidak boleh jadi ahli. Akan tetapi bila dibangkitkan bahawa dia tak boleh jadi ahli, sepatutnya tidak menjadi ahli maka nama dia mesti dibuang daripada rekod tetapi apabila dibawa ke dalam perbicaraan dalaman Suruhanjaya Koperasi, apa yang peliknya ialah apabila diputuskan walaupun dia tak layak jadi ahli tapi kita tak boleh buang nama dia daripada Koperasi KPF. Bukankah itu sesuatu yang pelik? Tak boleh jadi ahli tetapi nama kena kekalkan. Itu yang menyebabkan kes dibawa ke mahkamah. Jadi, saya ingin menyatakan kenapakah Suruhanjaya Koperasi dalam isu yang semudah ini tidak boleh diselesaikan?

Bukan susah sangat. Memang awak tak layak jadi ahli, buang nama. Itu sahaja. Rupa-rupanya kita tahu di sebalik itu memang nak adakan satu mesyuarat agung dan khabar angin bahawa ada usaha untuk melantik Pengerusi FELDA ini sebagai Pengerusi KPF, itu rupanya. Terpaksa para peneroka bawa kes ke mahkamah dapatkan injunksi dan

mahkamah telah berikan injunksi melarang dia untuk dicalonkan sebagai pengerusi. Itu yang pertama. Yang kedua, saya ingin bertanya, walaupun KPF ini kita tahu bahawa sebuah koperasi yang saya kata tadi memang saya tidak lokek untuk memuji bahawa memang telah berjaya dan memang ada sumbangan daripada peneroka tetapi dalam masa yang sama, saya ingin bertanyakan kepada Menteri, apakah status?

Kita tahu pada tahun 2013 adanya satu pendakwaan dibuat ke atas syarikat ataupun Silver Bird Group Berhad iaitu agen pemasaran beras yang mempunyai usaha sama dengan KPF dan sampai mewujudkan Felda KPF Quality Foods Sdn. Bhd. yang ada usaha sama dengan Silver Bird Group ini yang menjadi agen pemasaran barang makanan dan pertanian daripada rancangan FELDA. Semua rancangan FELDA ini, syarikat ini yang telah diberikan amanah untuk menjadi agen pemasaran kerana Perdana Menteri sendiri telah melancarkan Projek Gedung Makanan Negara pada tahun 2008 kalau tak silap saya, 2009.

Kita tahu bahawa adanya pendakwaan dibuat ke atas dua orang yang terlibat dengan Silver Bird Group Berhad ini. Isu ini yang saya nak tanyakan sebab ia melibatkan jumlah yang besar iaitu hampir RM30 juta yang melibatkan pecah amanah. Isunya ialah kenapakah ataupun adakah pihak Suruhanjaya membuat apa-apa siasatan ke atas mana-mana pihak yang terlibat dalam KPF sebab ini melibatkan wang amanah. Kita tahu wang-wang peneroka, jadi apabila wang yang sebanyak RM30 juta itu satu jumlah yang besar. Saya tidak ingin pertikai, saya tidak ingin sentuh tentang apa yang berlaku di mahkamah. Apa yang saya ingin tanyakan apakah ada siasatan telah dibuat, siasatan dalaman oleh Suruhanjaya Koperasi untuk dapatkan cerita sebenar tentang apa yang berlaku dalaman KPF itu? Kita tahu bahawa KPF ke mana-mana anak syarikat dalam FELDA ini bukan mudah untuk nak melabur kecuali adanya campur tangan daripada pihak atasan.

Jadi persoalan saya, adakah pihak-pihak atasan FELDA ini juga telah disiasat kerana ini melibatkan isu yang amat runcing kerana ia melibatkan kehilangan wang yang begitu banyak iaitu sebanyak RM30 juta. Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Menteri, adakah KPF ini masih lagi... apakah boleh dibenarkan ataupun apakah status usaha sama KPF ini dengan pihak Silver Bird Group Berhad ini dalam keadaan kita tahu Silver Bird ini dia juga adalah syarikat usaha sama yang terlibat dalam kes pecah amanah RM30 juta ini? Jadi, saya ingin mendapatkan status tentang kedudukan usaha sama antara KPF Quality dengan Silver Bird Group Berhad ini? Jadi, saya rasa itu sahaja yang ingin saya sentuh berkaitan dengan pindaan ke atas akta ini dan saya mohon supaya Menteri dapat memberi penjelasan terhadap perkara-perkara yang saya bangkitkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Lepas Setiu, Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.18 ptg.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini. Saya akan terus kepada pentingnya pindaan kepada rang undang-undang ini, Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Pindaan ke atas perenggan 11(3)(c)

dan (d) adalah bertujuan untuk memperkukuhkan sebenarnya struktur Lembaga Pengarah Suruhanjaya itu sendiri.

Pindaan kepada seksyen 62A adalah atas tujuan untuk menjimatkan duit kerajaan kerana dengan kita dapat menggembeng tenaga kerana yang sedia ada dan apa yang ditekankan dalam akta itu sendiri dan juga pindaan adalah kepada pembangunan koperasi itu sendiri. Jadi, koperasi ini perlu dibangunkan sebenarnya. Sektor koperasi ini perlu dibangunkan kerana seiring dengan pengiktirafan kerajaan yang meletakkan bahawa gerakan koperasi itu sebagai sektor ekonomi yang ketiga.

■1720

Ia juga merupakan penyumbang utama kepada pembangunan sosioekonomi menjelang 2020 dengan koperasi yang berdaftar lebih kurang 10,000 dengan ahlinya lebih kurang 8 juta orang yang memegang modal yang berjumlah lebih kurang RM13 bilion dan jumlah aset lebih kurang RM100 bilion. Ini adalah penting ya kepada penyumbang sosioekonomi negara. Cuma apa yang saya ingin dapatkan penjelasan sedikit daripada pihak kementerian ialah dengan penstrukturan kepada pegawai koperasi di kawasan saya sebab kita ada 40 buah koperasi lebih kurang di kawasan Setiu.

Masalahnya pegawainya adalah gred 27 yang diletakkan bukan di Daerah Setiu, tetapi diletakkan di Daerah Besut iaitu Terengganu Utara. Jadi saya rasakan untuk mengawal 40 buah koperasi dan juga di Besut lebih kurang 100 buah, semua sekali lebih kurang 114 buah. Jadi dengan tiga orang staf yang ada gred 27 dan tiga orang staf yang lain saya rasa tidak mencukupi. Jadi perlu ditambah. Sekurang-kurangnya kalau hendak tambah, tambahlah seorang pegawai gred 41 ditempatkan di Daerah Parlimen Setiu.

Selain itu, saya ingin menggesa kepada pihak suruhanjaya supaya memberi pengawasan dan juga penerangan yang cukup kepada koperasi-koperasi dan juga ahli-ahlinya kerana kita lihat ada koperasi-koperasi di mana ahli-ahlinya ada yang ditipu, jadi hak-hak mereka perlu diberitahu. Kebanyakan anggota yang menganggotai koperasi juga masih tidak faham kenapa mereka menyertai koperasi itu sendiri dan mereka tidak tahu apa hak dan terima kasih mereka sebagai anggota. Kebanyakan mereka menganggotai koperasi kerana tertarik dengan sesetengah janji manis, masuk RM100 dapat pulangan RM1,000, mungkin itu janji manisnya. Akhirnya dia akan menyalahkan pihak kerajaan kerana tidak mengawasi koperasi yang berkenaan.

Seterusnya penerangan juga perlu diberikan kerana koperasi adakah sebuah entiti yang sah. Kita bagi penerangan mengatakan bahawa koperasi ini adalah satu entiti yang sah yang berdaftar di bawah SKM yang dimiliki oleh anggota itu sendiri yang boleh bertindak sebagaimana sebuah entiti yang sah contohnya untuk berniaga, untuk membuat apa-apa perjanjian dalam koperasi itu sendiri, untuk menyaman ataupun rela disaman dan sebagainya. Jadi anggota juga merupakan pemilik, jadi perlu tahu sebagai pemilik kepada koperasi itu mereka perlu tahu tanggungjawab sebagai pemilik termasuklah untuk menyediakan modal kewangan yang cukup untuk membolehkan koperasi beroperasi sesuai dengan matlamat penubuhannya. Mereka perlu tahu bahawa jika koperasi maju, maka modal syer mereka akan bertambah dan keuntungan yang dijana akan bertambah.

Begitulah sebaliknya jika koperasi itu rugi dalam perniagaan akan menyebabkan modal syer juga anggota turut berkurangan.

Selain itu, kefahaman juga perlu diberi mengenai perundangan kepada ahli lembaga dan juga kepada anggota-anggota koperasi itu sendiri terutamanya Akta Koperasi 1993 iaitu (Pindaan) 2007 mengenai dengan peraturan-peraturannya iaitu peraturan yang melibatkan pelaburan yang melibatkan kesalahan-kesalahan dan juga perlu diterangkan ada juga kes-kes yang menyebabkan pinjaman dari koperasi bukan daripada ahli bukan daripada anggota juga satu kesalahan yang berlaku di bawah seksyen 91. Mereka juga ada hak di bawah Tribunal Koperasi juga perlu diberitahu dan juga mereka juga perlu diberitahu berkenaan dengan bantuan-bantuan yang ada oleh pihak koperasi seperti bantuan pembangunan koperasi dan juga bantuan kecemasan dan sebagainya, tertakluk kepada garis panduan dan juga pekeliling-pekeliling yang ada.

Saya rasa setakat itu sahaja yang saya ingin katakan pada petang ini. Saya ucapkan terima kasih dan menyokong pindaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya menjemput Yang Berhormat Menteri.

5.26 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahas usul atau rang undang-undang dan seramai mengikut yang saya rekod Tuan Yang di-Pertua 17 Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dan 14 pencelahan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang banyak memberi pandangan dan juga cadangan, teguran dan hentam pun ada jugalah dan juga harapan kepada kementerian. Akan tetapi apa yang menggembirakan saya Tuan Yang di-Pertua ialah semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian ini menyokong pindaan rang undang-undang ini. Jadi kita harap mungkin esok keseluruhan Ahli-ahli Yang Berhormat ini akan menyatakan persetujuan di atas pindaan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, keseluruhan Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyoal mengenai dengan pindaan rang undang-undang ini, untuk saya perelaskan satu persatu kepada Yang Berhormat, terutama sekali saya ingin menyatakan mengenai dengan status koperasi sehingga kini. Ramai Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian untuk mendapatkan jumlah koperasi yang sebenar. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah koperasi sehingga 30 September 2014 ialah sebanyak 11,640 buah koperasi yang mana sebelum ini pada 31.12.2013 sebanyak 10,914 buah koperasi sahaja dan penambahan pada tahun 2014 telah jadi 11,640 buah koperasi. Sehingga 31 Disember 2013 juga, jumlah anggota ialah 7.6 juta dan jumlah syer sebanyak RM12.8 bilion jumlah aset sebanyak RM107.9 bilion dan jumlah perolehan sebanyak RM32.97 bilion iaitu berakhir kepada 31 Disember 2013.

Ramai Ahli Yang Berhormat yang ingin mendapat maklumat mengenai dengan kluster koperasi berasaskan perolehan tahunan. Untuk makluman Yang Berhormat, kalau

koperasi yang besar ini perolehan RMnya adalah RM5 juta ke atas dan kita mempunyai 176 buah iaitu 1.6%. Sederhana antara RM1 juta hingga RM5 juta, kita ada 475 buah koperasi iaitu 4.35% dan koperasi yang kecil di antara RM200,000 hingga RM1 juta kita ada 169 buah koperasi dan mikro kurang daripada RM200,000 – 8,994 buah koperasi iaitu 82.4%.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat Menteri, kita sambung jawapan esok ya. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga pukul 10.00 pagi hari Khamis 9 Oktober 2014.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang]